

PARLIMEN KESEBELAS

PENGGAL KETIGA

MESYUARAT KEDUA

Bil. 26	<i>Selasa</i>	12 Disember 2006
----------------	---------------	-------------------------

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Halaman 1)

USUL:

Peraturan Mesyuarat 13(2)
Tidak Mengikut Aturan Urusan Mesyuarat Yang Telah Ditetapkan (Halaman 1 & 17)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan 2007 (Halaman 35)

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Selasa, 12 Disember 2006

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

USUL

TIDAK MENGIKUT ATURAN URUSAN YANG TELAH DITETAPKAN

10.03 pagi

Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan [Puan Noriah binti Kasnon]: Tuan Yang di-Pertua,

“Mengikut Peraturan Mesyuarat 13(2) saya mohon mencadangkan bahawa Pertanyaan Nombor 2 di dalam Aturan Urusan Mesyuarat pada hari ini dikebelakangkan ke nombor 10, dan pertanyaan-pertanyaan nombor 3 hingga nombor 10, dijadualkan semula sebagai pertanyaan-pertanyaan nombor 2 hingga nombor 9 dalam Aturan Urusan Mesyuarat pada hari ini”.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pengajian Tinggi [Datuk Dr. Adham bin Baba]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah pada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah dipersetujukan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

1. **Dato' Haji Kamarudin bin Haji Ambok** minta Perdana Menteri menyatakan, berapakah kos sebenar untuk menunaikan fardu haji. Apakah dengan kenaikan harga minyak pihak Tabung Haji turut mengalami kerugian.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim]: Tuan Yang di-Pertua, kos sebenar untuk menunaikan fardu haji adalah kos yang dikenakan sejak daripada tahun 2002 dan sebelumnya iaitu sebanyak RM9,445, ditambah sebanyak lagi RM1,400 iaitu kos minyak dan tambang, yang menjadikan kos sebenarnya ialah RM10,845. bagaimanapun wang perbelanjaan haji atau WPH bagi musim haji 1427 Hijrah atau 2006, bagi perkhidmatan biasa

muassasah hanyalah dikenakan sebanyak RM8,973 bagi Semenanjung, RM9,054 bagi Sarawak, RM9,096 bagi Sabah.

Jikalau Yang Berhormat tanya, adakah pihak Tabung Haji turut mengalami kerugian, sebenarnya memanglah ini dikirakan sebagai suatu kerugian, bagaimanapun Tabung Haji melihat ini sebagai satu tanggungjawab sosial yang perlu dilaksanakan dan sebagai satu perkhidmatan yang diberikan oleh pihak Tabung Haji. Terima kasih.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya adalah, apakah rasional sebenarnya apabila ada cadangan daripada pihak Tabung Haji memendekkan tempoh menunaikan haji daripada 45 hari kepada lebih kurang 2 minggu. Sedangkan bagi saya, sepatutnya 45 hari itu lebih baik supaya mereka lebih banyak masa untuk beribadat. Dan, adakah ini bertujuan untuk mengurangkan kos Tabung Haji sendiri?

Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim: Terima kasih, Yang Berhormat. Saya mohon izin daripada Tuan Yang di-Pertua untuk menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan yang bakal dikemukakan pada 18 dan 20 Disember kerana soalan ini adalah sama.

Timbalan Yang di-Pertua: Saya bersetuju.

Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, isu memendekkan jumlah mengerjakan haji ini sebenarnya adalah satu cadangan dan cadangan ini diterima oleh pihak Tabung Haji untuk dikaji. Tabung Haji sedang memberi perhatian utama kepada cadangan tersebut dengan meneliti semua aspek pengurusan dan perjalanan haji termasuklah penjimatan kos.

Sebenarnya, bagi umat Islam yang pergi haji untuk kali pertama, mereka berharap dapat melaksanakan ibadah haji dan ibadah-ibadah lain di tanah suci dengan sempurna dan dalam keadaan yang tidak terburu-buru. Bagaimanapun, bagi mereka yang telah pernah menunaikan haji, kebanyakan daripada mereka memang ingin memendekkan tempohnya dan jumlah mereka ini kecil dan lazimnya Tabung Haji tidak menghadapi masalah untuk mengendalikannya.

Apa pun Yang Berhormat, sebenarnya ia hanya merupakan satu cadangan yang masih lagi dikaji oleh pihak Tabung Haji. Terima kasih.

Tuan Ir. Hiang A Li: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tabung Haji pada masa yang lepas telah memaklumkan mengalami kerugian yang besar juga. Jadi, soalan saya ialah, sejauh mana siasatan dalam kes ini telah dilakukan dan apakah *finding* nya. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, soalan yang Yang Berhormat kemukakan tadi berkenaan dengan pelaburan Tabung Haji.

Tuan Ir. Hiang A Li: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua: Sedangkan soalan asal adalah berkaitan dengan kos-kos berkaitan dengan penunaian fardu haji. Ini terpulang kepada Yang Berhormat, sama ada hendak menjawab ataupun tidak.

Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini sebenarnya tidak berkaitan dan kita mempunyai soalan yang khusus berkenaan dengan pelaburan. Terima kasih.

Puan Mumtaz binti Md Nawi: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah adakah Tabung Haji mempunyai langkah-langkah atau kempen-kempen yang berkesan untuk menggalakkan orang menunaikan haji di kalangan orang muda yang berkemampuan. Dan, berapa peratus kah yang mengerjakan haji di bawah usia 40 tahun ke bawah? Terima kasih.

Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim: Terima kasih, Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kempen-kempen untuk melabur dan juga menjadi sebagai pendeposit memang dilaksanakan, bahkan kempen-kempen ini pun ada diadakan di sekolah dan sebagainya sebagai penyimpan-penyimpan. Tetapi kalau Yang Berhormat menghendaki kepada peratus di kalangan belia saya mohon tempoh untuk menjawabnya secara bertulis kerana peratus tersebut tidak ada pada saya hari ini. terima kasih.

3. **Dato' Haji Muhamad bin Haji Abdul Ghani** minta Menteri Pertahanan menyatakan adakah kerajaan telah mengkaji dasar yang sedia ada agar Skim Kebajikan JHEV serta kemudahan perubatan secara menyeluruh diberi kepada semua tanggungan Veteran ATM yang layak, termasuk isteri yang dikahwini selepas bersara atau yang anak lahir selepas tamat perkhidmatan.

Timbalan Menteri Pertahanan [Dato' Zainal Abidin bin Zin]: Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Senator, adalah dimaklumkan bahawa apa yang terdapat sewaktu dalam perkhidmatan oleh anak dan isteri akan dapat selepas perkhidmatan. Tetapi kemudahan akan didapati oleh isteri yang dikahwini selepas perkhidmatan dan anak sekiranya bahagian kebajikannya tidak ada tetapi bahagian perubatan, ada. Bahagian perubatan ini pun kalau suaminya masih hidup. Kalau suaminya itu meninggal, perubatan ini pun pada anak dan isteri tidak ada.

Di dalam skim kerajaan, ketika dalam perkhidmatan, anggota tentera hendak berkahwin seorang isteri lagi mesti meminta kebenaran daripada pegawainya. Pada masa yang sama mesti minta kebenaran daripada isterinya. Kalau isterinya tidak beri kebenaran dia kahwin lagi satu, maka dia akan tidak diberi kebenaran oleh pegawai berkenaan. Semua perkahwinan yang dijalankan secara rahsia ataupun tidak, kalau sebarang tuntutan hendak dibuat kemudian nanti, dia mesti laporkan.

Laporan yang dibuat atau perkahwinan rahsia ataupun dibuat di negara jiran adalah merupakan satu kesalahan dan ini biasanya akan diambil tindakan. Mana-mana kakitangan anggota tentera yang diberhentikan kerana melakukan kesilapan tata tertib dan peraturan, semua kemudahan ini setelah itu ia tidak akan dapat dan anak isterinya tidak dapat. Terima kasih.

Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Dimaklumkan bahawa ada bekas-bekas tentera yang setelah mereka tamat perkhidmatan umurnya

baru 30 tahun ataupun 32 tahun. Kadang-kadang oleh sebab pendapatan tidak ada, mereka berhenti tanpa pencen, ia kahwin lain. Selepas itu, apabila sudah kahwin lain, dapat anak. Maksud kita adakah anak daripada hasil beristeri lagi satu itu, bukan satu tambahan, setelah isteri merajuk, makan susahlah. Itu maksud kita, wajar kerajaan melalui jabatan kementerian mempertimbangkan, kerana dia sebagai bekas tentera. Ini yang maksudnya, bolehkah pihak nilai. Terima kasih.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, di dalam angkatan tentera, kita kalau boleh anggota yang telah kita pilih dan kita latih kita hendak dia berkhidmat setelah cukup waktu dia boleh mendapat pencen. Ini kerana kita telah mengambil pendekatan dan tanggungjawab kita untuk menentukan anggota kita tidak susah dalam perkhidmatan dan tidak akan susah setelah perkhidmatan. Tetapi kalau dia pilih, tidak ikut kehendak kita, dia jadi susah, itu pilihan dia.

Kerana pilih kita tidak bagi susah, dia pilih hendak susah, macam mana hendak suruh kita pertimbangkan, kerana kita sayang, kita belai, beri peluang dia tidak hendak ikut. Sekarang kita merangsang mereka untuk kekal supaya mereka berkhidmat sehingga habis tempoh 22 tahun untuk mereka dapat pencen. Tetapi kalau mereka pilih untuk meninggalkan perkhidmatan ketika berkhidmat 10 tahun, itu bukan pilihan kita dan untuk ini kita tidak ada pertimbangan kerana kita telah timbang, kita telah rancangan, kita telah buat peraturan, kita adakan kemudahan, mereka tidak mahu mengikut. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua : Terima kasih Yang Berhormat. Maksudnya susah yang dicari, yang di luar penjagaan pihak kementerian memang tidak boleh buat apa-apa. Baik, terima kasih Yang Berhormat Menteri.

4. **Puan Mumtaz binti Md. Nawi** minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) apakah kelayakan minimum untuk mendapatkan pinjaman perumahan kerajaan, berapakah jumlah pinjaman perumahan kepada kakitangan awam sehingga kini dan adakah kerajaan bercadang untuk mengubah jumlah pinjaman perumahan mengikut kos setempat sebagaimana COLA; dan
- (b) adakah kerajaan bercadang menghapuskan faedah 4% ke atas pinjaman kenderaan dan perumahan sebagaimana yang dinikmati oleh kakitangan Kerajaan Negeri Kelantan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Datuk Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: Tuan Yang di-Pertua;

- (a) Kelayakan untuk mendapatkan pinjaman perumahan kerajaan adalah seperti berikut:
 - (i) warganegara Malaysia;
 - (ii) sedang berkhidmat dan berjawatan tetap;

- (iii) berkhidmat satu tahun dan disahkan dalam jawatan;
- (iv) tidak bankrap;
- (v) tidak berhutang hukuman maknanya hutang yang diarahkan oleh mahkamah;
- (vi) tidak berkemampuan maknanya hutang tidak banyak sangat sehingga tidak boleh bayar pinjaman kerajaan. Selalunya ditetapkan lebih kurang 60%, kalau dia berhutang itu boleh lagilah pinjaman. Kalau lebih daripada itu mungkin tidak boleh atau tidak dapat pinjaman.
- (vii) tidak di dalam tindakan tatatertib ataupun enam bulan sebelum bersara atau tamat perkhidmatan.

Tuan Yang di-Pertua;

- (b) Jumlah pinjaman pembiayaan kakitangan awam sehingga November 2006 adalah seramai 763,346 orang yang melibatkan amaun sebanyak RM55.3 bilion. Kerajaan tidak bercadang untuk mengubah jumlah pinjaman perumahan mengikut kos sesuatu tempat sebagaimana COLA. Manakala pinjaman bergantung kepada gaji hakiki peminjam. Kerajaan juga tidak bercadang untuk menghapuskan faedah 4% ke atas pinjaman kenderaan dan pinjaman perumahan.

Terima kasih.

Tuan Lee Chee Keong: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, bagi seseorang kakitangan kerajaan yang telah bersara dan duit pencen bulanannya tidak cukup untuk membayar pinjaman perumahannya, apakah polisi atau dasar kementerian?

Datuk Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, ini tidak harus berlaku oleh kerana semasa membuat pinjaman dahulu sudah ditetapkan tentang pembayarannya. Ya lah, mungkin berlaku Tuan Yang di-Pertua, saya akui mungkin berlaku kerana bila pencen, dia punya pencen biasanya setengah daripada gaji. Itu memang berlaku dan ini kumpulan yang saya sebutkan sebagai mudah miskin. Maknanya hari ini dia bekerja, tetapi besok dia sudah jadi miskin.

Ini dipanggil kumpulan mudah miskin dan saya yakin ada anak dia, saya ingat boleh disambung untuk bayaran dan sebagainya. Bermakna boleh kita buat perkiraan semula sebab Bahagian Pinjaman Perumahan dia begitu *flexible* dan boleh berbincang tentang bayaran sama ada hendak dikurangkan lagi bayarannya, kalau katakan membayar RM100 tetapi hendak dikurangkan sedikit, bolehlah tetapi dipanjangkan lagi dia punya tempoh bayarannya.

5. **Tuan Tay Puay Chuan** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan bilakah rang undang-undang membolehkan kakitangan pihak berkuasa tempatan atau PBT, ditukarkan ke PBT yang lain akan dibentangkan di Parlimen.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dr. S. Subramaniam]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memohon izin untuk menjawab soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Tuan Tay Puay Chuan secara serentak dengan soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Md Zain bertarikh 12 Disember memandangkan soalan-soalan tersebut menyentuh perkara yang sama.

Timbalan Yang di-Pertua: Bersetuju Yang Berhormat.

Dr. S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, pihak kementerian pernah mengemukakan Kertas Cadangan untuk menjadikan anggota perkhidmatan PBT di Semenanjung Malaysia sebagai anggota perkhidmatan awam kepada Jemaah Menteri pada 8 Oktober 2003 bagi membolehkan pegawai dan kakitangan PBT ditukarkan ke PBT yang lain dalam negeri yang sama.

Walau bagaimanapun, Jemaah Menteri memutuskan supaya perkara ini dikaji dengan lebih mendalam memandangkan perkara ini menimbulkan berbagai-bagai implikasi dari segi pelaksanaan. Berikutan dengan itu, pihak kementerian dan kerjasama Jabatan Peguam Negara dan Jabatan Perkhidmatan Awam telah mengkaji perkara ini dan mengenal pasti beberapa alternatif untuk menjadikan perkhidmatan PBT sebagai perkhidmatan yang lebih terbuka.

Walau bagaimanapun, semua alternatif yang dikenal pasti mempunyai implikasi dari segi perundangan, struktur pentadbiran dan mempunyai masalah untuk dilaksanakan. Oleh yang demikian, perkara ini tidak dapat diselesaikan dalam jangka masa yang singkat. Pada masa ini hasil dari kajian bersama yang disebutkan tadi, Kertas Cadangan untuk menjadikan perkhidmatan PBT kepada perkhidmatan yang lebih terbuka sedang diteliti di peringkat akhir dan akan dibentangkan semula kepada Jemaah Menteri dalam awal tahun hadapan.

Tindakan untuk meminda undang-undang yang terlibat akan diambil selepas mendapat keputusan dasar dari Jemaah Menteri ke atas cadangan tersebut dan pihak kementerian berharap bahawa kita boleh membuat sedemikian di tahun 2007. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Tuan Tay Puay Chuan dan selepas itu Tuan Ismail Kasim.

Tuan Tay Puay Chuan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat, dalam beberapa aspek umpamanya, dalam pelantikan Ahli Majlis dan juga pelantikan pegawai PBT, nampaknya peranan kementerian hanya sebagai penasihat dan tidak mempunyai kuasa mutlak dalam bab ini. Adakah kerajaan bercadang untuk meminda undang-undang berkenaan ataupun berkaitan supaya PBT menikmati kuasa sebagaimana yang dinikmati oleh kerajaan negeri sekarang. Terima kasih.

Dr. S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, di dalam perlembagaan kita, pihak berkuasa tempatan diletakkan di bawah kerajaan negeri. Inilah suatu perkara yang telah dipersetujui dan

kalau hendak memindahkan konsep itu, ia memerlukan pemindaan ke perlembagaan dan pada masa sekarang walau pun itu ialah satu daripada pelbagai alternatif yang telah dikaji.

Kementerian mencadangkan untuk mencari alternatif yang tidak memerlukan pemindaan perlembagaan dan mewujudkan suatu sistem di mana pegawai-pegawai yang bekerja di dalam pihak-pihak berkuasa tempatan sekurang-kurangnya boleh dipindahkan di negeri tersebut dan kita boleh mempunyai satu lagi kumpulan pegawai yang boleh di hantar daripada kumpulan Persekutuan secara *secondment* untuk bekerja di dalam pihak-pihak berkuasa tempatan. Terima kasih.

Tuan Ismail bin Kasim: Adakah pindaan ini juga turut melibatkan bahawa jawatan YDP ataupun Datuk Bandar ini terbuka kepada mereka yang di luar daripada JPA dan juga PTD dan sebagainya.

Dr. S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, pada masa sekarang pun ada banyak orang yang dilantik untuk menjadi Yang Dipertua yang datang daripada golongan PTD yang telah dihantar untuk menjadi Yang Dipertua secara *secondment* dan perkara ini akan diteruskan pada masa akan datang di negeri-negeri di mana perkara ini dibuat cuma di negeri-negeri di mana ada *close civil service*, perkara ini tidak boleh dibuat.

Kita berharap dengan melaksanakan cadangan-cadangan yang telah dibuat ini dalam jangka masa hadapan sekurang-kurangnya pegawai-pegawai sokongan yang ada di dalam pihak berkuasa tempatan boleh dipindahkan di dalam negeri dan pegawai-pegawai di peringkat profesional dan pentadbiran tinggi boleh datang daripada golongan pegawai daripada PTD. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, Dr. Puad. Dr. Puad semalam semasa perbahasan banyak menyentuh isu berkaitan PBT, silakan.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan mungkin sama cuma saya hendak bertanya apakah ada cadangan supaya jawatan YDP ini ataupun Datuk Bandar ini mesti dilantik dari kalangan orang-orang politik kerana mereka lebih faham dan lebih tahu permasalahan yang membabitkan soal kemasyarakatan. Terima kasih.

Dr. S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, perkara ini telah dikaji dan sebelum ini telah dilaksanakan di beberapa tempat tetapi dia mempunyai kebaikan dan kelemahan dia sendiri. Oleh itu kita tidak mempunyai cadangan yang muktamad supaya pihak YDP datang daripada pihak politik sahaja. Terima kasih.

6. **Tuan Ahmad bin Hussin** minta Menteri Pertahanan menyatakan apakah pergolakan terkini di Palestin dan Lubnan akan menyebabkan penangguhan atau pemanggilan balik tentera Malaysia yang berkhidmat di bawah panji PBB di sana memandangkan rejim Israel langsung tidak gentar untuk mencabar kewibawaan PBB.

Timbalan Menteri Pertahanan [Dato' Zainal Abidin bin Zin]: Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Senator, soalan ini telah menyatakan bahawa pengambilan balik adalah kerana pergolakan. Saya ingin menerangkan pergolakan ini betul tetapi anggota tentera kita dipanggil baru pergi.

Kita belum pergi lagi maka tidak ada sebab kita hendak balik. Saya ingin memaklumkan bahawa tentera kita akan pergi seramai 365 orang dan kita telah menghantar kumpulan peninjau dan mengawas supaya kedatangan 365 orang ini dapat disusun baik. Pemergian ke sana adalah dengan kehendak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dan persetujuan oleh kerajaan kita.

Saya juga ingin menerangkan bahawa pemergian ke sana ada yang ditanggung oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dari segi perbelanjaan dan pengekosannya dan ada yang ditanggung oleh kita. Ada bayaran yang kita mesti bayar dahulu kemudian kita tuntutan dengan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu atas persetujuan yang telah dicapai dan kita juga terima keputusan yang akan dibayar oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu berasaskan persetujuan yang telah dipersetujui.

Anggota tentera kita ini akan bertolak pada 15 Disember seramai dua orang tetapi kumpulan yang terakhir ialah pada 15 Januari 2007 mencukupi 265 orang. Anggota kita pergi ke Lubnan menggunakan penerbangan pesawat MAS tetapi kelengkapan yang lain-lain akan dibawa oleh perkapalan swasta.

Tuan Yang di-Pertua, itu sahaja. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Sebab soalan asal tadi Yang Berhormat, ada juga bertanyakan berikutan daripada pergolakan terkini di Palestin dan Lubnan sama ada kerajaan bercadang menanggungkan walau pun Yang Berhormat kata tadi kita belum lagi, jadi soalan balik itu tidak timbul. Tetapi ada juga ditanyakan sama ada kalau kita tidak pergi, sama ada kita boleh cadangkan untuk menanggungkan.

Apa yang saya faham daripada jawapan Yang Berhormat tadi memang tidak ada cadangan untuk ditanggungkan, kita pergi juga. Terima kasih Yang Berhormat.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua: Tidak ada soalan tambahan ya? Sudah jelas, ya? Terima kasih Yang Berhormat.

7. **Datuk Soon Tian Szu** minta Menteri Kewangan menyatakan bahawa kenaikan harga bahan api telah mendorong kerajaan memberi subsidi diesel kepada organisasi di Malaysia. Namun begitu, permohonan sesetengah organisasi tidak diluluskan sebaliknya sesetengah organisasi yang tidak memohon telah menerima surat tawaran dari kementerian. Apakah kriteria untuk sesebuah organisasi memohon subsidi diesel tersebut.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Datuk Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]:
Terima kasih Datuk Soon.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, pada masa ini subsidi diesel hanya diberikan kepada beberapa sektor terpilih sahaja setiap sektor runcit iaitu jualan di stesen minyak pengangkutan darat sama yang menggunakan *skit tank* dan *fleet cut*, bot nelayan dan bot penumpang di sungai di Sabah dan Sarawak.

Bagi sektor pengangkutan darat, subsidi diesel diberikan kepada sektor pengangkutan awam seperti bas dan teksi serta kenderaan pengangkutan barangan keperluan pengguna seperti lori dan van sahaja. Pengecualian subsidi untuk sektor pengangkutan darat ini dikendalikan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna melalui sebuah jawatankuasa yang dipanggil sebagai Jawatankuasa Kelulusan Subsidi Diesel ataupun JKSD.

Mengenai kenyataan Ahli Yang Berhormat kerana terdapat sesetengah organisasi yang dikatakan mendapat tawaran subsidi walau pun tidak memohon, sukacita diperjelaskan bahawa organisasi-organisasi yang tertentu seperti syarikat bas ekspres, teksi atau lori yang layak mendapat subsidi diesel telah ditawarkan *fleet card* oleh JKSD bagi memudahkan mereka mendapatkan bekalan diesel bersubsidi tanpa membayar secara tunai. Memandangkan organisasi ini adalah layak mendapat subsidi diesel, berdasarkan maklumat kenderaan yang diperoleh daripada Jabatan Pengangkutan Jalan iaitu JPJ, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna membuat tawaran menggunakan *fleet card* walaupun mereka tidak membuat permohonan. Manakala bagi organisasi yang memohon tetapi ditolak, ini adalah kerana organisasi berkenaan adalah tidak layak mendapat subsidi mengikut JKSD.

Datuk Soon Tian Szu: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin tahu apakah keberkesanannya selepas dasar ini dijalankan dan juga sama ada kerajaan akan menimbang semula harga minyak untuk diturunkan memandangkan harga minyak di pasaran dunia telah turun.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, Malaysia banyak memberi subsidi. Oleh kerana dengan pemberian subsidi itulah maka kita dapat mengawal inflasi. Kalau mengikut negara lain, memang harga minyak dan barangan naik turun tetapi di Malaysia ini kita dapat mengawal inflasi ke tahap yang rendah. Cuma pada bulan Mac tahun ini, inflasi naik hingga 4.8% tetapi sekarang ini sudah tinggal 3.3%. Ini bermakna dari segi kawalan harga memang kerajaan berjaya melalui pemberian subsidi.

Kalau di lihat dari segi subsidi Tuan Yang di-Pertua, saya tidak boleh memberi jaminan sama ada kerajaan akan turunkan atau naikkan subsidi oleh kerana harga minyak pada hari ini sudah naik balik. Pada peringkat awal tahun ini apabila kerajaan mengurangkan subsidi maknanya harga minyak naik, pada masa itu harga minyak antarabangsa USD62 setong, kemudian ia naik sehingga USD75 hingga USD80 setong. Sekarang sudah turun balik, pada minggu lepas kepada dalam lingkungan USD65 setong.

Memang kita menjangka apabila kita mengurangkan subsidi 30% itu kita dapat menjimatkan lebih kurang RM4.4 bilion. Tetapi nampaknya tidak ada penjimatan pun oleh kerana

harga minyak sudah naik meningkat. Tetapi kerajaan akan terus memberikan subsidi ini. Kalau pada tahun lepas kerajaan membelanjakan lebih kurang RM14 bilion untuk subsidi, RM7 bilion untuk *direct subsidy* dan RM7.5 bilion lagi kerana tidak mengutip cukai jualan, maka kerajaan rugi dalam lingkungan hampir RM15 bilion.

Pada tahun ini kerajaan telah pun *set aside* dengan izin, lebih kurang sebanyak RM18 bilion untuk *direct subsidy*. Maknanya satu angka yang begitu tinggi tetapi kita *absorb* juga kerana kita hendak pastikan rakyat mendapat manfaat keseluruhannya.

Tuan Yang di-Pertua, di Malaysia ini tidak ada seorang pun yang boleh mengaku dia tidak mendapat apa-apa daripada kerajaan. Semuanya dapat. Kalau dia menggunakan minyak masak, dia mendapat subsidi. Dia menggunakan bahan elektrik pun dapat subsidi. Petronas bagi gas subsidi. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk Haji Roslan bin Awang Chik.

Datuk Haji Roslan bin Awang Chik: Tuan Yang di-Pertua, lanjutan daripada jawapan soalan yang kedua tadi melemahkan saya untuk menanyakan soalan tambahan yang ketiga. Walau bagaimanapun selepas bangun, saya terpaksa juga mengatakan salah satu polisi yang kerajaan buat ialah untuk mengurangkan tenaga buruh asing.

Dalam mengejar kepada matlamat ini, sudah tentu jentera-jentera terpaksa digunakan di peringkat perindustrian, perkilangan dan juga di dalam bidang *contracting*. Dalam bidang ini juga memerlukan diesel yang begitu banyak kerana menggunakan jentera-jentera yang begitu banyak. Di sini juga pihak kerajaan tidak memberi peruntukan ataupun subsidi ataupun tambahan daripada kos untuk mengendalikan kerja-kerja kontrak yang mungkin akan berlakunya kelewatan ataupun terbengkalai projek oleh kerana kenaikan harga diesel yang begitu tinggi. Bagaimana boleh mengatasi cara ini?

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, Datuk Haji Roslan adalah seorang Naib Pengerusi Persatuan Kontraktor Bumiputera Malaysia. Memang bila dia bercakap, dia akan bercakap bagi pihak kontraktor. Beliau mahu supaya kontraktor juga diberi subsidi kerana orang lain semua dapat subsidi, kontraktor juga mahu subsidi. Tetapi setakat ini belum ada lagi dasar untuk hendak memberi subsidi kepada kerja-kerja kontraktor ataupun kilang-kilang.

Walaupun bagaimanapun, pihak persatuan kontraktor boleh buat *representation* kepada kerajaan kalau ini menjadi beban kepada mereka. Tetapi yang saya dapat lihat tidak tahulah banyak mana kos yang *incurred* kerana menggunakan diesel atau petrol dalam hal *construction* ini. Mungkin sikit sangat, mungkin boleh di *absorb* oleh kontraktor. Untungnya memang kurang sikitlah tetapi masih lagi lumayan saya kira, Tuan Yang di-Pertua.

Walaupun bagaimanapun untuk tidak melemahkan semangat Datuk Haji Roslan, bolehlah kalau persatuan buat *representation* dan terpulang kepada kerajaan untuk mempertimbangkannya.

8. **Tuan M. Munusamy** minta Menteri Pengajian Tinggi menyatakan adakah kementerian bercadang untuk membentangkan kandungan buku garis panduan bagi integrasi kaum di institusi pengajian tinggi dalam Kabinet dan Parlimen sebelum buku ini diterbitkan untuk mengelakkan kekeliruan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pengajian Tinggi [Datuk Dr. Adham bin Baba]:

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia, Kementerian Pengajian Tinggi sedang menyediakan satu modul bagi kursus hubungan etnik sebagai panduan utama di institusi-institusi pengajian tinggi awam. Tujuan utama modul ini adalah untuk memperlengkapkan para pelajar kita dengan ilmu pengetahuan mengenai kepelbagaian dan isu-isu berkaitan dengan etnik di Malaysia dan sekali gus menanamkan semangat harmonis dan integrasi antara etnik yang ada.

Modul ini sudah selesai disunting oleh pakar dan telah dibentangkan di mesyuarat Jemaah Menteri pada 6 Disember 2006 yang lalu. Hasil daripada pembelajaran kursus hubungan etnik ini nanti, setiap pelajar diharap mampu membina satu peta mental makro mengenai hubungan etnik di Malaysia. Walaupun pemahaman para pelajar ini tidak sehandal mahupun sedalam para pakar, sarjana atau penyelidik namun ia memadai untuk memulihkan mereka membincangkan mengenai hubungan etnik di Malaysia dengan lebih sistematis dan serius.

Selain daripada itu, kursus ini akhirnya mampu memberikan setiap pelajar alat-alat analisis untuk mereka menyusun pengetahuan dan pengalaman mereka serta mengubah pendapat dan pengetahuan asal mereka mengenai hubungan etnik di Malaysia. Ini membolehkan mereka memikirkan kembali benar atau tidaknya *stereotype ethnic* yang mereka lalui saban hari selama ini.

Unggulnya melalui kursus ini diharapkan setiap pelajar ini nanti mampu mendalami dengan sendiri mengenai pelbagai aspek serta merefleks dan mengupas dengan bijak hubungan etnik di Malaysia dan berkebolehan berbincang mengenainya dengan rasional dan meyakinkan apabila berbicara dengan rakyat negara asing yang sentiasa terpegun oleh persepsi Malaysia adalah sebuah negara yang telah berjaya mewujudkan hubungan harmonis lagi stabil di antara kumpulan etnik. Terima kasih.

Tuan M. Munusamy: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada Kementerian Pengajian Tinggi yang telah menyediakan satu modul untuk diguna pakai bagi IPTA. Cuma saya juga minta supaya modul ini juga diwajibkan untuk digunakan di IPTS supaya ramai daripada golongan belia juga belajar dalam IPTS. Satu lagi saya minta supaya modul ini juga diedarkan kepada Ahli-ahli Parlimen supaya kita juga lebih faham. Terima kasih.

Datuk Dr. Adham bin Baba: Terima kasih Yang Berhormat di atas permintaan tersebut. Kita akan tunaikan.

Timbalan Yang di-Pertua: Puan Wan Ubaidah dan kemudian Tuan Lee Sing Chooi.

Puan Wan Ubaidah binti Omar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah pada pandangan saya, pengalaman dalam kelas sahaja tidak mencukupi untuk

menyemarakkan semangat integrasi kaum dan kefahaman etnik. Jadi, apakah usaha-usaha pihak kementerian dalam menyediakan mungkin program kokurikulum dan sebagainya supaya ada pengalaman pergaulan dan *hands-on experience* untuk mereka mengalami perbezaan dalam kaum. Terima kasih.

Datuk Dr. Adham bin Baba: Terima kasih Yang Berhormat. Dalam kita mengajar ataupun kaedah mengajar dalam pembelajaran hubungan etnik ini, pertamanya kita melibatkan kuliah; keduanya melibatkan tutorial; dan ketiganya kita melibatkan praktikal iaitu mereka akan mengadakan kajian, kes, projek, seminar dan pembentangan. Daripada ketiga-tiga kaedah ini, ia ada peperiksaan 40% dan praktikal 60%. Maksudnya kalau kita melihat bagaimana mereka pergi ke lapangan dan bersama-sama dengan kursus yang dilaksanakan di peringkat kuliah, latihan di peringkat lapangan, pelajar ini secara berkumpulan akan membentuk kumpulan yang bersatu padu pelbagai kaum. Mereka akan dinilai akhirnya sebagai masyarakat yang mempunyai latar belakang dengan hubungan etnik dan persefahaman yang lengkap. Itu tujuan yang kita laksanakan. Terima kasih.

Tuan Lee Sing Chooi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Objektif modul hubungan kaum di IPT adalah untuk integrasi dan perpaduan kaum. Satu caranya ialah mensasarkan generasi muda kita menghargai jasa-jasa orang perseorangan, pemimpin kita dan juga sumbangan-sumbangan sesuatu kelompok atau setiap kaum dalam pembangunan negara.

Tuan Yang di-Pertua, adakah semangat harga menghargai ini dan bukan perasaan negatif yang memecahbelahkan generasi muda kita di mana mereka akan berganding bahu dalam pembangunan negara. Adakah semangat harga-menghargai dan bukan perasaan negatif ini dijadikan satu teras yang utama dalam modul hubungan kaum ini. Terima kasih.

Datuk Dr. Adham bin Baba: Tuan Yang di-Pertua, kursus hubungan etnik ini sangat mulia dan hasrat untuk memberikan kefahaman kepada generasi muda terutama sekali pelajar di IPTA sangat dititikberatkan. Sebab itulah kita melihat di sini bahawa dalam kita membekalkan masyarakat muda kita dengan pemahaman ini, kita mengambil kira pengajaran peristiwa-peristiwa hitam tidak berulang lagi dan kita *look forward*, maksudnya kita *looking forward* panduan dengan izin. Kita mengadakan modul ini juga untuk memberi fokus supaya pentingnya langkah-langkah ke hadapan yang perlu diambil dalam usaha mengukuhkan perpaduan.

Masalahnya kita tidak menghargai, tidak timbul kerana dalam modul ini kita meletakkan lapan komponen:

- (i) konsep-konsep asas hubungan etnik;
- (ii) *plurality* dan masyarakat *plural* di Malaysia dulu, kini dan masa hadapan;
- (iii) Perlembagaan Malaysia dalam konteks hubungan etnik di Malaysia;
- (iv) pembangunan ekonomi dalam konteks hubungan etnik di Malaysia;
- (v) perkembangan politik dalam konteks hubungan etnik di Malaysia;

- (vi) hubungan etnik ke arah masyarakat integrasi;
- (vii) cabaran terhadap hubungan etnik di Malaysia dan global; dan
- (viii) hubungan Islam Hadhari dan hubungan etnik.

Komponen-komponen ini dengan sendirinya lengkap dalam hasil kita mengadakan draf modul dan keseluruhan modul ini dapat dijalani dengan baik dan tidak ada unsur-unsur memecahbelahkan kaum melalui kursus ini. Terima kasih.

9. **Dato' Haji Idris bin Haji Buang** minta Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi menyatakan apakah persiapan/persediaan Malaysia untuk membuat biodiesel lebih-lebih lagi dari kelapa sawit satu kejayaan yang bakal menjadi tunggak ekonomi Malaysia dan apakah jangka masa yang dirancang untuk sasarannya.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi [Dato' Dr. S. Vijayarajam]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi bersama-sama agensi Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) telah dan sedang membuat pelbagai persediaan untuk pelaksanaan rancangan biodiesel - biobahan api di negara kita. Langkah-langkah yang telah dan sedang diambil oleh KPPK termasuklah seperti berikut:

- (i) menetapkan dasar bio bahan api negara yang telah pun diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 21 Mac 2006 di Putrajaya;
- (ii) menggubal Rang Undang-undang Industri Biobahan Api Malaysia 2006 di mana rang undang-undang ini telah dibaca pada kali pertama di Dewan Rakyat pada 6 Disember 2006 yang lalu;
- (iii) Lembaga Minyak Sawit Malaysia kini sedang bekerjasama dengan SIRIM Berhad untuk menetapkan piawaian Malaysia untuk biodiesel atau *methyl ester*, dengan izin. Pada masa yang sama pengeluar biodiesel di negara kita perlu memastikan kualiti biodiesel yang dihasilkan akan memenuhi spesifikasi negara pengimport; dan
- (iv) MPOB juga telah berjaya menghasilkan teknologi loji biodiesel sawit bertakat rendah atau pun *winter fuel*, dengan izin. MPOB juga telah mengambil inisiatif untuk membina tiga buah loji integrasi biodiesel sawit biasa dan loji biodiesel sawit bertakat tuang rendah. Biodiesel sawit dari tiga buah loji itu adalah untuk tujuan eksport dan langkah ini memberi pulangan lumayan bagi ekonomi negara. Selain daripada mengeksport biodiesel sawit, Malaysia juga berupaya untuk mengeksport loji biodiesel berdasarkan teknologi MPOB ke luar negara.

Tuan Yang di-Pertua, industri bio bahan api atau biodiesel merupakan satu industri pertumbuhan baru yang dijangka dapat memberi sumbangan yang penting kepada industri sawit negara khasnya dan ekonomi negara amnya. Sehingga akhir bulan November 2006, sebanyak 75 lesen pengilang bio bahan api telah diluluskan dan terdapat lima buah kilang dalam operasi. Berdasarkan kelulusan ini, adalah dijangkakan bahawa pengeluaran bio bahan api negara akan terus meningkat. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Tuan Lee Sing Chooi.

Tuan Lee Sing Chooi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih atas jawapan yang lengkap ini. Saya nak tanya Tuan Yang di-Pertua, lima kilang yang beroperasi itu apakah bahan asal yang dipakai itu? Minyak kelapa sawit atau yang lain. Dan apakah keluaran mereka dan juga dieksport ke mana? Terima kasih.

Dato' Dr. S. Vijayarantnam: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih diucapkan kepada Yang Berhormat Senator Tuan Lee Sing Chooi. Bahan yang digunakan atau *raw material* dengan izin oleh lima kilang yang tersebut adalah minyak sawit tapis. Dan tanya kapasitinya? Pengeluarannya pada masa ini lebih kurang 258,000 tan metrik dan negara-negara di mana ia nya dieksport adalah di Eropah, khasnya Jerman Barat sekarang Jerman dan Amerika Syarikat. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih. Silakan Tuan Wan Nordin bin Che Murat.

10. **Tuan Wan Nordin bin Che Murat** minta Menteri Kesihatan menyatakan, tindakan yang diambil oleh pihak Kementerian bagi memastikan para doktor dan jururawat yang didaftarkan di bawah Kementerian Kesihatan menjalankan tugas mereka dengan berhati-hati serta kualiti mereka terjamin. Setelah beberapa kes yang berlaku baru-baru ini mengakibatkan kecuaiian para doktor telah mengubah persepsi rakyat terhadap profesionalisme seorang doktor. Apakah punca yang mengakibatkan kecuaiian seperti ini berlaku.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Dato' Lee Kah Choon]: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, untuk tahun 2006 sampai hari ini terdapat sebanyak 35 kes yang berpotensi menjadi *medical legal* iaitu melalui akhbar, aduan dan laporan hospital telah dilaporkan kepada Kementerian Kesihatan. Sebanyak 26 kes telah dibincangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Penyiasatan Bebas di mana terdapat unsur kecuaiian dalam 13 kes yang dikendalikan, 5 kes *error in judgment* dan 8 kes tiada unsur kecuaiian.

Jadi tidak semua kes yang berlaku adalah kes kecuaiian tetapi terdapat elemen *error in judgment* semasa rawatan diberikan. Kementerian Kesihatan sentiasa berusaha untuk memperbaiki kualiti perkhidmatan supaya pegawai-pegawai menjadi lebih mahir. Kakitangan yang telah dipastikan besalah diminta memberi surat tunjuk sebab untuk tujuan tindakan tatatertib.

Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, Tuan Wan Nordin bin Che Murat.

Tuan Wan Nordin bin Che Murat: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Selepas itu Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi.

Tuan Wan Nordin bin Che Murat: Soalan tambahan saya ialah apakah rancangan kerajaan untuk memastikan bahawa perkara kecuaiian ini sentiasa di ambil berat supaya perkara ini tidak berulang; dan kedua, apakah rancangan kerajaan untuk memberi ganjaran atau pun imbuhan atau pun rangsangan kepada para doktor atau pun penemu-penemu cara baru dalam bidang perubatan. Terima kasih.

Dato' Lee Kah Choon: Terima kasih Yang Berhormat. Berkaitan dengan tindakan kerajaan untuk mengurangkan kes-kes kecuaiian ini, beberapa tindakan telah diambil seperti bagaimana kita dapat mempertingkatkan kursus-kursus yang kita berikan kepada pegawai-pegawai kita supaya kita dapat menyemai nilai kerja yang baik seperti perkhidmatan dengan hati penyayang dan *attitude* belajar sepanjang hayat dan juga kita sentiasa memberi peluang kepada kakitangan dan pegawai-pegawai kita supaya mereka dapat melanjutkan pelajaran mereka ke satu tahap yang lebih tinggi.

Berkaitan dengan ganjaran, kerajaan sentiasa mengambil berat berkaitan dengan *allowance* dan sebagainya dan imbuhan yang kita bagi kepada kakitangan kita dan kita memang telah wujud banyak *allowance* kepada kakitangan kita seperti *allowance* lebih masa, *allowance* supaya mereka dapat melanjutkan penyelidikan dan sebagainya. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Memandangkan isu ini agak mustahak pada masa kini, selepas Yang Berhormat Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi sekejap lagi, saya benarkan lagi satu soalan tambahan untuk membolehkan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen memberikan jawapan yang selengkapnya. Terima kasih.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah apakah kerajaan tidak berhasrat atau bercadang mewujudkan apa yang dipanggil sebagai Tribunal Kesihatan ini untuk memudahkan sebenarnya mereka yang menjadi mangsa di atas kesilapan doktor atau pun jururawat untuk membuat aduan dan mengurus pula aduan mereka ini untuk dibawa ke pihak yang lebih atas sama ada mahkamah untuk tindakan mendapatkan pampasan yang lebih adil. Ini sebab kita lihat kes-kes seperti berlaku pada seorang ibu iaitu pemindahan darah HIV kepada beliau. Ini amat mendukacitakan sebenarnya. Dan kita tidak tahu apakah pembelaan terhadap orang-orang seperti ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat boleh mengambil masa secukup-cukupnya untuk menjawab. Hari ini saya ikhlas sedikit.

Dato' Lee Kah Choon: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat. Berkaitan dengan Tribunal ini, Kementerian Kesihatan memang mengambil berat berkaitan dengan cadangan ini. Dan kita dapati ada kebaikan dan juga kekurangan berkaitan dengan cadangan Tribunal ini yang kebaikannya akan dapat mengurangkan masa, yang pertama.

Yang kedua, ia akan dengan cepatnya dapat memberi pampasan kepada pihak yang telah disalahkan. Yang itu adalah kebaikan.

Kekurangan itu ada dua. Yang pentingnya adalah kebanyakan bukti-bukti berkaitan dengan kes kecuaiian *medical* ini dia adalah bukti yang teknikal dan selalunya ahli-ahli Tribunal atau pihak yang terlibat ini, mereka tidak dapat memberikan bukti teknikal ini dengan baik atau dianalisis dengan baik dan dengan itu keputusan yang diberikan selalunya dia tidak lah tepat dan selalunya dia boleh dicabar di mahkamah. Ini yang pertama.

Yang kedua adalah selalunya berkaitan dengan Tribunal ini, dia mempunyai satu siling pampasan. Tetapi dalam kes-kes perubatan ini, siling ini selalunya dengan izin, *we work against the complainant*, kerana misal kata dia punya siling RM25,000 tetapi selalunya kes-kes perubatan ini barangkali adalah pampasan itu akan lebih daripada RM25,000. Kadang-kadang dalam ratusan ribu. Itu bermakna adalah mengapa Tribunal ini adalah satu pandangan yang baik tetapi kita sentiasa mengkaji untuk mencari satu jalan yang lebih baik untuk mengatasi aduan-aduan yang kita telah dapati ini.

Dan kita dari Kementerian Kesihatan memang akan mengadakan lebih banyak lagi cara yang lain supaya kita dapat mengatasi aduan-aduan yang kita terima dengan menubuhkan dan mempertingkatkan mekanisme yang sedia ada supaya aduan yang kita dapati ini, kita dapat menyelesaikannya dalam masa yang tersingkat. Sekian.

Puan Mumtaz binti Md Nawi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah mengenai kes yang melibatkan *medical legal* sebegini, apakah tempoh masa yang ditetapkan oleh kementerian untuk penyediaan nota rawatan bagi kegunaan peguam-peguam bagi meneruskan kes. Sebab berdasarkan pengalaman, pihak peguam mendapati banyak kelewatan ditimbulkan untuk mendapatkan nota keterangan berbanding dengan laporan perubatan. Dan seterusnya apakah prosedur yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan bagi mempercepatkan kes *medical legal* tanpa melibatkan mahkamah? Terima kasih.

Dato' Lee Kah Choon: Terima kasih Yang Berhormat. Berkaitan dengan soalan yang kedua iaitu bagaimana kita dapat mengatasi cadangan Tribunal ini. Di antara beberapa cadangan yang kita dapati adalah bagaimana kita boleh dapatkan satu insurans *no fault*. Bermakna *no fault insurance* ini apabila sesuatu sudah terjadi, insurans ini akan dibayar terus kepada *complainant* ini. Tetapi masalahnya adalah berkaitan dengan caruman insurans premium yang kita terpaksa bayar.

Dan berkaitan dengan kelewatan laporan perubatan ini, kita memang memahami masalah atau cabaran yang kita hadapi ini, tetapi untuk menerangkan kelewatan ini, dia ada beberapa aspek. Yang pertama adalah kes-kes yang kita perlu memberi laporan perubatan ini dia melibatkan ramai pegawai perubatan supaya dia boleh bagi satu laporan yang lebih menyeluruh dan ini selalunya dia akan mengambil masa lah.

Yang kedua itu selalunya pegawai-pegawai kita kerana mereka dapat biasiswa untuk melanjutkan pelajaran atau mereka ditukar kepada hospital yang lain, mereka memang mempunyai cabaran untuk menyelesaikan laporan ini.

Yang ketiga ini adalah berkaitan dengan tekanan kerja kerana dengan kerja-kerja yang kita dapati, dengan pesakit-pesakit yang banyak di hospital kita, selalunya pegawai perubatan kita menumpukan masa mereka untuk menjaga atau merawat pesakit-pesakit. Dan untuk kerja-kerja *administrative* ini atau membuat laporan ini, kadang-kadang mereka akan bagi *priority* yang lebih rendah. Dengan itu, sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Saya kalau boleh nak beri lagi peluang untuk soalan tambahan tetapi Peraturan Mesyuarat tidak membolehkan saya bagi memberi lebih daripada tiga soalan.

USUL

TIDAK MENGIKUT ATURAN URUSAN YANG TELAH DITETAPKAN

Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri [Tuan Ahmad Shabery Cheek]: Tuan Yang di-Pertua,

“Mengikut Peraturan Mesyuarat 13(2), saya mohon mencadangkan bahawa Pertanyaan Nombor 2 di dalam Aturan Urusan Mesyuarat pada hari ini dijadualkan semula ke Nombor 15”.

Dato' Lee Kah Choon: Saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

Usul dikemukakan dan disetujui.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Tuan Chua Kim Chuan.

11. **Tuan Chua Kim Chuan** minta Menteri Pengangkutan menyatakan, adakah kerajaan bercadang untuk membina sistem ERL dari KLIA ke LCCT. Jika ya, bilakah ia akan dilaksanakan dan berapa anggaran kosnya.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Tuan Chua Kim Chuan yang telah mengemukakan soalan ini. Tuan Yang di-Pertua, secara prinsipnya kerajaan telah bersetuju dengan cadangan pembinaan perkhidmatan rel dari bangunan terminal utama KLIA Sepang ke terminal penerbangan tambang murah ataupun LCCT. Perkara ini telah pun diputuskan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet mengenai Pengangkutan Awam yang telah diadakan pada 7 November 2006.

Walaupun bagaimanapun mesyuarat jawatankuasa tersebut juga telah memutuskan supaya Unit Perancangan Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri mengkaji dengan teliti cadangan tersebut untuk dikemukakan kepada kerajaan bagi membolehkan keputusan muktamad dibuat mengenainya. Anggaran kos projek adalah sebanyak RM120 juta. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Tuan Chua Kim Chuan.

Tuan Chua Kim Chuan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, apabila sistem ERL beroperasi, berapakah anggaran tambang dan kekerapan perjalanan serta tempoh masa perjalanan dari KLIA ke LCCT. Terima kasih.

Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar: Terima kasih Yang Berhormat. Segala kaedah-kaedah pembayaran ataupun kutipan tiket masih belum ditetapkan. Terima kasih.

12. **Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain** minta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan menyatakan, usaha serta dasar kerajaan mempromosikan industri batik negara serta sejauh manakah pencapaian dan kejayaan industri batik negara jika diukur dari sudut sumbangannya kepada usahawan batik dan pelancongan.

Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan [Dato' Wong Kam Hoong]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan iaitu KeKKWa melalui kraf tangan Malaysia mempromosikan batik di peringkat domestik dan antarabangsa seperti Jepun, Indonesia, Paris, Arab Saudi, China, Hong Kong, London, Milan, Frankfurt dan Birmingham.

Selain daripada promosi yang dianjurkan oleh pihak-pihak swasta dan agensi-agensi kerajaan lain di Malaysia, Hari Kraf Kebangsaan adalah salah satu promosi oleh KeKKWa yang diadakan secara besar-besaran setiap tahun. Kejayaan industri batik dapat dilihat dari sumbangannya kepada pendapatan negara dan guna tenaga.

Berdasarkan kajian industri kraf, tahun 2004/2005 yang dijalankan oleh kementerian ini melalui Kraf Tangan Malaysia, nilai jualan batik di peringkat domestik telah meningkat setahun demi setahun, iaitu daripada RM35 juta pada tahun 2003 kepada RM38 juta pada tahun 2004 iaitu peningkatan sebanyak 9%. Batik juga merupakan produk yang terlaris berpandukan *indicator* utama yang digunakan oleh kementerian ini melalui jualan di Hari Kraf Kebangsaan setiap tahun yang saya sebut tadi. Contohnya pada tahun 2005 jualan batik mencecah RM0.8 juta dan meningkat pada tahun 2006 kepada RM1.9 juta.

Permintaan batik yang tinggi telah merangsang peningkatan bilangan usahawan batik iaitu daripada 228 orang dalam tahun 2002 kepada 227 orang dalam tahun 2003 dan meningkat pula kepada 246 orang dalam tahun 2004. Dari segi bilangan guna tenaga pula telah juga meningkat daripada 1,759 orang dalam tahun 2002 kepada 1,823 orang dalam tahun 2003 dan terus meningkat kepada 1,915 orang dalam tahun 2004. Dari aspek sumbangannya kepada pelancongan

pula semua pusat pengeluaran batik yang terdapat di negeri Kelantan, Terengganu, Pulau Pinang dan di negeri-negeri lain menjadi destinasi tarikan pelancong.

Selain itu, pusat-pusat jualan kraf termasuk batik seperti Pasar Seni iaitu *Central Market* dan Batu Caves juga merupakan destinasi pelancong untuk membeli batik. Kompleks Kraf Kuala Lumpur dan Kompleks Kraf Langkawi turut menjadi pilihan utama sebagai destinasi pelancongan.

Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Puan Hajah Sharifah Azizah.

Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya berapa ramai kah pengusaha batik yang telah berjaya memasarkan batiknya ke peringkat antarabangsa dan sehingga hari ini permintaan batik banyak daripada dalam negara atau luar negara? Terima kasih.

Dato' Wong Kam Hoong: Yang Berhormat Senator saya tidak ada angka-angka untuk nilai jualan batik ke luar negara, saya akan hantar secara bertulis. Untuk domestik iaitu tempatan saya sudah sebut tadi iaitu jualan batik pada tahun 2003 adalah RM35 juta dan untuk tahun 2004 adalah RM38 juta.

Timbalan Yang di-Pertua: Tuan Lee Chee Keong.

Tuan Lee Chee Keong: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin tahu bagaimanakah secara perbandingannya mutu kain batik Malaysia berbanding dengan kain batik Indonesia, Thailand malah daripada negeri China. Adakah batik kita untuk *high-end*, dengan izin atau untuk pasar malam sahaja. Terima kasih.

Dato' Wong Kam Hoong: Terima kasih Yang Berhormat. Inilah satu soalan yang tepat dan satu soalan yang baik sebab selama ini orang asing dia sebut batik, mereka ingat batik daripada Indonesia sahaja tetapi pada masa kini batik Malaysia sudah jadi batik jenama atau dia ada jati diri sendiri sebab selama ini kerajaan khususnya sebelum Allahyarham Datin Seri Endon, beliau juga promosikan batik secara besar-besaran dan kita ambil satu pendekatan baru iaitu '*batik for the world*', itu kata-kata dialah supaya visi kita lebih luas, lebih panjang dan lebih besar dan dengan program-program penyelidikan dan pembangunan iaitu dalam bidang batik, kita menjurus kepada pemantapan dan pembangunan produk dan pembungkusan batik, penerapan teknologi, kajian bahan dan pembangunan standard.

Kraf Tangan Malaysia juga melaksanakan strategi iaitu melalui Institut Kraf Negara dan Pusat Inovasi Batik, aspek-aspek kita menyelidik merangkumi penggunaan kain baru, penggunaan warna asli, kedipan warna, ketahanan basuhan, ketahanan gosokan dan kelunturan, reka corak batik yang baru, perkhidmatan penjaan skrin dan blok skrin. Sekarang kalau kita kata batik, semua lapisan masyarakat di Malaysia ada, di pasar malam pun ada dengan harga yang rendah untuk khalayak ramai dan untuk *upper middle class* kita pun ada batik sekarang. *Design* nya atau pereka daripada Malaysia adalah corak-corak tersendiri. Sekarang kalau orang sebut batik

Malaysia, ada batik untuk semua rakyat jelata, RM1,000 pun ada, RM2,000 pun ada, RM3,000 pun ada tetapi kita nampak dari produk kraf Malaysia yang terlaris adalah batik.

Jadi saya percayalah dengan pendekatan-pendekatan yang diambil oleh kementerian dan disokong oleh Kerajaan Malaysia, maka batik Malaysia akan ada tempat tersendiri di dunia ini. Sekian, terima kasih.

13. **Tuan Krishnan a/l Tan Sri Dato' N. S Maniam** minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan, apakah rancangan yang telah dilaksanakan untuk membantu ibu-ibu tunggal dan suri rumah India terutamanya di kawasan ladang-ladang bagi meningkatkan ekonomi mereka.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Datuk G. Palanivel]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu izinkan saya menjawab pertanyaan Yang Berhormat Tuan Krishnan a/l Tan Sri Dato' N. S Maniam bersekali dengan pertanyaan No. 21 yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan Chiw Tiang Chai dan pertanyaan No. 44 daripada Yang Berhormat Tuan Munusamy a/l Mareemuthu kerana ketiga-tiga pertanyaan tersebut menyentuh isu yang sama.

Timbalan Yang di-Pertua: Dibenarkan.

Datuk G. Palanivel: Tuan Yang di-Pertua, jawapan saya sedikit panjang sebab jawapan perlu diberi untuk soalan yang dibangkit oleh tiga orang Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat melalui Jabatan Pembangunan Wanita atau JPW, telah melaksanakan Program Pendaftaran Ibu Tunggal di seluruh negara dan juga mengadakan kerjasama dengan agensi-agensi kerajaan yang berkaitan seperti Jabatan Perangkaan Malaysia bagi mendapatkan data-data mengenai ibu tunggal di Malaysia.

Berdasarkan banci penduduk dan perumahan Malaysia pada tahun 2000, bilangan ibu tunggal di Malaysia adalah seramai 126,810 orang iaitu kira-kira 1.1% daripada 23,274,690 orang penduduk Malaysia. Selangor mencatatkan bilangan ibu tunggal tertinggi iaitu 16,748 orang diikuti oleh negeri Perak dengan 15,969 orang, Johor 14,760 orang dan Kedah seramai 11,694 orang. Manakala lain-lain negeri mempunyai bilangan kurang daripada 10,000 orang. Melalui bancian ini, etnik ibu tunggal paling ramai adalah daripada etnik Melayu seramai 58.9% diikuti oleh etnik Cina seramai 23.4% dan India seramai 9.1%, manakala bumiputera lain seramai 7.8% dan lain-lain etnik seramai 1%.

Tuan Yang di-Pertua, melalui program pendaftaran yang dijalankan oleh JPW pula seramai 30,211 orang ibu tunggal telah berdaftar dan laporan profil ibu tunggal ini juga disiapkan. Program pendaftaran oleh JPW ini dibuat secara sukarela. Oleh yang demikian sebilangan besar ibu tunggal masih lagi belum mendaftar. JPW akan terus mempromosikan program pendaftaran ini kepada

ibu-ibu tunggal menerusi 13 buah Pejabat Pembangunan Wanita di seluruh negara. Majlis Pertubuhan Ibu Tunggal dan pendaftaran secara *online* menerusi portal di www.norita.gov.my. JPW akan terus memantau bilangan ibu-ibu tunggal ini dari masa ke semasa.

Setakat ini kementerian tidak bercadang untuk menubuhkan satu unit khas bagi mendapatkan statistik ibu tunggal dari kaum bukan bumiputera. Pada masa ini satu unit telah diwujudkan di JPW untuk mengendalikan isu-isu yang membabitkan ibu-ibu tunggal termasuklah kumpulan data dan statistik tanpa mengira etnik ibu-ibu tunggal tersebut. Walau bagaimanapun kementerian akan mengkaji cadangan penubuhan unit tersebut sekiranya wujud keperluan di masa hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, bagi membantu ibu-ibu tunggal ini termasuk wanita-wanita India, kementerian telah menyediakan beberapa program dan bantuan yang berbentuk program pengukuhan psikologi, program peningkatan kemahiran pendapatan dan program meningkatkan kualiti hidup.

Di bawah program pengukuhan psikologi, kementerian menyediakan perkhidmatan kaunseling di setiap peringkat melalui jabatan dan agensi di bawah iaitu:-

- (i) Jabatan Pembangunan Wanita;
- (ii) Jabatan Kebajikan Masyarakat; dan
- (iii) Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara.

Perkhidmatan ini disediakan secara percuma bagi membantu ibu-ibu tunggal untuk menghadapi dan mengatasi masalah dan cabaran dalam menguruskan keluarga mereka di samping meningkatkan keyakinan dan motivasi mereka. Di samping itu kementerian juga melaksanakan program-program peningkatan kemahiran dan pendapatan serta program-program kesedaran di setiap peringkat untuk memastikan ibu-ibu tunggal ini dapat berdikari dan mampu menguruskan keluarga mereka dengan sempurna. Melalui program-program latihan kemahiran ini, ibu-ibu tunggal akan dapat meningkatkan peluang bagi mendapatkan pekerjaan untuk memulakan perniagaan sendiri bagi menjana pendapatan.

Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 2005 sebanyak RM2,882,520.00 telah diagihkan kepada 80 buah NGO untuk menjalankan 135 program pembangunan kapasiti. Seramai 17,492 orang peserta termasuk ibu tunggal telah mendapat manfaat daripada pelbagai program dan aktiviti yang dianjurkan yang merangkumi latihan kemahiran dan program kesedaran untuk wanita dalam pelbagai bidang seperti keusahawanan, literasi undang-undang, teknologi maklumat dan komunikasi ICT, jahitan dan kraf tangan.

Tuan Yang di-Pertua, bagi ibu tunggal di kalangan wanita India, sebanyak 235,330.00 telah disalurkan kepada pihak NGO dan MPWK pada tahun 2005 bagi melaksanakan pelbagai program.

Program tersebut merangkumi latihan kemahiran dan program kesedaran dalam pelbagai bidang seperti keusahawanan, jahitan, kraf tangan, motivasi diri dan teknologi maklumat. Program

seperti Sutera Sari telah dilaksanakan di 29 kawasan Parlimen seluruh negara khusus untuk memberikan latihan kemahiran jahitan terutama kepada ibu-ibu tunggal dan wanita India yang miskin. Program latihan kemahiran ini telah memberikan manfaat kepada lebih 870 orang wanita India di seluruh negara.

Pada tahun 2007, kementerian bercadang untuk memperluaskan lagi program ini ke lokasi-lokasi lain sejajar dengan matlamat kementerian untuk memperluaskan kemahiran-kemahiran seperti ini bagi membantu wanita mengukuhkan kapasiti diri mereka. Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu kementerian melalui Majlis Pembangunan Wanita dan keluarga juga melaksanakan program-program pembangunan kapasiti seperti program *gender*, agenda, latihan-latihan peningkatan kemahiran, literasi undang-undang dan seminar membanteras keganasan terhadap wanita di setiap kawasan Parlimen yang dapat dimanfaatkan oleh ibu-ibu tunggal ini untuk meningkatkan kapasiti diri bagi mengharungi cabaran untuk menguruskan keluarga mereka.

Timbalan Yang di-Pertua: Banyak lagi ke Yang Berhormat?

Datuk G. Palanivel: Pendek. Boleh habis.

Timbalan Yang di-Pertua: Habiskan Yang Berhormat.

Datuk G. Palanivel: Tuan Yang di-Pertua, untuk meringankan beban dari segi kewangan, JKM menyediakan beberapa bentuk bantuan yang boleh dipohon oleh ibu-ibu tunggal bagi meringankan beban mereka di dalam menguruskan keluarga seperti bantuan kanak-kanak, bantuan am dan geran pelancaran. Di bawah bantuan kanak-kanak, kadar bantuan kewangan di antara RM100.00 hingga RM450.00 sebulan diberi untuk meringankan beban keluarga yang diketuai oleh ibu tunggal bagi menampung perbelanjaan persekolahan anak-anak mereka.

Bantuan geran pelancaran pula adalah merupakan bantuan modal permulaan kepada ibu-ibu tunggal yang ingin memulakan perniagaan. Pada tahun 2005, sebanyak 94 permohonan untuk mendapatkan geran pelancaran ini daripada ibu tunggal telah diproses dan bantuan berjumlah RM207,180.00 telah diagihkan. Permohonan untuk mendapatkan bantuan-bantuan ini boleh dibuat menerusi Jabatan Kebajikan Masyarakat Daerah dan Negeri masing-masing.

Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Saya ingat sudah *detail* tadi. Ada lagi soalan tambahan? Sila Tuan M. Munusamy.

Tuan M. Munusamy: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ucapkan terima kasih dan tahniah kepada kementerian, kepada menteri dan timbalan menteri yang telah menjalankan banyak aktiviti bagi membantu ibu-ibu tunggal dalam negara kita yang makin lama makin bertambah. Cuma saya minta supaya aktiviti *follow-up* selepas latihan dan bantuan yang diberi itu, apa-apa jenis aktiviti *follow-up* yang telah dijalankan oleh kementerian dan saya juga di sini ingin mengucapkan terima kasih kepada Timbalan Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua: Soalan, soalan.

Tuan M. Munusamy: Cadangan bagi menubuhkan unit khas akan dipertimbangkan. Saya harap ini akan dipercepatkan. Terima kasih.

Datuk G. Palanivel: Tuan Yang di-Pertua, kementerian sentiasa mengangkat tindakan susulan dan saya juga berharap Senator-Senator akan membantu kementerian saya dalam hal ini. Sekian, terima kasih.

14. **Datuk Yaakob bin Haji Mohammad** minta Perdana Menteri menyatakan, jumlah keseluruhan kakitangan perkhidmatan awam mengikut kategori skim perkhidmatan, gred tangga gaji dan pangkatnya. Nyatakan strategi dan sistem kenaikan pangkat untuk semua skim perkhidmatan tersebut agar sistem penyampaian lebih berkesan untuk dapat selari dengan matlamat RMK-9.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman]: Tuan Yang di-Pertua, jumlah keseluruhan kakitangan perkhidmatan awam sehingga 30 Jun 2006 yang lalu adalah seramai 1,366,079 orang. Maklumat perjawatan berdasarkan skim perkhidmatan adalah seperti berikut:-

Klasifikasi Perkhidmatan	Jumlah Kakitangan
Klasifikasi Perkhidmatan Pengangkutan	4,651
Klasifikasi Perkhidmatan Bakat Dan Seni	3,904
Klasifikasi Perkhidmatan Sains	14,242
Klasifikasi Pendidikan	398,794
Klasifikasi Perkhidmatan Ekonomi	1,021
Klasifikasi Sistem Maklumat	8,560
Klasifikasi Pertanian	14,405
Klasifikasi Perkhidmatan Kejuruteraan	39,031
Klasifikasi Perundangan	3,703
Klasifikasi Pegawai Tadbir Dan Diplomatik	6,822
Klasifikasi Perkhidmatan Pentadbiran	224,085
Klasifikasi Penyelidikan	1,263
Klasifikasi Sosial	24,991
Klasifikasi Perubatan	141,505
Klasifikasi Kewangan	36,301

Selebihnya adalah bagi klasifikasi yang termasuk di bawah keselamatan dan saya tidak sebutkan untuk itu.

Untuk makluman Dewan, kenaikan pangkat dilaksanakan berdasarkan kepada kelayakan kompetensi dan prestasi kerja pegawai yang ditetapkan. Sistem kenaikan pangkat perkhidmatan awam adalah berdasarkan Peraturan-Peraturan Pegawai Awam Lantikan Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan 2005, PU(a)(176) di perenggan 37(1) yang menyatakan bahawa kenaikan pangkat berasaskan merit. Manakala peraturan 37(2) menyatakan bahawa dalam mempertimbangkan seseorang pegawai bagi kenaikan pangkat, Lembaga Kenaikan Pangkat hendaklah mengambil kira:-

- (i) kecekapan dan prestasi kerja pegawai itu;
- (ii) kelayakan, pengetahuan, kemahiran dan pengalaman pegawai itu;
- (iii) sifat-sifat peribadi termasuk kesesuaiannya dengan jawatan kenaikan pangkat itu dan;
- (iv) kegiatan luar dan sumbangan pegawai itu kepada negara dan masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, pegawai yang boleh dipertimbangkan kenaikan pangkat perlu memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan masing-masing. Antaranya:

- (i) telah disahkan dalam perkhidmatan;
- (ii) mempunyai laporan penilaian prestasi yang baik;
- (iii) lulus semua penilaian tahap kecekapan yang berkenaan; dan
- (iv) diperakukan oleh ketua jabatan.

Sistem dan strategi kenaikan pangkat yang dilaksanakan untuk kesemua skim perkhidmatan tersebut berasaskan merit dengan pengisian segera kekosongan jawatan kenaikan pangkat dapat memastikan sistem penyampaian yang lebih berkesan supaya selari dengan matlamat Rancangan Malaysia Kesembilan.

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Jawapan yang begitu baik sekali. Soalan tambahan saya, secara perbandingan apakah pandangan Yang Berhormat tentang sistem kenaikan pangkat di pihak swasta difikirkan lebih baik daripada sistem kenaikan pangkat sektor awam yang mana tanggungjawab lebih mencabar dan berat. Terima kasih.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa kurang adil kalau kita membandingkan perkhidmatan awam dengan perkhidmatan swasta. Ada tempat-tempat di mana perkhidmatan awam, kenaikan pangkatnya lebih baik daripada swasta. Ada tempat-tempat tertentu perkhidmatan swasta lebih baik daripada perkhidmatan awam jika kita bandingkan secara begitu sahaja. Tetapi kita harus melihat bahawa perkhidmatan awam selain daripada

pengkhususan bidang masing-masing peluang untuk kenaikan pangkat tertakluk kepada kekosongan.

Kemudian perkhidmatan awam lebih banyak fokusnya perkhidmatan mereka kepada *social obligation*, dengan izin, ataupun keperluan-keperluan masyarakat sedangkan perkhidmatan swasta hanya memikirkan tentang keuntungan. Itu pun, itu sebab saya kata kadang-kadang adil, kadang-kadang tidak. Di swasta kita kata ada orang yang begitu cepat naik tetapi sehingga kadang kala oleh sebab orang tertentu begitu lama di sesuatu tempat, orang bawah tidak boleh naik. Jadi sebab itu kalau kita hendak membandingkan secara begitu adalah tidak adil kepada mana-mana pihak sama ada pihak swasta ataupun pihak perkhidmatan awam kerana mereka berkhidmat dalam tugas yang boleh dikatakan berlainan antara satu sama lain.

Di dalam perkhidmatan awam sendiri pun di antara satu sektor dengan sektor yang lain adalah berbeza. Umpamanya sektor pertanian, sudah tentulah berlainan dengan sektor pengangkutan tertakluk kepada kekosongan yang ada. Jadi, kalau kita lihat semuanya berlaku mengikut perkhidmatan yang berlainan Tuan Yang di-Pertua.

15. **Datin Paduka Nor Hayati Binti Tan Sri Dato' Seri Onn** minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah peranan Malaysia selaku pengerusi OIC dalam memastikan Israel mematuhi Konvensyen Keempat Geneva iaitu berhubung hak asasi manusia, di mana konvensyen tersebut telah dicabuli oleh Israel berkali-kali.

Menteri Luar Negeri [Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar]: Tuan Yang di-Pertua, awalnya saya ingin memohon maaf kerana tidak dapat menjawab soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Senator Datin Paduka Nor Hayati lebih awal sebagaimana yang tertera dalam *Order Paper* ini. Bagaimanapun saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator di atas soalan yang dikemukakan dan di atas keprihatinan menanyakan berkenaan pencabulan yang dilakukan oleh rejim Israel terhadap Palestin.

Sememangnya tidak dapat kita nafikan yang rejim ini telah melakukan pelbagai pencabulan ke atas hak asasi rakyat Palestin selama ini. Kita merasakan yang undang-undang antarabangsa diguna pakai secara berbeza untuk rejim Israel. Sering kita merasakan seolah-olah rejim Israel ini anak emas dan mereka boleh mengingkari undang-undang antarabangsa.

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

Walau bagaimanapun berkenaan pencabulan terhadap Konvensyen Keempat Geneva, merupakan sebuah peraturan. Konvensyen ini peraturan yang menetapkan perlindungan ke atas hak asasi manusia semasa perang tercetus. Adalah menjadi tanggung jawab pihak yang menceroboh agar melindungi hak asasi penduduk di negara yang mereka cerobohi. Ahli Yang Berhormat pastinya sudah sedia maklum akan pencerobohan yang telah dilakukan oleh Israel ke atas Palestin dan Lubnan dan tindakan rejim ini telah menyebabkan tercetusnya tragedi

kemanusiaan di kedua-dua buah negara tersebut dan mengakibatkan banyak kematian di kalangan orang awam. Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, sebenarnya pihak Israel tidak menganggap mereka di dalam situasi peperangan. Oleh itu *Geneva Convention* ini tidak dianggap sebagai terpakai di dalam hal ini dan mereka sering menggunakan alasan keganasan untuk menghalalkan tindakan mereka dan pencerobohan yang mereka lakukan termasuk pencabulan hak asasi.

Walau bagaimanapun Deklarasi Putrajaya, Malaysia selaku Pengerusi OIC, ketika Mesyuarat Khas Jawatankuasa Eksekutif Pertubuhan Persidangan Islam yang diperlebar pada bulan Ogos 2006, Deklarasi Putrajaya telah meminta agar Majlis Hak Asasi Manusia PBB meneliti perkara ini sedalam-dalamnya dan mengambil tindakan ke atas Israel.

Mesyuarat Khas Jawatankuasa Eksekutif OIC yang telah diadakan di Jeddah pada 18 November 2006 telah melakukan susulan terhadap perkara ini dan meminta agar kumpulan khas dengan izin, *High Contracting Parties* kepada 1949, *Fourth Geneva Convention on the prediction of surveillance in time of war* dengan izin, untuk merealisasikan tindakan ke atas Regim Israel. Mesyuarat tersebut juga telah sebulat suara bersetuju agar Resolusi OIC dikuatkuasakan bagi memboikot syarikat-syarikat Israel.

Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, pada 15 hingga 17 Disember ini, Kerajaan Malaysia telah bersetuju untuk menjadi tuan rumah bagi satu persidangan *United Nations* iaitu *United Nations ASEAN Meeting*, dengan izin, *in support of alienable rights of the Palestinian peoples*. Jadi kita berharap dengan ini ia akan terus meletakkan ke tengah dan di hadapan persoalan pencabulan Israel dan tindakan-tindakan yang menzalimi kedudukan rakyat Palestin. Oleh itu kita berharap Yang Berhormat sentiasa memberikan sokongan dan menaikkan perkara ini supaya tindakan Israel itu akan tidak dilupai oleh masyarakat antarabangsa.

Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Walau apa dan walau bagaimanapun Dewan Negara tetap merakamkan penghargaan di atas kehadiran Yang Berhormat Menteri Luar Negeri....[Tepuk] Untuk menghormati kehadiran Yang Berhormat Menteri Pengajian Tinggi, saya akan teruskan masa pertanyaan ini sehingga ke pertanyaan Nombor 18. Silakan Yang Berhormat.

Datin Paduka Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya...

Tuan Yang di-Pertua: Saya benarkan satu pertanyaan tambahan, selepas ini Datuk Wira Syed Ali.

Datin Paduka Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn: Adakah Kerajaan Malaysia memberi pengiktirafan kepada Kerajaan Hamas yang memerintah sekarang ini? Bagaimanakah peranan Malaysia sebagai Pengerusi OIC menangani kedua-dua pihak yang bertelagah, Fatah dan

Hamas? Adakah usaha-usaha Kerajaan Malaysia memberi bantuan kewangan ataupun bantuan lain untuk menyokong Hamas dan Palestin? Terima kasih.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Malaysia sentiasa memberikan dorongan ke atas pegangan sistem demokrasi yang dianjurkan oleh masyarakat antarabangsa. Sebagaimana kita ketahui bahawa Hamas telah memenangi pilihan raya itu melalui sistem demokrasi. Oleh itu kita telah meminta kepada Amerika Syarikat dan negara-negara Barat seperti Kesatuan Eropah untuk memberikan pengiktirafan terhadap kemenangan Hamas. Oleh kerana itu yang mereka kehendaki, maka telah diputuskan oleh rakyat Palestin terhadap kerajaan yang dipimpin oleh Hamas

Walau bagaimanapun, kita tahu bagaimana tindakan yang telah diambil oleh masyarakat antarabangsa dan menyebabkan beberapa kesulitan dan kepayahan untuk rakyat Palestin oleh kerana sekatan-sekatan yang dikenakan. Apa yang penting sekarang masa ini ialah untuk kedua-dua belah pihak iaitu *Palestinian Liberation Organization* atau *Palestinian Liberation Authority*, dengan izin, iaitu kuasa yang diiktiraf melalui '*Court Oslo*'. Kuasa itulah sepatutnya mereka, kedua-dua belah pihak untuk mencari kesepaduan dan kesepakatan. Alhamdulillah pada masa ini nampak sudah ada cita-cita dan kemahuan untuk berpakat supaya mereka dapat melahirkan satu kedamaian dan melahirkan insya-Allah satu negara Palestin yang berdaulat dan merdeka.

Dari itu juga saya ingin memaklumkan bahawa kerajaan kita sentiasa memberikan bantuan kewangan kepada kedutaan mereka di sini dan untuk membina sekolah-sekolah di Gaza atau di tempat-tempat lain kita memberikan peruntukan untuk tujuan itu dan baru-baru ini kerajaan kita telah memberikan peruntukan untuk membantu *province* di dalam Gaza dan Tebing Barat untuk membolehkan mereka membayar gaji sebanyak *USD16 million*. Jadi oleh itu keprihatinan kerajaan kita amat ketara dan rakyat Palestin sendiri menghargai apa yang dilakukan oleh Malaysia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Saya nampak rupa paras Datuk Wira Syed Ali ini macam Arab sedikit.... *[Ketawa]* Saya benarkanlah pertanyaan tambahan.

Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: Memang saya tahu Tuan Yang di-Pertua akan minta saya sebagai salah seorang untuk menanyakan soalan ini. Soalan saya, Israel atau negara Yahudi ini hanya mendengar arahan daripada kuasa-kuasa besar yang menyokong tindakan mereka. Jadi apakah tindakan dan peranan Malaysia selaku Pengerusi OIC bagi memastikan kuasa-kuasa ini menghentikan sokongan moral dan material kepada negara Israel? Terima kasih.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, Israel ini adalah satu anak istimewa yang tidak ada anak-anak lain di dalam konteks global yang dilahirkan oleh Bangsa-bangsa Bersatu. Oleh kerana Israel telah dilahirkan oleh Bangsa-bangsa Bersatu, oleh itu kita tidak boleh mengambil tindakan yang sewenang-wenangnya terhadap Israel. Dia kena

mengikut saluran-saluran dan sekatan yang dikenakan oleh Amerika Syarikat dan negara-negara Barat oleh kerana dosa yang mereka lakukan begitu ketara sekali sehingga mereka khuatir kalau tindakan yang mereka lakukan, mereka dianggap mengulangi kejadian *holocaust* atau kezaliman yang mereka pernah lakukan.

Oleh itu mereka nampaknya serba salah. Tetapi dalam konteks kita selaku Pengerusi OIC, kita telah membawa kes kezaliman Israel ini kepada Suruhanjaya Hak Asasi Manusia di Geneva dan juga kita telah apabila bertemu dengan ketua-ketua negara Eropah dan ketua negara Amerika, kita telah menyampaikan bahawa Amerika mempunyai tugas yang amat penting untuk menentukan kewujudan satu negara Palestin sebagaimana yang dijanjikan oleh Bangsa-Bangsa Bersatu. Oleh itu usaha Malaysia akan dilakukan secara berterusan, insya-Allah, selaku di dalam OIC dan di luar OIC bila perlu. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Kerana perpisahan Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong Yang Ke-12, mata saya kelabu sedikit, tidak nampak jam. Puan Hajah Siti Rokiah binti Mohd. Zabidin.

15. **Puan Hajah Siti Rokiah binti Mohd. Zabidin** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan adakah akta belia memberikan penekanan supaya nisbah pemimpin wanita muda iaitu berbanding dengan lelaki muda, dapat diseimbangkan atau ditingkatkan sekurang-kurangnya membentuk 30% dalam barisan kepimpinan persatuan-persatuan belia.

Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan [Tuan Sa. Vigneswaran]: Tuan Yang di-Pertua, dalam konteks perundangan, kementerian ini belum bercadang...

Tuan Yang di-Pertua: Dan kerana kehadiran Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, saya akan selesaikan pertanyaan sehingga nombor 19 pun.... [*Tepuk*]

Tuan Sa. Vigneswaran: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Ahli Yang Berhormat. Dalam konteks perundangan, kementerian ini belum bercadang untuk menetapkan kuota 30% pemimpin wanita dalam kepimpinan persatuan belia di negara ini dan juga akta tersebut tidak menetapkan kuota pemimpin atau ahli biasa mengikut *gender*. Terima kasih.

16. **Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid** minta Menteri Keselamatan Dalam Negeri menyatakan, tindakan kementerian merasa kaedah yang digunakan untuk membendung gejala mat rempit sekarang ini merupakan satu kegagalan. Bagaimanakah kaedah lebih efektif yang harus diperkenalkan.

Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri [Datuk Fu Ah Kiow]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kementerian amat memandang berat akan gejala mat rempit yang menimbulkan pelbagai implikasi negatif di negara ini. Sehubungan dengan itu kementerian dan Polis Diraja Malaysia sentiasa berusaha untuk mengenal pasti langkah-langkah dan strategi baru dan mengambil tindakan yang sewajarnya dari masa ke semasa bagi membasmi gejala ini.

Antara langkah-langkah yang diambil adalah:

- (i) mempergiat dan meningkatkan lagi operasi pencegahan lumba haram termasuk sekatan jalan raya di sekitar pusat bandar bagi menahan pesalah yang terbabit serta tuduhan di mahkamah;
- (ii) mengadakan pameran dan kempen kesedaran keselamatan jalan raya di tempat yang menjadi tumpuan orang ramai mengenai kemalangan jalan raya amnya dan bahaya kegiatan berlumba di jalan raya khususnya;
- (iii) menjalankan operasi bersepadu dengan agensi-agensi lain bagi membendung kegiatan lumba haram yang semakin bebas bergerak seperti Jabatan Keselamatan Jalan Raya, Jabatan Pengangkutan Jalan, Jabatan Alam Sekitar, Jabatan Penerangan dan Jabatan Pendidikan. Pendekatan ini dilaksanakan di tempat-tempat lumba haram berlaku dengan kaedah sekatan jalan raya merakam melalui rakaman video dengan diikuti dengan tangkapan di tempat kejadian serta tindakan tangkapan susulan di rumah-rumah;
- (iv) menyebarkan maklumat melalui media massa dan juga media elektronik mengenai bahaya dan risiko sesuatu hukuman;
- (v) bercadang mengadakan syarahan dan ceramah khas berkenaan bahaya lumba haram dan keselamatan jalan raya kepada pelatih-pelatih di pusat-pusat latihan Program Latihan Khidmat Negara semasa latihan tersebut dijalankan di seluruh negara. Kementerian juga mencadangkan satu kurikulum di peringkat sekolah rendah, menengah, institusi pengajian tinggi diadakan untuk memupuk kesedaran sivik dari peringkat awal lagi; dan
- (vi) bekerjasama dengan Kementerian Pengangkutan Jalan mengenai mengenal pasti tindakan undang-undang baru seperti mengkaji tindakan mengenakan insurans *loading*, dengan izin, kepada pengguna-pengguna yang sering melakukan kesalahan jalan raya. Sekiranya dilaksanakan kelak, pengguna akan dikenakan kadar insurans kenderaan motor yang lebih tinggi.

Adalah diharapkan langkah-langkah ini akan dapat mendidik pengguna jalan raya secara amnya dan penunggang motosikal khususnya akan menjadi lebih bertanggungjawab.

Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Datuk Haji Rizuan. Saya benarkan satu sahaja pertanyaan.

Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya rasa langkah-langkah yang telah dinyatakan tadi tidak juga akan efektif. Yang paling efektif saya suka cadangkan supaya kementerian mengadakan garis panduan, jika mereka ini keluar selepas 1

tengah malam secara berkumpulan, lesen motosikal mereka digantung secara serta-merta. Bolehkah ini dijalankan?

Datuk Fu Ah Kiow: Tuan Yang di-Pertua, saya fikir itu mungkin sukar sedikit untuk dilaksanakan kerana kita akan dituduh seolah-olah ini sebagai *police state*. Negara kita mengamalkan kebebasan. Kalau mereka dilarang untuk keluar selepas lewat malam secara berkumpulan, itu mungkin tidak sejajar dengan dasar-dasar kerajaan.

Walau bagaimanapun, kementerian saya telah mengadakan mesyuarat dengan pihak PDRM dan Jabatan Keselamatan Jalan Raya dan telah mencadangkan pindaan terhadap beberapa peruntukan di dalam undang-undang jalan raya yang termasuk mengekalkan hukuman yang sedia ada iaitu dengan hukuman penjara dan juga hukuman denda terhadap pesalah dan juga mencadangkan supaya lesen pemandu di tarik balik dan digantung dan juga mencadangkan supaya kenderaan lumba haram dirampas dan ditahan sehingga perbicaraan selesai. Kerajaan juga mengkaji sama ada sesuai atau tidak penonton perlumbaan haram juga akan dikenakan tindakan. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

17. **Puan Hajah Wan Hazani binti Haji Wan Mohd. Nor** minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah langkah-langkah yang telah dan akan dibuat dalam melatih guru-guru seperti pendidikan *psychology*, untuk mendidik murid-murid peringkat rendah dan menengah menjadi insan yang lengkap iaitu minda, jasmani dan rohani, dan adakah pihak kementerian ada menjalankan kaji-selidik yang berterusan bagi mendapatkan cara pengajaran dan pembelajaran yang berkesan dan terkini.

Timbalan Menteri Pelajaran [Dato' Hon Choon Kim]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran Malaysia melalui Bahagian Pendidikan Guru telah merangka kurikulum pendidikan guru-guru bagi melatih guru-guru yang mampu melahirkan insan yang lengkap dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelektual. Kementerian Pelajaran berkeyakinan bahawa kandungan kurikulum tersebut dapat melatih guru-guru yang dapat memenuhi ciri-ciri berikut:

- (i) berpengetahuan dan berketerampilan dalam kandungan mata pelajaran, pengetahuan pedagogi kandungan dan pengetahuan pedagogi pelajar;
- (ii) melaksanakan kurikulum persekolahan secara berkesan dan bermakna;
- (iii) mahir mengintegrasikan teknologi maklumat dan komunikasi dalam pengajaran dan pembelajaran;
- (iv) mengamalkan nilai dan etika profesion keguruan;
- (v) berkemahiran dalam komunikasi dan interpersonal;
- (vi) berdaya tahan dalam menghadapi cabaran profesional;
- (vii) mengamalkan refleksi dan budaya pendidikan; dan

- (viii) menyanjung tinggi warisan kebudayaan negara yang sesuai dengan ketamadunan dan nilai agama.

Di samping itu Kementerian Pelajaran Malaysia dari semasa ke semasa menjalankan kursus-kursus dalam perkhidmatan yang bertujuan untuk mengekalkan dan meningkatkan kemahiran serta memberi pendedahan tentang teknik-teknik pengajaran dan pembelajaran kepada semua guru terlatih. Terima kasih.

Puan Hajah Wan Hazani binti Haji Wan Mohd. Nor: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, adakah sudah mencukupi guru-guru yang mengajar Sains dan Matematik di sekolah-sekolah di seluruh negara? Terima kasih.

Datuk Fu Ah Kiow: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin maklumkan kepada Dewan yang mulia ini, Kementerian Pelajaran memang mempunyai satu jawatankuasa pengunjuran kepada guru-guru untuk semua pelajaran. Jadi untuk guru mengajar Sains dan Matematik, perkara itu telah diambil kira tentang bilangan guru yang hendak dilatih dan kementerian sudah mengambil semua tindakan dan langkah-langkah untuk memastikan apabila persekolahan bermula, guru-guru untuk mata pelajaran yang disebut oleh Yang Berhormat dapat kita hantar ke sekolah-sekolah berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Saya lega dapat meminta Tuan Lee Chee Keong mengemukakan pertanyaan..

Tuan Lee Chee Keong: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya ke-18.

18. Tuan Lee Chee Keong minta Menteri Pengajian Tinggi menyatakan saluran-saluran yang digunakan untuk mempromosikan Kolej-kolej Komuniti dan berapakah perbelanjaan yang telah diperuntukkan selama ini.

Tuan Yang di-Pertua: Saya lega sebab Dewan Negara tidak mahu mensia-siakan masa Yang Berhormat Menteri.... [*Tepuk*]

Menteri Pengajian Tinggi [Dato' Mustapa Mohamed]: Tuan Yang di-Pertua, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan atas kesudian dan ihsan Tuan Yang di-Pertua membenarkan saya menjawab soalan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Insya-Allah saya akan ingat selama-lamanya.... [*Ketawa*]

Tuan Yang di-Pertua, Kolej Komuniti yang pertama ditubuhkan pada bulan Jun tahun 2001. Ada tiga matlamat utama. Yang pertama ialah untuk menyediakan laluan alternatif daripada pelajar yang tidak dapat masuki skim akademi biasa oleh kerana pencapaian mereka kurang memuaskan. Keduanya kerajaan hendak menggalakkan pembelajaran sepanjang hayat, ataupun dengan izin, *life long learning*, yang ketiganya kita hendak menjanakan kemajuan sosioekonomi di kawasan setempat. Ini antara tiga tujuan utama ditubuhkan Kolej Komuniti dan yang pertama ditubuhkan pada Jun 2001.

Hari ini sudah ada 35 Kolej Komuniti seluruh negara, insya-Allah dalam RMK9, kita akan tambah lagi 25, kira-kira menjadikan 60 lebih kurang dan lebih ramai rakyat Malaysia akan akses kepada Kolej Komuniti. Masalahnya Yang Berhormat, berkaitan dengan saluran promosi, tiga saluran yang pertama melalui media cetak, yang kedua Kolej Komuniti digalakkan mempromosikan di tempat masing-masing, yang ketiga mereka mengadakan *outreach* di kawasan-kawasan tertentu.

Yang Berhormat juga tanya, berapa yang telah dibelanjakan? Setakat ini pada keseluruhannya pada tahun 2006, RM869 ribu telah dibelanjakan untuk tujuan promosi. Pecahannya seperti berikut;

Jenis Promosi	Jumlah Perbelanjaan (RM/ribu)
<i>Utusan Malaysia</i>	126
<i>The Star</i>	60
Bahan cetak yang diadakan	180
638 aktiviti promosi di seluruh negara	319
Jumlah	869

Hasil daripada aktiviti ini yang pertama kursus-kursus yang ditawarkan telah berjaya dipenuhi. Kita ada dua kursus, satu sepenuh masa, yang keduanya separuh masa. Sepenuh masa sekarang ini ada 11,400 orang pelajar dan setakat ini untuk separuh masa ada 60,800 orang pelajar. Jadi, hasil promosi, kita dapat penuhi tempat-tempat, yang keduanya masyarakat semakin sedar tentang peluang-peluang untuk melanjutkan pelajaran kursusnya pembelajaran sepanjang hayat. Kita tidak ada kenakan sekatan umur. Umur berapa pun boleh belajar di Kolej Komuniti, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Lee Chee Keong: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat menteri. Soalan tambahan saya, mungkin kah menjadi pertimbangan kementerian untuk menyewakan atau berkongsi premis dan kemudahan-kemudahan Kolej Komuniti dengan pihak-pihak swasta yang berminat untuk menjalankan kursus-kursus baru atau kursus-kursus tambahan, terima kasih.

Dato' Mustapa Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini kita ada tiga kaedah yang digunakan. Pertama, kampus tetap yang dimiliki oleh Kolej Komuniti, yang kedua rumah kedai, yang mana dimiliki juga oleh Kolej Komuniti, yang ketiga ialah menumpang. Ini tiga kaedah, kita mengamalkan pendekatan yang fleksibel dan di kawasan-kawasan di mana tidak ada tempat yang sesuai, pihak kementerian terbuka untuk menerima sebarang cadangan. Jadi, tiga kaedah, ada yang kekal, ada yang kita sewa dan ada yang kita tumpang, terima kasih.

Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya ialah berapakah jumlah sasaran pelajar untuk Kolej Komuniti yang akan dianggap

sebagai menjadikan Kolej Komuniti itu sebagai *viable*, atau adakah *viability* itu tidak menjadi satu perkiraan dan keduanya adakah....

Tuan Yang di-Pertua: Satu sahaja Yang Berhormat.

Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad: Tidak apalah..., sedikit sahaja...*[Ketawa]*

Terima kasih. Adakah mereka yang keluar dari Kolej Komuniti itu mudah mendapat pekerjaan di dalam pasaran pekerjaan terima kasih.

Dato' Mustapa Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, ST bagi setiap Kolej Komuniti ialah kira-kira 500 orang pelajar. Ada kurang atau lebih, itu untuk sepenuh masa. Tetapi, untuk separuh masa tidak ada kapasitinya..., di adakan di rumah, di surau, di masjid, di dewan tidak ada masalah. Jadi, kapasitinya anjal kerana kita hendak galakan pembelajaran sepanjang hayat. Mengenai peluang pekerjaan mengikut kajian yang kita lakukan, tindakan mereka bekerja ataupun menjadi usahawan yang bekerja dengan syarikat-syarikat ada yang membuka *business* sendiri. Lebih separuh daripada mereka mendapat pekerjaan ataupun berniaga, dan kira-kira 6% daripada mereka melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi untuk diploma dan peringkat-peringkat lebih tinggi terima kasih.

Puan Wan Ubaidah binti Omar: terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya ialah adakah kos belajar di Kolej Komuniti ini dibiayai oleh PTPTN ataupun MARA dan setakat ini sudah berapa bilangan graduan dari Kolej Komuniti, terima kasih.

Dato' Mustapa Mohamed: Kosnya rendah, yurannya cuma RM200 satu semester bagi kursus sijil, bagi separuh masa pendaftaran cuma RM20 lebih kurang. Jadi, amat rendah dan untuk kursus sijil, memang mereka layak pinjam daripada PTPTN Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Negara dan bilangan graduan sejak ditubuhkan tahun Jun 2001 sepenuh masa kira-kira 2000 lebih dan separuh masa lebih 70,000 sudah pun melalui kursus-kurus ini, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Saya sedar saya mungkin sedang mengingkari peraturan mesyuarat, tetapi bilakah Yang Berhormat Menteri datang ke Dewan sampai tidak sempat tukar pakaian? Jadi, sebab itulah kita beri, walaupun mungkin mengingkari peraturan mesyuarat, kita lanjutkan dan pertanyaan terakhir Tuan Ir. Hiang A Li.

19. **Tuan Ir. Hiang A Li** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan, apakah dasar dan strategi kementerian untuk mendukung cadangan PDRM untuk menempatkan anggotanya di kawasan perumahan, apakah kementerian akan mencadangkan dasar supaya pemaju turut membina bit polis dan kediaman untuk kakitangan PDRM ini di setiap kawasan perumahan baru yang dibangunkan.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Seri Ong Ka Ting]: Saya mengucapkan terima kasih juga kepada Tuan Yang di-Pertua kerana melonggarkan peraturan mesyuarat untuk membolehkan saya menjawab, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyokong cadangan Polis Diraja Malaysia untuk menempatkan anggota polis di kawasan perumahan sebagai satu langkah yang baik untuk mewujudkan ketenteraman awam dan meningkatkan tahap keselamatan di kawasan perumahan awam di mana ianya adalah selaras dengan dasar mengenai bandar selamat. Pembinaan bit polis di kawasan perumahan adalah menjadi salah satu dasar di bawah garis panduan kemudahan masyarakat, tetapi perancangan kemudahan ini adalah mengikut kawasan yang sesuai yang ambil kira faktor kadar dan trend jenayah bagi sesuatu kawasan.

Buat masa ini, pihak pemaju tidak diarah untuk membina bit polis dan kediaman untuk kakitangan PDRM. Tetapi, pemaju diwajibkan menyediakan tapak-tapak pondok atau balai polis di kawasan pembangunan masing-masing dengan syarat lokasi yang dicadangkan perlu sesuai, strategik dan mudah sampai, iaitu boleh dihubungi oleh jalan utama.

Tuan Yang di-Pertua, saya yakin mengenai kemudahan bagi pondok dan kemudahan yang lain yang berkait dengan keselamatan telah banyak kali dibincangkan dalam Jemaah Menteri. Kerajaan memang komited untuk membina lebih banyak kemudahan dan saya yakin dengan tanggungjawab bersama antara agensi kerajaan, kita dapat mengatasi cabaran ini, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat, masa cukup.

Dato' Yip Kum Fook: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bangun tadi, saya tidak nampak.

Dato' Yip Kum Fook: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tahniah kepada Kementerian KPKT ini di atas tindakan yang diambil untuk mewujudkan satu bandar selamat. Soalan saya, adakah KPKT menyediakan peruntukan subsidi kepada PBT untuk memasang CCTV di tempat-tempat yang strategik dengan izin, sekian terima kasih.

Dato' Seri Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, ini satu soalan yang kena pada masa kerana baru-baru ini masalah keselamatan terutamanya jenayah peras ugut ataupun *snatch theft* telah pun menjadi satu tajuk yang dibincangkan. Kementerian saya memang telah dapat persetujuan Jemaah Menteri untuk menambahkan geran tahunan kepada PBT yang sememangnya setiap tahun Kerajaan Persekutuan memberi bantuan kewangan. Mulai daripada tahun hadapan, geran tahunan ini telah ditambah dengan peratusan yang banyak dan salah satu nasihat diberi kepada PBT ialah mereka kena gunakan sebahagian wang ini untuk memasang CCTV di tempat yang berisiko tinggi yang kerap terjadinya jenayah yang menggugat keselamatan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, ini nasib baik saya benarkan pertanyaan tambahan, kita dapat dimaklumkan mengenai perkataan itu. Masa cukup.

Masa untuk pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat

RANG UNDANG UNDANG**RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2007****Bacaan Kali Yang Kedua**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." **[11 Disember 2006]**

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Puan Hajah Wan Hazani Hj. Wan Mohd Nor sila sambung ucapan. Yang Berhormat masih ada lapan atau sepuluh minit lagi.

11.56 pagi.

Puan Hajah Wan Hazani binti Haji Wan Mohd. Nor: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya sambung balik ucapan daripada semalam. B.6, oleh kerana ada di kalangan Ahli-ahli Yang Berhormat, pegawai-pegawai kerajaan dan orang-orang ramai yang masih kurang memahami apa itu Islam Hadhari. Banyak tuduhan yang melampau, hari ini saya terpanggil untuk memberi sedikit penjelasan apa itu Islam Hadhari dan saya juga ingin mencadangkan kepada pihak JPN supaya memastikan pengedaran buku-buku kecil atau risalah tentang Islam Hadhari. Sampai kepada semua lapisan masyarakat supaya konsep ini difahami dengan lebih mendalam serta tidak diambil kesempatan oleh parti lawan untuk menghentam kepimpinan Perdana Menteri. Islam Hadhari mencapai matlamat kejadian insan ibadah, khalifah *imaraq*.

Seluruh kehidupan manusia adalah untuk beribadah kepada Allah berperanan sebagai Khalifatullah, bertanggungjawab, membangunkan Tamadun Islam, tamadun Alam Ijarah, selari dengan panduan Ilahi. Al-Islam Al-Hadhari. Definisi Islam Hadhari satu pendekatan pembangunan manusia masyarakat dan negara. Malaysia bersifat menyeluruh berdasarkan kepada perspektif Tamadun Islam. Islam Hadhari bukan ajaran baru atau mazhab baru tetapi satu usaha mengembalikan umat Islam kepada asas ajaran sebenar menurut Al-Quran dan As-Sunnah sebagai teras pembinaan Tamadun Islam. Islam Hadhari dipilih sebagai membangkitkan kesedaran yang tinggi terhadap tanggungjawab melibatkan Tamadun Islam yang unggul.

Pendekatan Islam Hadhari adalah lengkap dan menyeluruh syumul, bukan melihat dari secara berpisah-pisah, menekankan kesepaduan dan keseimbangan di dalam membina tamadun yang holistik. Berfokus kepada meningkatkan kualiti hidup masyarakat bertamadun dan berperadaban unggul. Visi Islam Hadhari menjadikan manusia sebagai sebuah negara Islam contoh iaitu sebuah negara maju mengikut acuan sendiri. Misi Islam Hadhari melaksanakan agenda pembangunan negara dan ummah berlandaskan pendekatan Islam yang universal, maju bertamadun, bertoleransi dan berimbang. Objektif....

Tuan Ismail Kassim: Pohon laluan.

Puan Hajah Wan Hazani binti Haji Wan Mohd. Nor: Sila.

Tuan Ismail Kassim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, dan terima kasih Yang Berhormat atas laluan yang diberikan kepada saya. Saya inginkan penjelasan daripada Yang Berhormat berhubung dengan salah tanggapan terhadap Islam Hadhari ini. Adakah ianya disebabkan oleh kecenderungan kita yang begitu *taksub* kepada mazhab dan ketaksuban ini menyebabkan kita merasakan kita lebih baik daripada kumpulan yang lain. Jadi, sebab itulah setiap sesuatu yang dibuat demi kebaikan selalu disalahertikan dan selalu disalahtafsirkan. Apa pandangan Yang Berhormat berhubung perkara ini?

Puan Hajah Wan Hazani binti Haji Wan Mohd. Nor: Terima kasih Yang Berhormat. Mungkin juga mereka merasakan merekalah Islam tulen. Jadi, dia katakan bahawasanya Islam Hadhari adalah daripada Islam baru. Kemungkinan besar itu, Yang Berhormat...

Puan Wan Ubaidah binti Omar: Pohon laluan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat belum lagi selesaikan kupasan penjelasan yang diminta oleh Yang Berhormat Tuan Ismail bin Kasim. Saya akan minta kemudian. Sila.

Puan Hajah Wan Hazani binti Haji Wan Mohd. Nor: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Sudah habis? Sudah selesai kupas soalan Tuan Ismail bin Kasim?

Puan Hajah Wan Hazani binti Haji Wan Mohd. Nor: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kemungkinan Yang Berhormat, terutamanya di negeri Kelantan mana-mana sahaja tempat, mana-mana kawasan yang mereka masuk parti pembangkang bererti dia kata adalah Islam yang Perdana Menteri buat adalah baru, bererti tak patut sokong Barisan Nasional kerana dia buat Islam itu Islam baru sedangkan Pak Lah buat Islam Hadhari itu hendak memahami Islam Hadhari ialah Islam yang bertamadun. Itu masalahnya kepada negeri Kelantan di mana-mana sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Puan Wan Ubaidah binti Omar meminta laluan.

Puan Hajah Wan Hazani binti Haji Wan Mohd. Nor: Silakan Yang Berhormat.

Puan Wan Ubaidah binti Omar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Sepatutnya kita sebagai seorang Islam kita mematuhi kitab Al-Quran di mana terkandung semua suruhan Allah dan segala larangan Allah di dalamnya. Dan salah satu daripada ayat yang maksudnya berbunyi "*Apabila kamu diberi kuasa maka hendaklah didirikan solat, hendaklah menunaikan zakat, hendaklah mengadakan amalan makruf dan juga melaksanakan nahi mungkar*". Jadi saya tidak lihat apakah ciri-ciri nahi mungkar ataupun mencegah kemungkaran di dalam Islam Hadhari. Minta pandangan Yang Berhormat, terima kasih.

Puan Hajah Wan Hazani binti Haji Wan Mohd. Nor: Terima kasih Yang Berhormat. Sekejap lagi saya hurailah. Sebenarnya dalam 10 prinsip Islam Hadhari, sekejap lagi saya huraikan satu-satu Yang Berhormat. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Mungkin Yang Berhormat tak akan punya cukup masa untuk menghuraikan sepuluh itu.

Puan Hajah Wan Hazani binti Haji Wan Mohd. Nor: Objektif Islam Hadhari bagi melahirkan individu dan masyarakat Islam yang mempunyai kekuatan spirituil, rohani, akhlak, intelektual, material, mampu berdikari, berdaya saing, melihat ke hadapan, inovatif serta cekap menangani cabaran-cabaran semasa secara bijaksana, rasional, praktikal dan damai. 10 prinsip asas Islam Hadhari ialah:

- (i) Keimanan dan ketakwaan kepada Allah - Iman dan takwa sebagai teras utama dan menjadikan matlamat setiap tindakan Al-Quran dan as-sunah teras pegangan dan rujukan, gabungan kemantapan akidah, kepercayaan, syariah, perundangan, akhlak, moral, nilai murni sebagai teras pembangunan;
- (ii) Kerajaan adil dan amanah - Pengurusan yang baik adil, amanah, pengurusan yang cekap melalui perbelanjaan berhemah dan tidak boros. Pemberian hak tanpa mengira keturunan bangsa, agama mengikut ketentuan; dan
- (iii) Rakyat berjiwa merdeka - Kebebasan berpaksikan tauhid, nilai-nilai murni dan peraturan. Jiwa mereka menjana kreativiti dan inovasi yang positif bagi mencetus pembaharuan dan kemajuan, berjiwa patriotik, bersemangat waja dan mempunyai jati diri yang tinggi....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, boleh buat kesimpulan dan selesaikan dalam lima minit. Gulung elok-elok, bungkus, hantar.

Puan Hajah Wan Hazani binti Haji Wan Mohd. Nor: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Tak perlu gundah, gulung dengan tenang, bungkus, hantar.

Puan Hajah Wan Hazani binti Haji Wan Mohd. Nor: ...

- (iv) Penguasaan ilmu pengetahuan - Kesepaduan ilmu fardu ain dan fardu kifayah bagi memajukan negara dan ummah meneroka, mengkaji, menguasai semua bidang ilmu pengetahuan, seiring dengan kemajuan dunia, berjihad memartabatkan ilmu dan penuh iltizam dan tanggungjawab;
- (v) Pembangunan ekonomi seimbang dan komprehensif - Memantapkan keadilan dan kestabilan ekonomi yang komprehensif dan berdaya saing menggembleng sumber tenaga yang berkualiti, berprestasi tinggi, amalan ekonomi yang berakhlak. Mendorong peradaban yang semakin maju dan berkualiti tinggi menekankan kualiti hidup ummah yang lebih sempurna dan semua aspek kehidupan, menjana keperluan asas hidup manusia yang berkualiti bagi menjamin kesihatan, kesejahteraan dan keamanan;

- (vi) Membela hak kumpulan minoriti dan wanita - Memberikan hak golongan minoriti OKU bekas penagih dadah, bekas banduan, ibu tunggal, ibu tunggal dan wanita dengan adil dan saksama. Mengiktiraf sumbangan golongan minoriti dan wanita di dalam pembangunan negara. Tidak mengomposisikan golongan minoriti dan wanita untuk kepentingan diri sendiri; dan
- (vii) Keutuhan budaya dan moral - Meneguhkan dan memelihara budaya berdasarkan nilai-nilai agama dan nilai-nilai murni, mengembangkan moral, membangunkan moral masyarakat dan menanam budaya murni di dalam amalan. Semua anggota masyarakat bekerjasama menangani budaya liar dan tidak sihat secara berkesan...

Tuan Yang di-Pertua: Bermakna masalah di depan kita ini, wang yang kerajaan minta untuk digunakan daripada kumpulan wang yang disatukan ini semua wang ini akan dibelanjakan menjurus kepada menjayakan Islam Hadhari.

Puan Hajah Wan Hazani binti Haji Wan Mohd. Nor: Betul, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Itu bungkusan sebaik-baiknya.

Puan Hajah Wan Hazani binti Haji Wan Mohd. Nor: Betul. Bererti kekuatan pertahanan membangkitkan sistem pertahanan fizikal, mental, spirituil dan ekonomi yang seimbang dan sepadu bagi memelihara jati diri serta maruah, agama, bangsa dan negara. Menyemarakkan semangat patriotik dan cintakan negara sehingga bersedia mempertahankan daripada ancaman musuh, membangunkan sistem pertahanan ketenteraan terbaik berasaskan teknologi masa depan.

Islam Hadhari merupakan satu agenda untuk melaksanakan amanah bagi membina generasi '*hairul ummah*'. Pendekatan Islam Hadhari menjadi asas pembinaan tamadun dan kekuatan negara dalam semua aspek bagi menyaingi dan mengatasi mana-mana kuasa besar di dunia hari ini. Justeru itu ambillah peluang ini

Tuan Yang di-Pertua: Tuan Yang di-Pertua....

Puan Hajah Wan Hazani binti Haji Wan Mohd. Nor:Ambillah peluang ini dengan sebaik-baiknya untuk sama-sama menyumbangkan....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, kata hendak ucapkan justeru itu Tuan Yang di-Pertua saya mohon menyokong.

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Puan Hajah Wan Hazani binti Haji Wan Mohd. Nor:*[Ketawa]* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya teruskan. Justeru, ambillah peluang ini dengan sebaik-baiknya untuk sama-sama menyumbang ke arah pembentukan generasi '*hairul ummah*' dan bertamadun dan tamadun yang terbilang tidak kira fahaman politik yang berbeza dari semua lapisan masyarakat kita adalah anak bangsa Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, tahniah kepada kerajaan Barisan Nasional pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat panjang lagi kah? Sebab nanti saya suruh berhenti terkasar. Baik gulung baik-baik. Terima kasih. Panjang lagi kah? Kalau kita hendak baca apa yang ditulis itu tak habis. Nanti saya baca Perlembagaan ini pula baru kita mesyuarat sampai tahun depan.

Puan Hajah Wan Hazani binti Haji Wan Mohd. Nor: Sedikit lagi hendak habis. Tak sampai tiga minit. Sekejap sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, tahniah kepada kerajaan Barisan Nasional pimpinan Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi yang mengangkat darjat menaikkan kedudukan dan gaji kadi dan imam di kawasan luar bandar dan bandar dari surau, madrasah, masjid dan kedudukan mereka sudah terbela. Satu pelawat jawatan pengelola penyelia agama pembangunan bererti RM1,400, penyelia Parlimen daerah RM900 hingga RM1,200, pelawat RM700, penggerak masyarakat semua ini adalah bahagian agama RM350, guru-guru yang mengajar fardu ain di kampung-kampung daripada RM288 naik RM500, guru al-Quran RM70 naik RM150. Imam di kampung-kampung gajinya RM650.

Jadi gaji imam dan semua penggerak masyarakat bahagian agama kawasan luar bandar dinaikkan satu hingga dua kali ganda dari gaji asal. Mereka semua gembira dan berterima kasih kepada barisan kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi di atas keprihatinan.

Saya hendak ingatkan Ahli Yang Berhormat, kalau hendak menyindir atau menghentam kepimpinan Barisan Nasional terutamanya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri setiap kata cuba buat, setiap ketua cuba buat sehabis baik untuk rakyat di bawah kepimpinan beliau. Masalahnya cuma Yang Berhormat sahaja yang terlepas pandang atau saja-saja tak memandang. Jangan kata sesedap rasa jangan sekadar penyedap bahasa.

Tuan Yang di-Pertua: Maka....

Puan Hajah Wan Hazani binti Haji Wan Mohd. Nor: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Dato Sri Empiang Jabu kemudian saya akan menjemput Tan Sri Dato' Muhammad bin Muhammad Taib.

12.10 tgh.

Dato Sri Empiang Jabu: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kerana memberi saya peluang untuk mengambil bahagian di dalam perbahasan Bajet 2007 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan Kedua di dalam Dewan yang mulia ini.

Pembentangan Bajet 2007 yang bertemakan melaksanakan misi nasional ke arah mencapai Wawasan 2020 amatlah tepat pada masanya memandangkan negara kita berada di tahap permulaan fasa kedua Wawasan 2020. Seluruh rakyat Malaysia menaruh harapan agar usaha-usaha ke arah mencapai Wawasan 2020 selama ini akan mencerahkan masa depan negara dan rakyat serta membawa negara ke satu tahap pembangunan yang lebih tinggi.

Rakyat negeri Sarawak berdiri teguh menyokong kerajaan dalam usaha-usaha mencapai Wawasan 2020 dan amat berterima kasih kepada Kerajaan Persekutuan di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana telah memberi perhatian yang khusus terhadap pembangunan negeri Sarawak dengan menyediakan peruntukan yang besar di dalam Bajet 2007 bagi pembangunan....

Tuan Yang di-Pertua: Tidakkah Sarawak menyumbangkan jumlah kerusi yang terbanyak di Dewan Rakyat?

Dato Sri Empiang Jabu: Betul juga.

Tuan Yang di-Pertua: Jadi agaknya sebab itu peruntukan pun yang besar.

Dato Sri Empiang Jabu: Terima kasih. Menyediakan peruntukan yang besar dalam Bajet 2007 bagi pembangunan negeri Sarawak yang melibatkan pembinaan dan naik taraf jalan raya yang akan menghubungkan bandar-bandar dan pekan-pekan kecil di Sarawak yang akan membantu dalam usaha mendedahkan kawasan pedalaman ke arus pembangunan utama negara.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam pembentangan Rancangan Malaysia Kesembilan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan, kerajaan telah menunjukkan akan hasrat kerajaan yang ingin memberi tumpuan khas dan mendalam kepada usaha membangunkan kawasan-kawasan luar bandar di Sarawak. Dengan adanya usaha sebegini saya yakin kawasan-kawasan luar bandar di Sarawak akan menikmati tahap pembangunan yang amat ketara dan hebat di mana akan wujudnya banyak kemudahan jalan raya, kemudahan-kemudahan kesihatan, sekolah-sekolah, pembekalan kuasa elektrik dan air yang bersih. Penerokaan kawasan-kawasan pertanian baru dan pembukaan peluang pemasaran. Dengan bertambahnya kemudahan-kemudahan sedemikian saya percaya ianya akan memastikan kawasan luar bandar akan dapat bergerak lebih maju dalam jangka masa 14 tahun menjelang tahun 2020.

Tuan Yang di-Pertua, inilah harapan serta impian yang amat ditunggu-tunggu oleh masyarakat di luar bandar yang masih tertinggal berbanding dengan rakan-rakan mereka yang berada di bandar. Dengan terlaksananya kesemua program-program pembangunan tersebut rakyat di luar bandar mendapat nafas baru dan keupayaan untuk berdiri di atas kaki sendiri.

Ini menunjukkan hasrat Kerajaan Barisan Nasional di bawah kepimpinan Perdana Menteri yang ingin memastikan tidak ada negeri yang ketinggalan di dalam rancangan pembangunan negara terutama sekali di dalam usaha merapatkan jurang pertumbuhan ekonomi di antara bandar dan luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua: Ini bermakna bila rakyat negeri Sarawak menyatakan sentimen mereka kepada *Cobbold Commission* pada tahun 1963 dulu, bermakna hari ini mereka cukup puas hatilah di atas pernyataan sentimen tersebut. Adakah itu yang merupakan sentimen di Sarawak?

Dato Sri Empiang Jabu: Betul Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Rakyat mestilah memberi sokongan kuat dan padu kepada kerajaan untuk meneruskan program pembangunan negara kerana sekiranya setiap langkah yang diambil oleh kerajaan untuk membangunkan negara tidak disokong ataupun dipersoalkan oleh rakyat. Walaupun program tersebut adalah baik, ianya akan menyebabkan negara kita gagal di dalam mencapai aspirasi Wawasan 2020. Tahap pembangunan negara kita juga akan jauh ketinggalan jika berbanding dengan negara-negara lain terutama sekali negara jiran kita kerana keadaan dunia pada hari ini amat kompetitif dan merupakan satu perlumbaan untuk mencapai tahap pembangunan yang paling tinggi dan sempurna.

Usaha untuk membangunkan negara kita tidak boleh dilengah-lengahkan sehingga menyebabkan program pembangunan tergendala kerana keadaan ekonomi dunia yang tidak menentu mempunyai kesan terhadap kos pembangunan yang akan naik kerana harga barangan mentah pembinaan, pengangkutan dan lain-lain tertakluk kepada harga pasaran dunia yang amat sensitif. Oleh kerana itu, adalah wajar sekiranya pelan pembangunan negara dilaksanakan dan disiapkan mengikut jadual yang telah dipersetujui dan ditetapkan untuk mengelak masalah seperti kenaikan barangan yang mempunyai kesan menyeluruh terhadap kos pembangunan negara. Program pembangunan negeri mesti diteruskan untuk mencapai hasrat Wawasan 2020 demi kesejahteraan dan kemakmuran rakyat dan negara. Sebarang usaha yang ingin menggagalkan hasrat rakyat dan negara untuk mencapai Wawasan 2020 mesti dibendung kerana unsur-unsur tersebut hanya mempunyai kepentingan tersendiri.

Tuan Yang di-Pertua: Bermakna adakah Yang Berhormat hendak menyatakan kita ini tidak boleh anggap Malaysia ini orang Sarawak sahaja punya atau orang Perlis sahaja punya atau orang Iban sahaja punya atau orang Melayu sahaja punya. Bermakna Malaysia ini adalah kepunyaan kita semua sama ada orang Sarawak, Sabah, Perlis, Johor, Melayu, Cina, Iban, KadazanDusun dan seterusnya. Adakah itu Yang Berhormat hendak nyatakan?

Dato Sri Empiang Jabu: Itulah Tuan Yang di-Pertua, Malaysia ini untuk semua. Semua *Malaysian* tidak kira agama, bangsa dan keturunan.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan ramai Ahli-Ahli Dewan yang lain ingin membahaskan Bajet 2007, saya hanya ingin membangkitkan beberapa isu yang saya harap akan diberi perhatian oleh kerajaan. Masalah jerebu, ini nampaknya Sarawak yang lebih Tuan Yang di-Pertua. Kekerapan jerebu yang melanda negeri kita akibat aktiviti pembakaran terbuka di Indonesia nampaknya telah sampai ke tahap yang amat membimbangkan dan kejadian tahun ini amat teruk.

Kejadian jerebu ini telah menimbulkan pelbagai masalah terutama sekali kesihatan bagi warga tua dan budak serta menyekat aktiviti-aktiviti luar penduduk.

Negeri Sarawak yang letaknya berdekatan dengan Kalimantan, Indonesia juga mengalami masalah asap jerebu yang amat serius sehingga menjejaskan industri pelancongan negeri kerana ramai pelancong terpaksa membatalkan rancangan mereka untuk berkunjung ke kawasan-kawasan luar bandar untuk melawat rumah-rumah panjang disebabkan jarak penglihatan di jalan raya yang kurang memuaskan. Keadaan ini telah menjejaskan mata pencarian sebilangan para penduduk tempatan yang bergantung kepada industri pelancongan. Di samping itu, liputan media massa terutama sekali CNN *International* tidak memberi gambaran yang tepat terhadap negeri semasa melaporkan keadaan cuaca sedunia, mereka lebih tertarik dengan memberi laporan yang berat sebelah mengenai keadaan jerebu di Malaysia walaupun keadaan negara jiran kita tidak kurang teruknya berbanding dengan kita.

Kerajaan mesti mencari jalan penyelesaian untuk mengatasi masalah ini dengan segera supaya segala usaha kita bagi mempromosikan Tahun Melawat Malaysia 2007 akan berjaya dan menepati sasaran. Semenjak bermulanya kejadian jerebu, masalah kesihatan terutama sekali bagi kanak-kanak dan juga warga tua telah meningkat terutama sekali yang berkaitan dengan pernafasan dan penyakit lelah. Laporan yang telah dikeluarkan oleh Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak yang dipetik dari akhbar tempatan bertarikh 10 Oktober 2006, menunjukkan peningkatan sebanyak 15% bagi kes-kes yang berkaitan dengan pernafasan dan penyakit lelah di kalangan kanak-kanak berumur 12 tahun dan ke bawah semenjak jerebu melanda Sarawak berbanding dengan tahun yang sebelumnya. Keadaan ini sekiranya tidak diatasi, akan mempunyai kesan jangka panjang terhadap tahap kesihatan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengharapkan agar kerajaan akan mencari jalan penyelesaian bagi mengatasi masalah jerebu ini dari berulang lagi di tahun-tahun yang akan datang. Kementerian Kesihatan mestilah bersedia memberi petunjuk dan membimbing bagaimana untuk mengurangkan kesan-kesan akibat jerebu ini terhadap kesihatan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua: Ada baik sekarang ini kalau Yang Berhormat tinjau catatan-catatan Yang Berhormat itu, Yang Berhormat ketengahkan isu jerebu mungkin jangan Yang Berhormat tertinggal ada isu-isu untuk dibangkitkan dan diketengahkan.

Dato Sri Empiang Jabu: Tidak Tuan Yang di-Pertua. Kementerian Luar Negeri pula mesti berbincang dengan Indonesia bagaimana untuk mengatasi masalah jerebu. Ini secara langsung ataupun melalui pakatan negara-negara ASEAN. Sekiranya terdapat syarikat-syarikat Malaysia yang terlibat dengan kegiatan pembakaran terbuka di ladang-ladang kelapa sawit di Indonesia, kerajaan harus mendakwa syarikat-syarikat tersebut demi kebaikan dan kesejahteraan rakyat Malaysia. Sekiranya kerajaan gagal mengatasi masalah ini, kita sendiri yang terpaksa menanggung beban kerugian yang besar dari segi ekonomi dan kesihatan hari kelak.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat mengalu-alukan keputusan kerajaan untuk mencadangkan pemansuhan pembayaran yuran peperiksaan umum UPSR, PMR, SPM atau setaraf dengannya seperti STPM di dalam Bajet 2007. Cadangan kerajaan ini akan meringankan beban kewangan ramai ibu bapa lebih-lebih lagi mereka yang datangnya dari golongan berpendapatan rendah baik di bandar ataupun di luar bandar. Saya amat yakin dengan langkah yang sedemikian, sebahagian besar keluarga yang berpendapatan rendah dapat menggunakan duit yuran peperiksaan tersebut bagi membiayai perbelanjaan bagi lebih banyak buku-buku rujukan yang akan memanfaatkan pendidikan anak-anak mereka. Penjimatan duit dari yuran peperiksaan ini juga akan dapat membantu keluarga untuk menambah bilangan pakaian-pakaian seragam sekolah, alat-alat tulis dan juga menambahkan perbelanjaan dapur untuk lebih khasiat yang seimbang bagi pertumbuhan minda.

Langkah ini akan mempunyai kesan yang mendalam dan akan membantu anak-anak murid semasa menimba ilmu di dalam persekolahan mereka. Saya amat berterima kasih kepada kerajaan kerana mengambil langkah ini dan mengharapkan agar rakyat terutama sekali dari golongan pendapatan rendah akan menggunakan duit penjimatan dari yuran peperiksaan tersebut untuk meningkatkan usaha bagi kecemerlangan pendidikan anak-anak mereka.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan kerajaan di dalam Bajet 2007 untuk membantu pesara dengan memberi bayaran khas sekali sahaja amat diterima dengan hati terbuka. Saya yakin langkah ini akan sedikit sebanyak meringankan beban kehidupan para pesara yang terpaksa berhadapan dengan peningkatan kos sara hidup yang meningkat setiap tahun. Memang tidak dapat dinafikan kos sara hidup pada hari ini amat berbeza jika dibandingkan dengan beberapa tahun yang lalu. Banyak harga barangan telah naik dan kesannya amat dirasai oleh rakyat terutama sekali para pesara. Semenjak kenaikan harga minyak, ramai pesara terpaksa menyekat pergerakan perjalanan mereka dengan kereta kepunyaan persendirian, mereka juga terpaksa berjimat cermat dalam perbelanjaan seharian dan juga bagi perbelanjaan dapur.

Tuan Yang di-Pertua, saya ini sudah orang pesara jadi terasalah. Sekarang belum, tetapi akan jadi orang pesara.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat masih berkhidmat sebagai Ahli Dewan Negara.

Dato Sri Empiang Jabu: Ya, tidak lama lagi, mungkin. Tapi ramai kawan-kawan yang dulu *colleague* sama saya sudah bersara. Hidup berjimat cermat ini biasanya dipraktikkan oleh pasangan yang baru mendirikan rumah tangga ataupun keluarga baru. Akan tetapi pada masa kini, para pesara yang telah bekerja selama 30 atau 40 tahun yang mengharapkan kesenangan hidup dengan pencen dan simpanan tabung mereka nampaknya kecewa kerana terpaksa mengharungi kehidupan yang memaksa mereka berjimat disebabkan kos sara hidup yang meningkat. Namun demikian, mereka masih lagi dapat menerima hakikat tersebut dan akan berjimat kerana ini adalah lumrah dunia.

Tuan Yang di-Pertua, kita sedar dan menerima hakikat bahawa kos sara hidup dari tahun ke tahun. Ini merupakan kesan yang amat membebankan hidup rakyat terutama sekali terhadap para pesara. Akan tetapi saya menyeru kerajaan untuk mencari jalan bagaimana untuk memberi lebih bantuan kepada para pesara negara kita yang telah banyak menabur bakti kepada negara dan masih lagi berupaya berbakti. Kita mesti sedar bahawa pencen yang diterima oleh para pesara amatlah rendah dan walaupun sebahagian mereka kemungkinan menerima pencen yang tinggi, ianya masih tidak mencukupi kerana terpaksa menanggung perbelanjaan kos perubatan yang semakin meningkat tinggi.

Sungguhpun kerajaan menyediakan kemudahan untuk mendapat ubat di poliklinik kerajaan dan hospital-hospital umum kita mesti sedar bahawa terdapat kes-kes yang tertentu di mana pesara terpaksa mendapat jenis ubatan yang mahal harganya ataupun tidak didapati di hospital-hospital kerajaan. Kita mestilah berusaha untuk membantu para pesara yang bilangannya telah meningkat setiap tahun dan tidak mengecewakan mereka. *To some of the retirees, the golden age is no longer golden,* dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua: Boleh kah Yang Berhormat simpulkan?

Dato' Sri Empiang Jabu: *Okay.*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat ketengahkan jerebu tadi.

Dato' Sri Empiang Jabu: Ya jerebu, sekolah.

Tuan Yang di-Pertua: Kemudian inflasi.

Dato' Sri Empiang Jabu: Satu lagi perkara saya ingin sebut iaitu kita menyambut baik langkah dan mengharapkan supaya usaha-usaha yang mempromosikan pelancongan di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua: Dengan izin, *the way our mind works.* Kalau tidak boleh ingat ataupun kalau tersilap sebut, tidak perlu cuba. Kalau cuba masih dia terus lupakan sahaja.

Dato' Sri Empiang Jabu: Mempromosikan, mempromosikan pelancongan. Kerajaan telah memperuntukkan berjuta-juta ringgit di dalam bajet tahunan bagi mengembangkan industri pelancongan. Saya berharap *promotion* ini dengan izin, dapat diperluaskan ke negeri-negeri dan tempat-tempat yang menarik di luar bandar. Di Sarawak terdapat banyak pekan-pekan kecil di kawasan pedalaman yang berpotensi sebagai daya tarikan pelancong kerana sejarah ataupun keunikan tempat itu.

Tuan Yang di-Pertua sebelum saya mengakhiri perbahasan kali ini saya ingin mengucapkan syabas kepada kerajaan kerana telah memandangkan satu bajet yang akan banyak membantu di dalam meringankan beban kos sara hidup dan meningkatkan taraf kehidupan rakyat. Bantuan-bantuan di dalam sektor-sektor tertentu sudah tentu akan memberi perangsang kepada pengusaha untuk menceburi di dalam bidang-bidang baru. Manakala penambahan kemudahan dan insentif-insentif bagi sektor-sektor yang sedia ada terutama sekali dalam sektor pertanian akan

membantu pengusaha mahu setapak lagi dan meningkatkan daya saing di dalam dunia yang amat kompetitif.

Rakyat sepatutnya menyahut cabaran dengan mengambil peluang yang telah disediakan oleh kerajaan. Sekiranya kita tidak berbuat begitu segala bantuan perangsang dan kemudahan yang telah disediakan hanya sia-sia sahaja dan yang akan rugi adalah kita sendiri. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan Selamat Tahun Baru 2007 kepada semua Ahli-Ahli Dewan yang mulia ini. Semoga tahun 2007 akan membawa negara kita maju ke setapak lagi mencapai Wawasan 2020. Tuan Yang di-Pertua dengan itu saya menyokong Bajet 2007.

Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Dewan Negara dengar suara Sarawak.

Dato' Sri Empiang Jabu: Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Saya menjemput Yang Berhormat Tan Sri Dato' Muhamamd bin Muhammad Taib kemudian Datuk Hajah Dayang Mahani. Kalau Yang Berhormat tidak dapat habiskan masih mempunyai masa selepas kita sambung bersidang pada pukul 2.30.

12.35 tgh.

Tan Sri Dato' Muhammad bin Muhammad Taib: *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Terlebih dahulu saya ingin rakamkan sembah ucapan setinggi-tinggi junjung kasih ke bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong di atas perkenan baginda pelantikan saya sebagai Ahli Dewan Negara yang mulia ini. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan kerajaan Malaysia dan kebetulan hari ini ialah hari terakhir Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong saya mengambil kesempatan bagi pihak kawan-kawan mengucapkan menjunjung kasih setinggi-tingginya kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong dan Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong. Dan juga mengalu-alukan kedatangan dan pelantikan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda yang baru pada 13...

Tuan Yang di-Pertua: Ini hebatnya Malaysia ya Yang Berhormat. *Head of the state*, Ketua Negara beralih dengan keadaan biasa sahaja. Kalau mana-mana negara, beralih Ketua Negara, pecah kepala, ribu-ribu mati. Terima kasih.

Tan Sri Dato' Muhammad bin Muhammad Taib: Tuan Yang di-Pertua, Rang undang-undang Perbekalan 2007 atau Belanjawan 2007 yang dibentangkan adalah satu belanjawan yang sangat praktikal lagi berpandangan jauh ke hadapan. Setinggi-tinggi tahniah kita ucapkan kepada kerajaan khususnya kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di atas kejayaan

membentangkan satu belanjawan yang padat dengan pelbagai strategi bagi menjayakan pelaksanaan Misi Nasional.

Belanjawan 2007 adalah belanjawan penting untuk membolehkan kerajaan melaksanakan Misi Nasional dalam usaha kerajaan meningkatkan ekonomi, meningkatkan keupayaan pengetahuan rakyat dan inovasi negara serta memupuk minda kelas pertama menangani masalah ketidaksamaan sosioekonomi yang berterusan secara membina dan produktif. Meningkatkan tahap dan kemampuan kualiti hidup dan mengukuhkan keupayaan institusi pelaksanaan negara dengan penubuhan mekanisme pelaksanaan dan pemantauan yang cekap.

Belanjawan 2007 ini adalah belanjawan penting yang berperanan sebagai landasan untuk membolehkan kerajaan memberi tumpuan kepada beberapa bidang iaitu daya saing negara pada peringkat global, pembangunan modal insan, integrasi nasional, pembahagian kekayaan negara di kalangan pelbagai kaum serta kualiti hidup yang lebih baik. Belanjawan ini adalah belanjawan rakyat yang mengambil kira bagaimana kerajaan hendak membentuk rakyat yang memiliki kemampuan berfikir yang tinggi, kemampuan bertindak yang cergas dan pantas serta kemampuan pelaksanaan sistem penyampaian, *delivery system*, dengan izin, yang mampu bersaing dengan berkesan dengan rakyat negara lain di ruang antarabangsa dalam keadaan yakin dan berjaya.

Tuan Yang di-Pertua saya ingin membicarakan tiga atau empat perkara yang namanya modal insan, kedua *delivery system*, dengan izin, ketiga perpaduan, yang keempat pertanian khusus kepada RISDA. Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: Saya diselubungi oleh satu nostalgia ingin mendengar Yang Berhormat berucap macam saya pernah dengar masa Yang Berhormat berucap sebagai Menteri Besar Selangor dahulu.

Tan Sri Dato' Muhammad bin Muhammad Taib: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Malaysia akan berdepan dengan cabaran yang lebih getir pada tahun 2007. Wujud kebimbangan berterusan terhadap kemungkinan harga minyak terus kekal pada paras yang tinggi yang boleh mengakibatkan kenaikan kadar inflasi serta kadar faedah global yang pada masa sama akan memberikan kesan kepada pasaran kewangan. Tuan Yang di-Pertua, kerajaan di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menggerakkan pembangunan infrastruktur manusia ataupun *human infrastructure*, dengan izin untuk menghasilkan keupayaan yang terbaik dari segi rakyat Malaysia. Hampir keseluruhan daripada perincian dalam Buku Anggaran Perbelanjaan dan Belanjawan Program dan Prestasi 2007 memberikan tumpuan kepada pembangunan modal insan. Sama ada dalam bentuk memperkasa program latihan dan kursus kemahiran, menambah tenaga profesional dalam bidang kepakaran dan sumber manusia, mengurangkan bilangan graduan menganggur, meningkatkan tahap profesional kursus-kursus lanjutan dan kepimpinan dan sebagainya.

Tumpuan juga diberi kepada projek khas baru yang boleh diceburi rakyat Malaysia seperti Program Angkasawan Negara selain program menggalakkan daya inovasi rakyat, program *brain gain* dan sebagainya. Projek-projek yang bertujuan memperkasa pendekatan Malaysia boleh sudah mula dicemburui oleh masyarakat antarabangsa. Sebuah majalah luar bulan lepas telah mempertikaikan Program Angkasawan Negara dengan tuduhan bahawa program berkenaan membazirkan wang negara yang sepatutnya boleh digunakan untuk tujuan lain.

Inilah masalahnya dengan pemikiran sesetengah penduduk negara barat yang masih tebal dengan semangat penjajahan mereka. Apa sahaja yang dilakukan oleh kerajaan untuk membina upaya rakyat negara ini yang satu masa dahulu dianggap oleh penjajah sebagai *white man's burden* akan dikritik dan dicemburui. Mereka masih dalam pemikiran lama bahawa penduduk negara yang dijajah tidak mampu bangun menjadi bangsa yang berjaya dan boleh menyumbang kepada kemajuan dunia. Pada mereka apa sahaja usaha atau rancangan ataupun pendekatan penduduk negara pernah dijajah yang mahu bangun untuk menjadi bangsa yang maju mestilah dipertikaikan, dimomokkan atau diperlekeh.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya tidak berlaku pembaziran wang kerajaan, apabila kerajaan menjalankan program-program yang membangunkan bina upaya rakyat. Kerana pelaburan dalam membina sumber manusia adalah pelaburan menyediakan generasi akan datang bagi mentadbir negara. Sebenarnya apa yang dicapai oleh kerajaan adalah satu kejayaan berganda. Dalam ketika Malaysia akan memasuki gerbang menyambut ulang tahun ke 50 kemerdekaan negara tahun depan, pendekatan memajukan modal insan atau bina upaya rakyat Malaysia yang digerakkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri adalah pendekatan dan pilihan yang terbaik untuk rakyat Malaysia.

Ini pendekatan bagi membolehkan Malaysia boleh terus kukuh berjaya dan mampu menandingi negara lain pada masa depan. Melalui pembangunan modal insan, potensi seluruh negara, penduduk negara ini boleh dipupuk atau *nurture*, dengan izin, dikupas dan dimaksimumkan kemampuannya sejak dari peringkat bayi kemudian remaja dan seterusnya dewasa untuk mereka berfikir dan bertindak bahawa bukanlah mustahil untuk meningkat mereka boleh menjadi cemerlang, gemilang dan terbilang dan seterusnya mengharumkan nama negara.

Pendekatan memupuk ataupun *nurturing*, remaja dan golongan muda sangat mustahak dan hendaklah diperkemas dan dijalankan secara menyeluruh. Dia tidak hanya tertumpu di bawah satu kementerian tertentu atau agensi tertentu semata-mata. Kita tidak mahu wujud keadaan "sekali air bah, sekali pasir berubah" di mana fokus bagi memupuk potensi negara rakyat negara yang dibuat oleh sesetengah kementerian itu berubah apabila kepimpinannya bertukar.

Sehubungan ini, kita ingin mencadangkan adalah penting adalah penting untuk program-program memupuk potensi rakyat Malaysia dibuat secara *holistic* dengan pencapaiannya boleh dipantau secara bulan atau dwi bulanan oleh satu panel atau unit khas yang diwujudkan di bawah

Jabatan Perdana Menteri. Dengan adanya panel atau unit khas memupuk kecemerlangan ini dia bukan sahaja boleh mengawal selia keberkesanan program berkenaan malahan perbaiki mana-mana kelemahan yang wujud di peringkat kementerian atau agensi. Lebih penting lagi ia boleh menasihati atau menarik semula ke pangkal jalan mana-mana program yang agak tersasar apabila berlaku perubahan pengurusan di peringkat kementerian atau agensi.

Tuan Yang di-Pertua, pada awal tahun 1990-an Malaysia adalah salah sebuah negara yang mencapai pertumbuhan ekonomi pesat kerana disokong oleh kemasukan pelaburan asing. Bagaimanapun selepas krisis kewangan Asia 1997, 1998 pesaing baru untuk mendapatkan FDI ataupun Pelaburan Asing Langsung seperti China, India dan Vietnam telah muncul disebabkan negara tersebut mempunyai lebih ramai buruh. Kosnya pula lebih rendah. Membolehkan mereka mempunyai daya saing. Untuk kekal bersaing Malaysia memerlukan tenaga buruh yang berpendidikan tinggi, berkemahiran dan senang dilatih. Belanjawan 2007 memberi peruntukan besar kepada pembangunan modal insan, iaitu sebanyak 21% daripada keseluruhan perbelanjaan negara. Daripada peruntukan itu RM6.7 bilion akan disalurkan kepada pendidikan rendah, pendidikan menengah RM6.2 bilion, pengajian tinggi RM10.4 bilion dan program latihan sebanyak RM10.1 bilion.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berkata tumpuan juga diberi kepada menambah baik kualiti guru dan latihan guru selain perluasan penggunaan komputer di sekolah-sekolah. Dalam konteks Malaysia, aspek keilmuan dan pendidikan sentiasa mendapat perhatian. Ia sentiasa mendapat peruntukan besar dalam belanjawan tahunan dan antara tumpuan dalam setiap Rancangan Malaysia. Apa yang dapat dirumuskan di sini adalah sumber manusia, adalah aset terpenting kepada organisasi dan jentera negara. Jatuh bangun sesebuah negara, bangsa bergantung sepenuhnya kepada kualiti yang ada pada sumber manusia.

Justeru agenda pembangunan sumber manusia perlu diutamakan dalam proses pembangunan sesebuah negara kerana ia adalah pemangkin yang bakal mencorakkan tahap kemajuan dan kemunduran bangsa itu. Sumber manusia ini perlu digerakkan secara produktif. Proses pendidikan menjadi titik tolak kepada usaha itu. Perlu diingatkan bahawa proses pendidikan di sini adalah proses berterusan dan perlu dilakukan secara komprehensif. Unsur kemahiran dan nilai itu diadun bersama agar sumber manusia yang bakal mewarnai negara adalah sumber manusia yang mempunyai nilai dalam erti kata yang sebenarnya.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sangat memberi penekanan kepada *delivery system*, dengan izin atau sistem penyampaian dalam Belanjawan 2007. Penekanan yang diberikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri membuktikan bahawa beliau mahu pembangunan yang dirancang bukan sahaja indah di atas kertas, tetapi juga sampai kepada golongan akar umbi sebagai penerima hakiki manfaat pembangunan negara. Pendekatan ini menjadi keutamaan beliau pada awal ucapan belanjawan dengan pernyataan peringatan,

“Bahawa sebagai khalifah di bumi Allah S.W.T. manusia diamanahkan untuk menguruskan rezeki kurniaan Allah S.W.T. baik di daratan, di lautan ataupun di angkasa”. Era globalisasi telah mewujudkan, pelbagai perubahan penting dalam kitaran corak hidup masyarakat dunia. Beberapa corak pemikiran baru kehidupan telah diketengahkan seperti kesamaan *gender*, *feminisme*, hak asasi, alam sekitar, *transparency*, *accountability*, urus tadbir yang baik atau *good governance* dan masyarakat sivil.

Sejak kita berada dalam order baru dunia. Dunia kini menuju ke arah satu sifat universalisme yang mana hanya kesemua negara di dunia termasuk Malaysia tidak terkecuali daripada menerima nilai-nilai yang universal. Masyarakat sivil memberi *space* atau ruang penyertaan yang begitu luas kepada penglibatan masa atau ahli masyarakat memberi pendapat, pada kelazimannya ruang ini dipenuhi oleh aktiviti NGOs, program interaksi individu dengan kerajaan, pendedahan kepincangan oleh media ataupun penyampaian harapan dan tuntutan daripada rakyat. Perjuangan NGO atau individu ini bergerak di atas asas kepentingan sesuatu matlamat yang dikongsi bersama seperti kepentingan hak asasi, alam sekitar, kepentingan ekonomi dan kehidupan lebih selesa berbanding dengan perjuangan parti politik pembangkang yang lebih cenderung untuk mendapat kuasa atau mengejar populariti.

Namun begitu dalam banyak keadaan perjuangan masyarakat sivil ini banyak dipengaruhi oleh elemen pembangkang yang mengambil kesempatan daripada perjuangan tuntutan kelompok tertentu untuk membuat tohmahan yang memburuk-burukkan kerajaan. Kesedaran pembangunan atau *development literacy* telah mendorong satu peringkat yang dinamakan sebagai *the rising of expectation* di kalangan rakyat. Rakyat kini tidak sahaja menerima secara sepenuhnya janji atau bentuk pembangunan yang kerajaan bawa, tetapi juga sudah bijak menilai dan mengharap sesuatu yang lebih baik, membuat *target* atau menyuarakan *expectation*, dengan izin dari kerajaan yang sewajarnya dipenuhi. Namun, sekiranya terdapat kelemahan dalam proses *delivery* ini akan berlakulah *the rising of frustration*, dengan izin yang disalurkan dalam bentuk rungutan dan kritikan dalam media cetak dan elektronik.

Antara yang sering kali mendapat perhatian adalah prestasi pihak berkuasa tempatan dalam menangani kehendak rakyat, pihak hospital dalam menjalankan tugas merawat kesihatan, pihak berkuasa pengangkutan dalam mengawasi kenderaan pengangkutan awam tanpa lesen dan sebagainya. Ini bermakna berita-berita mengenai projek-projek rumah terbungkalai, jalan raya retak, khidmat hospital yang cuai, jambatan runtuh dan sebagainya semakin banyak menjadi buruan bukan sahaja oleh laporan media, tetapi juga pemimpin NGO setempat sehinggakan kerajaan terpaksa menjadi begitu defensif dalam menangani hal ini.

Tuan Yang di-Pertua, kewujudan masyarakat sivil menghasilkan kesan positif kepada pembangunan negara. Pertamanya tingkat masyarakat sivil kita sudah meningkat seperti negara maju. Kesedaran rakyat sudah meningkat dan rakyat begitu sensitif meneliti proses pembangunan

negara. Harus kita mengambil perhatian bahawa tidak semua negara maju memiliki taraf masyarakat sivil yang maju. Mengambil kira keadaan di Malaysia, peningkatan pemikiran, semakin ramai ahli masyarakat ke arah menjadi masyarakat berfikiran kelas pertama adalah sesuatu yang sangat dibanggakan.

Tuan Yang di-Pertua: Cuma di atas jalan rayalah sedikit Yang Berhormat saya fikir, cuma di atas jalan raya, kita tidak menampakkan masyarakat sivil yang berhemah tinggi.

Tan Sri Dato' Muhammad bin Muhammad Taib: Memang betul Tuan Yang di-Pertua. Mudah-mudahan dengan kempen-kempen yang dilakukan oleh kerajaan melalui Kementerian Pengangkutan, polis, perkara ini akan dapat diperbaiki.

Tuan Yang di-Pertua: Banyak orang tidak sedar bahawa perangai kita di atas jalan raya itu adalah satu ukuran peradaban kita atau tamadun kita. Jadi kalau kita, *if we are civilized only at home and not civilized on the road, people have every right to say that we are not quite a civilized society.*

Tan Sri Dato' Muhammad bin Muhammad Taib: Betul Tuan Yang di-Pertua itu satu ukuran *civil society*. Tuan Yang di-Pertua, mengambil kira keadaan di Malaysia, peningkatan pemikiran semakin ramai ahli masyarakat ke arah menjadi masyarakat berfikiran kelas pertama, adalah sesuatu yang sangat perlu dan sangat dibanggakan. Dengan memiliki semakin ramai ahli masyarakat berfikiran kelas pertama akan meningkatkan pula kualiti tindakan dan kualiti pemikiran pembuat dasar untuk menghasilkan keputusan-keputusan yang bertaraf kelas pertama, yang mana input-input baru yang boleh meningkatkan kesejahteraan rakyat akan dapat disalurkan kepada pihak kerajaan sama ada di peringkat Persekutuan, negeri mahupun tempatan. Tuan Yang di-Pertua, kita percaya...

Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad: Pohon laluan.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat menyebut tentang keperluan kita untuk meningkatkan minda ke kelas pertama, tetapi setakat ini kita masih berasaskan segala-galanya kepada kempen. Kempen jalan raya, kempen berhemah dalam perbelanjaan, kempen memastikan sungai kita itu adalah bersih. Segala-galanya berasaskan kepada kempen.

Tuan Yang di-Pertua: Macam orang Malaysia ini kalau dia hendak jadi baik kena kempen.

Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad: Kempen perangai baik, kempen bersih semuanya berkempen.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau tidak ada kempen dia tidak tahu macam mana hendak buat perangai baik.

Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad: Maknanya, ini bermakna bahawa kita jauh lagi daripada mencapai prestasi kelas minda pertama. Adakah Tuan Yang di-Pertua bersetuju bahawa ini adalah satu jalan yang amat sukar yang akan kita lalui?

Tan Sri Dato' Muhammad bin Muhammad Taib: Saya setuju Yang Berhormat Dato' Dr. Norraesah. Sebenarnya kaki tangan kerajaan kita sudah mengambil masa 50 tahun membina *physical development*. Bermula daripada tahun 1957 hingga tahun 2007 tahun depan.

Sekarang ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri banyak bercakap mengenai bina upaya, *towering personality*, cemerlang, gemilang, terbilang dan pernah berkata bahawa Perdana Menteri tidak lagi megah melihat *the twin towers* secara fizikal, tetapi yang perlu ialah melihat peribadi yang mempunyai *towering personality* seperti mana *twin tower* yang ada.

Saya bersetuju apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat dan juga oleh Tuan Yang di-Pertua mengenai perlunya kita dengan segera meningkatkan mutu kualiti perkhidmatan dengan izin, *the crux of the matter* ialah kualiti perkhidmatan. Ini juga disampaikan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor semalam. Yang berasa bahawa walaupun *physical development* sudah sampai ke tahap negeri maju, tetapi kualiti perkhidmatan yang menggunakan segala kemudahan itu belum lagi sampai. Jadi di sini yang kita ingin termasuk kita pemimpin-pemimpin politik, kaki tangan kerajaan dan semua mesti menjurus ke arah membina kualiti pemikiran...

Tuan Yang di-Pertua: Jati diri.

Tan Sri Dato' Muhammad bin Muhammad Taib: Jati diri. Itu sebabnya...

Tuan Yang di-Pertua: Saya pun tidak tahu. Saya pun saja sebut. Kadang-kadang orang kata "jati diri", "jati diri", saya pun sebut "jati diri".

Tan Sri Dato' Muhammad bin Muhammad Taib: Betul. Itu sebabnya apabila kita tengok sekolah menekan kepada keputusan peperiksaan semata-mata 16A dan diberikan anugerah. Itu belum lagi sebenarnya menampakkan matlamat kita hendak tengok seorang pelajar yang cemerlang. Mungkin dia cemerlang dari segi akademik tetapi dari segi karakter dia belum lagi cemerlang. Itu sebabnya *academic training* semata-mata tidak cukup. Ia mesti bercampur sekali dengan *character training*. Itu juga sebabnya mengapa aktiviti-aktiviti kokurikulum seperti bersilat, *tae kwan do*, persatuan sangat penting tetapi ini nampaknya tidak diberatkan oleh ibu bapa. Ibu bapa berat kepada hendak hantar anak pergi *tuition* hendak dapat 18A, 17A, 16A. Tetapi sama ada dia keluar menjadi manusia yang boleh jadi berguna kepada masyarakat belum diberi perhatian.

Itu sebabnya saya anggap bahawa apa perbelanjaan yang dibuat oleh kerajaan. Keputusan kerajaan memperuntukkan RM112.9 bilion daripada Belanjawan 2007 untuk perbelanjaan mengurus, berbanding dengan hanya RM46.5 bilion untuk pembangunan adalah bukti bahawa khidmat masyarakat kini menjadi agenda utama pihak kerajaan. Arahan Yang Amat Berhormat supaya setiap pegawai kerajaan cepat menyelesaikan masalah rakyat serta langkah mewujudkan

sistem *report card* wakil rakyat juga petanda bahawa Kerajaan Malaysia pada hari ini lebih *service oriented*.

Sehubungan itu, mungkin wajar langkah menyediakan pasaran guna tenaga yang berpengetahuan atau dengan izin, *knowledge-based workers* digerakkan sebagai *extension* kepada kewujudan sebagai *skilled workers* dan *semi-skilled workers* yang sudah pun ada di pasaran sekarang. Penyediaan golongan *k-workers* atau *knowledge workers* boleh memperkasa serta mempercepatkan penyelesaian masalah di peringkat akar umbi menerusi sistem latihan dan program khusus untuk mengetahui masalah yang dihadapi oleh rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, langkah kerajaan mengkomersialkan sektor pertanian dengan tumpuan kepada penggunaan teknologi moden dan memperbaiki rantaian.....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat masa cukup. Yang Berhormat boleh teruskan mengenai sektor pertanian selepas Dewan bersidang semula pukul 2.30 petang. Jadi Ahli-ahli Yang Berhormat mesyuarat ditangguhkan sekarang. Dewan bersidang semula pada pukul 2.30 petang.

Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 petang.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Timbalan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat***]

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Tan Sri Dato' Muhammad bin Muhammad Taib untuk menyambung ucapan.

2.31 ptg.

Tan Sri Dato' Muhammad bin Muhammad Taib: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Langkah kerajaan mengkomersialkan sektor pertanian dengan tumpuan pada penggunaan teknologi moden dan memperbaiki rantaian bekalan selain mewujudkan usahawan tani adalah sesuatu yang dapat memperkukuhkan kemajuan negara.

Keputusan kerajaan menyediakan peruntukan sebanyak RM3.6 bilion untuk sektor pertanian meningkatkan produktiviti dan kecekapan pengeluaran hasil pertanian selain menambah keupayaan pemasaran akan membolehkan petani Malaysia menjejaki petani-petani yang berjaya menggunakan konsep moden seperti di negara Jepun, Belanda, Negara Kesatuan Eropah dan lain-lain.

Kewujudan skim kredit pertanian bukan makanan dengan peruntukkan permulaan sebanyak RM20 juta bagi menggalakkan petani menceburi bidang pertanian bukan makanan seperti bunga-bunga dan kraf, sudah tentu akan melahirkan usahawan tani yang dapat menerokai pasaran bunga tempatan yang dianggarkan menelan belanja berjuta-juta ringgit.

Di samping itu Tuan Yang di-Pertua, sumbangan golongan pekebun kecil getah dan kelapa sawit kepada negara tidak dapat dinafikan kepentingannya. Malahan golongan pekebun kecil adalah penyumbang utama kepada ekonomi negara. Lebih 94% atau 805,150 metrik tan daripada 854,210 metrik tan getah yang dihasilkan di Malaysia adalah disumbangkan oleh sektor pekebun

kecil. Langkah kerajaan untuk menyediakan peruntukkan bernilai RM1 bilion di bawah Rancangan Malaysia Ke-9 untuk memajukan taraf hidup pekebun kecil membuktikan golongan ini sentiasa dekat pada hati kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Untuk tahun 2007 sahaja sebanyak RM270 juta akan dibelanjakan oleh RISDA bertujuan untuk meningkatkan taraf hidup pekebun kecil termasuk membasmi kemiskinan tegar. Selaku pengerusi RISDA, kita berasa bangga di atas peningkatan dari segi belanjawan yang dibuat oleh kerajaan kepada RISDA. Berikutan pelbagai dasar yang diperkenalkan oleh kerajaan, bilangan pekebun kecil yang tergolong dalam kelompok miskin tegar sudah dapat dikurangkan kepada hanya 1,455 orang manakala yang tergolong dalam kumpulan miskin kepada hanya seramai 7,819 orang. Tahun 2007 ini saya yakin bilangan kelompok pekebun kecil miskin dapat dikurangkan lagi dengan menggunakan peruntukkan RM8.75 juta yang akan disalurkan menerusi pelbagai projek aktiviti ekonomi tambahan, tambah pendapatan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, keharmonian, kehidupan yang dinikmati di Malaysia pada hari ini wajar dipupuk secara berhati-hati supaya ia dapat terus dinikmati oleh generasi akan datang. Semangat kerjasama dan saling percaya mempercayai antara kaum perlu terus diwujudkan kerana Malaysia kini adalah segelintir negara yang menjadi rujukan dunia untuk mengetahui resipi kejayaan mengamalkan kehidupan harmoni masyarakat berbilang kaum dengan ekuiti kekayaan negara dikongsi bersama. Kejayaan usaha-usaha memupuk perpaduan yang dilaksanakan oleh pemimpin kerajaan bermula dari zaman Almarhum Tunku Abdul Rahman Putera Al-Haj, Perdana Menteri Malaysia yang pertama sehinggalah kepada Yang Amat Berhormat Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi Perdana Menteri kita hari ini adalah disebabkan oleh hasil gigih semua kaum berusaha memelihara perpaduan yang wujud.

Kita gembira semua kaum cuba sedaya upaya untuk memperkasa perpaduan walaupun mungkin wujud satu dua insiden yang mungkin menyebabkan perasaan sedikit tercalar, tapi ia tidak sampai meninggalkan luka yang parah atau menjadi barah. Kita berasa syukur kerana semua kaum walaupun dalam keghairahan memperjuangkan keperluan masing-masing masih mampu duduk semeja dan sama-sama berbincang mengenai kepentingan negara di bawah naungan Jalur Gemilang.

Marilah kita sama-sama berusaha memelihara dan mengekalkan keharmonian kaum yang sudah sekian lama kita pupuk supaya ia tidak menjadi luka yang bernanah, supaya ia tidak menjadi bara yang boleh memercikkan api, angin yang boleh bertukar menjadi taufan ganas ataupun air sungai yang bertukar menjadi ombak besar. Seperti kata pepatah, jangan kita terlalu menumpu pada batu-batu kecil sehingga kita terlepas pandang akan gunung yang besar yang menjadi matlamat.

Tuan Yang di-Pertua saya memohon menyokong Rang Undang-undang Perbekalan 2007. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Datuk Dayang Mahani.
2.38 ptg.

Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Ahmad Raffae: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan saya ruang dan peluang untuk sama-sama membahaskan Akta Bekalan 2007 di Dewan yang mulia ini. Kesempatan ini juga saya ingin merakamkan ucapan tahniah kepada Yang Berhormat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang merangkap Menteri Kewangan yang telah berjaya membentangkan satu belanjawan yang begitu prihatin dan juga mampu untuk mengimbangi di antara tanggungjawab untuk membangun negara dan tanggungjawab sosial negara.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang ini memperuntukkan bagi mengeluarkan wang daripada kumpulan wang yang disatukan sebanyak RM91,255,189,000.00. Sebanyak 62 perkara termasuk kementerian, badan-badan berkanun, jabatan-jabatan dan suruhanjaya terlibat mendapat peruntukan ini. Peruntukkan ini bertambah sebanyak 12% kalau dibandingkan dengan peruntukkan untuk tahun 2006 yang memperuntukkan sebanyak RM 81,120,057,130.00 dan daripada jumlah peruntukkan jumlah Belanjawan 2007, didapati bahawa Kementerian Pelajaran, Kementerian Kesihatan, Kementerian Pengajian Tinggi, Kementerian Pertahanan, Kementerian Keselamatan Dalam Negeri, Kementerian Pertanian dan Asas Tani, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Kementerian Kerja Raya dan Kementerian Penerangan, masing-masing menerima lebih daripada RM1 bilion.

Tuan Yang di-Pertua, peningkatan dalam peruntukkan dan kadar pembahagian peruntukkan ini sememangnya amat bertepatan sekali, ia selaras dengan *priority* Bajet 2007 dan Rancangan Malaysia Kesembilan. Izinkan saya menyentuh beberapa sektor yang menarik perhatian iaitu sektor pertanian, pendidikan, kesihatan, usahawan dan bidang keselamatan.

Tuan Yang di-Pertua, sektor pertanian adalah sektor keutamaan kita dan ini dapat kita lihat daripada pembentangan belanjawan ataupun Bajet 2007 oleh Yang Amat Berhormat Datuk Seri Perdana Menteri dalam pembentangan tersebut. Pembangunan sektor ini yang dinyatakan dalam teras pertama, yang antara lainnya cuba meningkatkan produktiviti dan kecekapan pengeluaran hasil-hasil pertanian di samping menambah keupayaan dan pemasaran. Malangnya walaupun negara kita sedang beralih kepada industri yang berasaskan teknologi, namun pembangunan pertanian perlu dipertingkatkan lagi. Sehingga kini kita masih lagi mengimport makanan daripada luar negara bagi menampung keperluan negara kita pada hal kita mempunyai tanah yang luas dan berpotensi dikomersialkan untuk kegiatan pertanian.

Walau bagaimanapun, kita dapati bahawa terdapat banyak kawasan terbiar tanpa diurus. Salah satu faktor yang menyumbang kepada masalah ini ialah kekurangan modal dan kepakaran dalam mengenal pasti jenis tanaman yang sesuai. Oleh itu peranan kita amat besar dalam

membantu mereka dan menyediakan sumber modal yang mencukupi serta khidmat nasihat yang berterusan bagi mencapai import sifar hasil-hasil pertanian.

Tuan Yang di-Pertua, tumpuan kepada kegiatan bioteknologi sebagai salah satu sumber pertumbuhan baru, bioteknologi di negara kita pada hemat saya mempunyai kaitan langsung dengan sektor pertanian kita termasuklah penternakan dan perikanan. seperti mana yang diutarakan dalam Bajet 2007. Malaysia amat berpotensi menerajui industri halal di peringkat global apatah lagi *Malaysia International Halal Show Case* ataupun MIHAS serta *World Halal Forum 2006* yang mendapat sambutan yang begitu memuaskan.

Maka dengan adanya jalinan sektor pertanian, bioteknologi dan industri makanan yang berkonsepkan makanan halal, secara tidak langsung mampu untuk memantapkan ekonomi negara dan meningkatkan kadar mampu diri khususnya dari pergantungan kepada import makanan. Dengan adanya tanah yang luas, sejarah dan prestasi pertanian yang memberangsangkan, ditambah dengan tekanan dan tindakan yang konsisten daripada kerajaan tidak mustahil Malaysia boleh menjadi sebuah negara pengeluar pertanian yang disegani bukan sahaja untuk sektor pertanian komoditi malah juga untuk sektor pertanian makanan.

Oleh yang demikian, untuk melicinkan lagi jentera pentadbiran Kementerian Pertanian, perbelanjaan mengurus yang mencukupi amat perlu demi mengelakkan sebarang penangguhan, kelambatan ataupun masalah-masalah yang melibatkan kewangan. Dengan adanya peruntukkan ini, saluran yang terus khasnya kepada para petani, penternak dan nelayan yang miskin hendaklah diberi keutamaan agar kemiskinan sifar juga dapat dicapai.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran dan Kementerian Pendidikan Tinggi adalah dua kementerian yang mendapat peruntukkan bekalan yang tertinggi iaitu masing-masing antara RM19 bilion dan RM6 bilion dalam Bajet 2007. Sektor pendidikan mendapat keutamaan kita melalui teras kedua yang bermatlamatkan meningkatkan keupayaan pengetahuan dan inovasi negara serta memupuk minda kelas pertama. Sememangnya pembangunan sektor pendidikan ataupun modal insan ini juga menjadi keutamaan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan dan modal insan ini menjadi prasyarat negara untuk memacu pertumbuhan ekonomi bernilai tinggi yang berpaksikan pengetahuan dan teknologi.

Bertambahnya bilangan pelajar yang mencecah lebih 5 juta dari segi *enrollment* di sekolah rendah dan menengah, di samping pembinaan lebih banyak sekolah rendah, menengah, berasrama penuh, Maktab Rendah Sains Mara, amat memerlukan kecekapan, pengurusan yang baik, bermutu dan lancar. Apatah lagi pada masa sekarang pendidikan telah memberi penekanan khusus dalam bidang sains dan teknologi sejajar dengan pendirian kerajaan dan keperluan masa kini. Semua ini amat memerlukan komitmen yang tinggi.

Oleh itu, perbelanjaan mengurus untuk kementerian adalah juga tinggi untuk memastikan jentera pendidikan mencapai matlamat. Walau bagaimanapun, perlu diingatkan masih wujud guru-

guru yang tidak menghadirkan diri di bilik-bilik darjah, terutamanya di kawasan terpencil di luar bandar yang sukar untuk dipantau. Alangkah sedih dan kecewanya murid-murid yang terpencil yang terpaksa bangun pukul empat pagi, yang berjalan kaki berbatu-batu jauhnya, apabila sampai di sekolah mendapati guru tidak datang kelas.

Akibat daripada perangai guru yang tidak dedikasi seperti ini, boleh melunturkan semangat dan minat murid untuk terus bersekolah dan niat kerajaan untuk melepaskan mereka daripada belunggu kemiskinan, tidak mungkin tercapai. Oleh yang demikian, perkara ini haruslah diambil tindakan segera. Keputusan kerajaan untuk memansuhkan yuran peperiksaan UPSR, PMR, SPM dan STPM yang berjumlah RM71 juta adalah satu keputusan yang bijak. Saya yakin keputusan ini akan menggembirakan dan meringankan beban berfikir murid dan ibu bapa yang kurang bernasib baik. Mudah-mudahan keputusan ini mampu membawa impak yang positif dalam usaha kerajaan untuk meningkatkan diri anak bangsa kita.

Pendidikan adalah aset utama yang mampu membangunkan negara. Tidak pernah kita dengar kisah yang menceritakan tentang kewujudan atau pembentukan sesuatu tamadun manusia yang jahil dan tidak berpendidikan mampu maju. Jika kita mengkaji sejarah kewujudan tamadun adalah hasil daripada pemikiran yang tinggi di kalangan para pemerintahnya. Namun, apa yang pasti rakyat jelata yang tidak berpendidikan, terus ketinggalan dan hanya layak menjadi hamba abdi kepada pemerintah yang berpendidikan. Oleh itu, melalui akta ini, peruntukan kepada Kementerian Pelajaran adalah terbanyak, iaitu RM19 bilion. Ini membuktikan keprihatinan kerajaan terhadap pendidikan anak bangsa kita.

Dalam begitu banyak perkara yang penting, dalam bidang pendidikan, saya berharap agar kementerian tidak lupa memberi penekanan kepada celik huruf dan peningkatan sistem sedia ada, seperti 3M iaitu membaca, mengira dan menulis. Keciciran di kalangan anak-anak, khususnya di luar bandar, terutamanya di Sabah, hendaklah ditangani dengan lebih menyeluruh agar mereka tidak ketinggalan dalam mengharungi arus pembangunan yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, dengan lain perkataan sesungguhnya modal insan atau pendidikan ini merupakan pelaburan negara untuk masa hadapan dan selain daripada pembangunannya, jentera yang mengerakkan, iaitu jabatan dan kementerian berkaitan perlu mendapat keutamaan agar misi nasional itu dapat berjalan dengan lancar.

Tuan Yang di-Pertua, pembangunan keusahawanan, khususnya untuk golongan bumiputera juga adalah usaha yang berterusan oleh kerajaan. Oleh yang demikian, peruntukan perbekalan yang diminta oleh Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi adalah satu lagi ikhtiar kerajaan untuk meneruskan misi untuk memperbanyakkan golongan bumiputera menceburi bidang keusahawanan dan perniagaan.

Dari aspek pembangunan keusahawanan ini, banyak peluang dan galakan telah dibuat dalam bentuk geran, pinjaman, skim dan lain-lain. Malah pelbagai agensi telah ditubuhkan untuk

mempertingkatkan lagi pelaksanaan program-program yang telah diwujudkan seperti PUNB, TEKUN, MARA, SMIDEC, AIM, antara agensi sedia ada yang sudah menjadi sinonim kepada pembangunan keusahawanan. Malah melalui pembangunan keusahawanan ini juga kerajaan mampu mengurangkan kadar graduan-graduan yang menganggur melalui pelbagai skim dan program yang dijalankan, khususnya dalam bidang-bidang terpilih seperti ICT dan peruncitan.

Dengan lain perkataan, melalui pembangunan keusahawanan, untuk para graduan yang menganggur diharap dapat meningkatkan kadar dan semangat berdikari mereka, seterusnya mengurangkan ke bergantungan mereka kepada pekerjaan di sektor awam. Sebaliknya cuba mencipta kejayaan di bidang pertanian, perniagaan, yang sebenarnya masih.....

Tuan Ismail Kasim: Mohon laluan, Yang Berhormat.

Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Ahmad Raffae: Sila.

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat Tuan Ismail Kasim.

Tuan Ismail Kasim: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Hajah Dayang Mahani atas laluan yang diberikan kepada saya. Saya cuma inginkan penjelasan daripada Yang Berhormat berhubung dengan cara untuk kita memperbanyakkan usahawan, terutamanya di kalangan siswazah yang kita anggap ini di antara cara ataupun kaedah terbaik bagi memberi peluang kepada mereka mendapat pekerjaan ataupun penghidupan yang lebih sempurna.

Pada pandangan Yang Berhormat, melalui program dan juga rancangan yang dibuat ke atas siswa, menerusi Latihan Keusahawanan Siswa atau LKS, yang terlibat kepada para pelajar mulai tahun satu, kalau tidak silap saya, telah diperkenalkan oleh banyak IPTA di negara kita ini. Dan, sekarang ini dijangka hingga akhir tahun ini 700 mahasiswa yang mempunyai pengalaman di bidang berkenaan.

Jadi, apakah pada pandangan Yang Berhormat, Latihan Keusahawanan Siswa ini mencukupi bagi diri mereka untuk berhadapan dengan alam sebenar? Sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum, dunia perniagaan ini adalah dunia yang penuh dengan risiko, yang memerlukan lagi keupayaan dan ketahanan yang membolehkan mereka menghadapi semua keadaan-keadaan ini. Apa pandangan Yang Berhormat berhubung dengan perkara ini?

Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Ahmad Raffae: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat yang mengutarakan soalan ini. Sebenarnya memang banyak sudah usaha yang telah dibuat oleh kerajaan dan kita tidak menafikan usaha-usaha ini membawa kesan yang positif. Tetapi kita juga jangan lupa, setiap tahun kita mempunyai graduan-graduan yang bertambah. Kita baru sahaja mendengar dalam sesi soal jawab. Antara soalan yang telah diutarakan, yang ada kaitannya dengan siswazah dan jumlah graduan yang menganggur, di dapati masih ada 31,000 siswazah yang tidak mempunyai pekerjaan. Ertinya masih menganggur dan ini setakat ini.

Hujung tahun lagi, jumlah ini akan bertambah apabila penuntut-penuntut kita meninggalkan IPTA dan universiti. Kita tidak hairan bahawa jumlah ini akan bertambah. Tetapi seperti mana juga kita sedia maklum, sebelum ini kurikulum kita berbeza, lebih menumpukan kepada *exam orientate*, umpamanya. Kita sedar bahawa *exam orientate*, ataupun apa yang mereka pelajari di dalam pengkhususan yang ada di institusi-institusi ini, tidak mencukupi dengan keperluan ataupun permintaan di luar yang memerlukan lebih daripada apa yang diajar di sekolah.

Maka barulah kita merasa, orang kata barulah kita sedar bahawasanya, rupa-rupanya apa yang kita ajar, atau kurikulum yang ada di IPTA ini tidak mencukupi dan kita perlu memberi penekanan yang khusus untuk menyediakan diri mereka berhadapan dengan keperluan semasa di luar sana. Jadi, saya sebenarnya tidak menafikan usaha yang dibuat oleh kerajaan begitu berkesan tetapi saya rasa masih banyak lagi ruang yang boleh kita lakukan ataupun latihan-latihan sebelum mereka melepaskan, meninggalkan menara gading. Itu yang penting.

Jangan apabila mereka sudah melepaskan menara gading ataupun tidak lagi menjadi penuntut di IPTA ataupun IPTS ini, maka barulah kita hendak melatih dan panggil mereka. Tetapi sepatutnya kurikulum itu digubal yang membolehkan mereka mempunyai *certain amount*, dengan izin, *of practical*, sebelum mereka keluar daripada universiti-universiti supaya memudahkan mereka untuk mengisi keperluan-keperluan pasaran. Selain daripada itu, kita bukan sahaja mengharapkan supaya mereka ini bergantung harap kepada kerja-kerja yang mampu mereka dapati dalam kerajaan ataupun di pihak pentadbiran awam.

Tetapi kita mahu supaya pendidikan mereka boleh memberi mereka kemampuan untuk berdikari. Maknanya dengan *the kind of knowledge*, dengan izin, *that they can or they have confidants to stand on their own two feets*. Boleh mula dengan perniagaan sendiri, tidak perlu bergantung harap kepada kerajaan dengan tambahan-tambahan pendidikan yang dijuruskan kepada mereka. Itulah pendapat saya.

Tuan Ismail Kasim: Masalahnya Yang Berhormat di sini, saya amat bersetuju dengan Yang Berhormat, ialah masalah kurikulum. Ini kerana lambakan pengangguran yang berlaku sekarang ini, kita juga berjaya melahirkan mahasiswa ataupun para graduan yang berkelulusan *Bachelor of Marketing*, dengan izin, *Bachelor of Business Studies* ataupun pengajian perniagaan dan sebagainya, tetapi apabila mereka keluar, mereka hanya berpengetahuan ataupun memiliki teori-teori.

Apabila mereka berada di pasaran pekerjaan, ataupun ingin menceburi dalam perniagaan kita lihat mereka seolah-olah tidak tahu di mana mereka harus mulakan. Walaupun peluang yang disediakan oleh kerajaan terlalu banyak. Apa pandangan Yang Berhormat berhubung perkara ini?

Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Ahmad Raffae: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih lagi kepada Yang Berhormat yang menambah soalan sebenarnya. Saya rasa saya sudah jawab dalam hujah-hujah saya. Sebenarnya seperti yang kita sedia maklum, masalah

kurikulum ini adalah punca yang menyebabkan graduan kita kurang *confident*, kurang keyakinan. Ini kerana mereka hanya berdasarkan kepada teori dan bukan kepada praktikal.

Itu sebabnya saya mencadangkan supaya, macam di negara-negara maju mereka *attach*, graduan-graduan ini kepada syarikat-syarikat untuk masa setahun untuk mendapat praktikal, misalnya. Ini boleh meyakinkan diri kepada graduan-graduan sebelum mereka meninggalkan menara gading. Kita jangan lupa ramai di antara anak-anak kita selalu memikirkan bahawasanya bekerja dengan kerajaan adalah pilihan yang terbaik dan mudah. *They have these*, dengan izin, *they have their own mind set, and they want to live in the comfort zone*. Hendak cari mudah sahaja.

Sebab kalau hendak berniaga atau memulakan perniagaan sendiri, maknanya dia kena fikirkan mampu atau tidak, boleh atau tidak, dari mana datang kewangan untuk memulakan perniagaan. Macam mana dia hendak memulakan jalinan. Semua ini menjadi persoalan. Jadi, dia rasa terlalu banyak tekanan untuk dia memulakan. Jadi, kurang keyakinan kerana selama ini mereka hanya memikirkan cara yang paling mudah, kerja dengan kerajaan, buat apa yang diberikan dan hujung bulan terima gaji. Ini sudah menjadi trend.

Jadi, alhamdulillah, saya rasa kerajaan juga telah mula menyedari ini dan jumlah yang begitu banyak graduan-graduan tidak memungkinkan kerajaan untuk menanggung semuanya dan menyediakan pekerjaan kepada mereka.

Kita sedar bahawa kurikulum ini perlu digubal untuk memastikan supaya *school syllabus* kita, ataupun graduan-graduan kita mempunyai keyakinan diri untuk dapat berdikari di atas kaki sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, kita melihat bahawa negara kita memerlukan usahawan-usahawan baru bagi memenuhi keperluan tersebut. Pada tahun 1997, negara kita telah mengalami masalah kemerosotan ekonomi yang teruk dan hampir melumpuhkan ekonomi negara. Kita tidak mahu perkara serupa ini berulang sekali lagi dan kita juga perlu bersedia untuk menghadapi apa juga kemungkinan-kemungkinan yang akan berlaku.

Sehubungan dengan itu, kita bertanggungjawab dalam mewujudkan usahawan dan seterusnya dibantu sehingga mereka mampu bersaing bukan sahaja di peringkat nasional malahan di peringkat global dan melalui Rancangan Malaysia Kesembilan peruntukan sejumlah RM5,914 juta disalurkan kepada Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi bagi memperkembangkan bidang keusahawanan.

Saya ingin bertanya kepada kementerian setakat ini berapa ramai usahawan-usahawan yang menikmati bantuan ini dan apakah halangan yang dapat dikesan yang menghalang ataupun tidak memberi akses kepada usahawan-usahawan yang baru ini untuk mendapat bantuan yang dimaksudkan.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh tentang Kementerian Kesihatan, saya cuma ingin bertanya bilakah blok baru Hospital Queen Elizabeth Kota Kinabalu akan disiapkan kerana

kesesakan yang berlaku di hospital tersebut ditambah pula dengan kerja-kerja pembinaan blok baru ini amat menyulitkan kepada pesakit.

Yang kedua yang ingin saya sentuh di bawah tajuk Kementerian Kesihatan ialah kadangkala kadang kemudaratan membawa kesedaran Tuan Yang di-Pertua. Saya baru-baru ini berkesempatan di rawat di Hospital Besar Kuala Lumpur. Pertama saya ingin merakamkan ucapan tahniah dan terima kasih kepada kebolehan pakar-pakar Hospital Besar Kuala Lumpur.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini saya diberitahu bahawa Hospital Besar Kuala Lumpur mempunyai lebih daripada 25 pakar bedah dalam satu-satu masa dengan izin, *they have 25 surgeon at one time*. Ini adalah suatu jumlah yang membanggakan. Saya juga kagum dengan kerajinan para jururawat dan kecekapan mereka menjalankan tugas yang amat diperlukan.

Seperti mana yang kita semua sedia maklum bahawa Hospital Besar Kuala Lumpur dengan izin, ialah *referential hospital*. Bermakna Hospital Besar Kuala Lumpur ini bukan sahaja menerima pesakit-pesakit daripada sekitar Kuala Lumpur ia juga menerima pesakit-pesakit yang dirujuk kepada hospital tersebut daripada seluruh negara.

Dalam keadaan bangunan lama dengan bentuk yang rendah dan berselerak, saya nampak ia tidak mampu untuk menggunakan ruang yang ada semaksimum mungkin. Saya rasa kalau saya tidak dimasukkan ke hospital ini saya juga tidak dapat meninjau secara dekat keadaan hospital itu.

Setelah berada di sana dan mengalami masalah-masalah hendak cari tempat letak kereta pun suatu masalah besar sebab kita hendak putar dua tiga kali, hendak mencari tempat dan sebagainya. Hendak mencari tempat yang seharusnya kita hendak pergi pun kena masuk laluan *emergency*, maknanya memang tidak cukup tempat untuk pakar-pakar dan laluan yang mudah.

Saya rasa sudah sampai masanya untuk kita mencadangkan supaya kita membina satu bangunan bilangan tingkat dengan izin, *multistory building* untuk membolehkan hospital ini menampung keperluan letak kereta yang mendesak, ruang dan bilik pakar yang diperlukan, menambah jumlah bilik pesakit dan katil yang diperlukan.

Saya ingin mencadangkan kalau boleh supaya bukan sahaja itu tetapi yang mampu untuk menyediakan ruang bilik yang boleh disewa seperti hotel di bahagian ataslah umpamanya dengan harga yang berpatutan kepada keluarga-keluarga pesakit yang datang dari jauh semasa menunggu keluarga mereka menerima rawatan di hospital tersebut.

Saya rasa ini penting. Ini adalah sesuai dengan hasrat kerajaan untuk menarik para pesakit luar untuk menerima rawatan di negara kita. Maknanya bukan sahaja kemudahan ini sesuai di nikmati oleh rakyat jelata di sekitar Kuala Lumpur tetapi yang di *refer* ataupun dirujuk daripada negeri-negeri di seluruh Malaysia tetapi kita akan berbangga, sebab kita jangan lupa saya daripada Sabah dan dahulu kita memang banyak mengutarakan masalah hospital luar bandar tetapi hari ini sungguh pun memang masih banyak lagi tempat yang memerlukannya, tetapi kita tidak boleh

menafikan bahawa sanya ada hospital-hospital luar bandar seperti di Sipitang, Beaufort dan sebagainya yang sudah dibina yang dianggap seolah-olah dia ini bukan hospital.

Saya kadang-kadang terperanjat, eh bangunan apa ini ya? Sebab dia begitu cantik, dia seolah-olah macam *resort* tetapi apabila kita sampai ke ibu kota atau *capital city of Malaysia* iaitu Kuala Lumpur, hospital kita begitu dalam keadaan yang lama yang memerlukan perhatian dan saya rasa memang sudah sampailah masanya untuk kita berfikir. Kalau tidak pun dapat diterima dalam bajet ini barangkali bersesuaianlah untuk saya mengutarakan supaya perkara ini dapat dipertimbangkan.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya ingin menyentuh Kementerian Pertahanan dan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. Dalam kehairahan mencapai pembangunan ekonomi negara, kita tidak boleh leka sehingga boleh mengabaikan soal-soal keselamatan. Kedaulatan negara perlu dipelihara tanpa dicerobohi oleh kuasa-kuasa asing yang boleh melumpuhkan negara keseluruhannya.

Sama ada sedar atau tidak, musuh-musuh kita bukan lagi seperti zaman pemerintahan British atau zaman pemerintahan Jepun iaitu menggunakan senapang dan senjata untuk menakluki sesebuah negara. Dengan teknologi yang canggih dan moden, sebuah negara boleh ditakluki dengan hanya menggunakan hujung jari sahaja. *Just press the button* dengan *nuclear bomb* dan sebagainya, dia boleh menghancurkan sesebuah negara.

Kepada negara yang berkongsi sempadan, negara yang mempunyai rakyat yang mempunyai ratusan juta penduduk tidak pun perlu hendak mengangkat senjata dengan izin, *just cross over*. Apatah lagi kalau mereka disokong oleh sebilangan besar rakyat mereka yang telah masuk ke negara tersebut yang sudah tentunya mengetahui tentang logistik, kelemahan dan kekuatan negara yang bakal akan ditakluki.

Kehadiran begitu banyak pendatang asing tanpa izin telah membawa berbagai-bagai masalah. Ia telah mengganggu keharmonian dan ketenteraman rakyat negara kita terutamanya di Sabah. Kehadiran anak-anak tepi jalan, meminta sedekah dan menjual rokok meningkat. Ramai juga yang terlibat dengan jenayah. Kehadiran mereka di hospital-hospital, di sekolah-sekolah, di tempat-tempat awam memberikan tekanan kepada orang tempatan dan sudah pastinya meningkatkan kos yang berlipat ganda kepada kerajaan dan kepada rakyat yang membayar cukai.

Yang lebih menyedihkan ialah ramai di antara pendatang asing tanpa izin yang mempunyai MyKad sama ada secara pemalsuan ataupun secara sindiket tidak dapat disahkan. Tetapi yang jelas ialah dengan adanya MyKad mereka dengan mudah memohon untuk mendapatkan pasport Malaysia dan seterusnya menikmati status bumiputera dan *native rights* dengan izin hak peribumi untuk mendapat tanah, untuk menggunakan kemudahan-kemudahan yang dikhaskan kepada bumiputera seperti ASN dan sebagainya.

Mereka lebih istimewa, minta maaf kepada rakan-rakan daripada Sarawak, saya rasa orang-orang PATI ataupun orang-orang tanpa izin ini yang mempunyai kad yang dipalsukan lebih istimewa daripada rakyat Malaysia yang datang daripada Semenanjung ataupun yang datang daripada negeri Sarawak kalau berada di Sabah. Kenapa? Kerana mereka tidak perlu untuk memperbaharui pas kerja dengan izin, *Work Permit, they don't have to renew* dan mereka bebas seperti supaya biasa di Malaysia, seperti rakyat Malaysia yang asal di tanah yang bertuah ini. Begitulah kehadiran mereka di Sabah.

Kalaulah kita anggap negara kita sebagai satu keluarga, maka pendatang asing tanpa izin adalah penceroboh kepada keluarga kita. Pendatang asing tanpa izin yang memalsukan dokumen hidup segar dalam keluarga kita tanpa kita sedari dan saya rasa tidak begitu susah untuk kita memahami bahawa kehadiran pendatang asing tanpa izin dalam keluarga dan masyarakat kita bukan sahaja membawa masalah sosial tetapi memungkinkan wujudnya masalah keselamatan negara dengan izin, *national security* yang akan menggugat kedaulatan negara kita suatu hari nanti dan dengan izin, *attract to our nations sovereignty*.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Mohon laluan Yang Berhormat. Yang Berhormat, saya sebenarnya juga prihatin terhadap isu ini sebab isu mencuri identiti ini khususnya oleh warganegara asing ataupun pendatang asing tanpa izin ini semakin menjadi-jadi.

Baru-baru ini kita dengar kes mereka kahwin dengan orang tempatan, dia boleh keluar pula duit KWSP. Bila dia meninggal baru kes ini terbongkar. Ini saya hairan maksudnya bagaimana kejadian memalsukan MyKad dan sebagainya ini seolah-olah tidak dapat dikawal oleh pihak kerajaan. Saya pun hairan kementerian buat apa sebenarnya dan saya bersetuju dengan Yang Berhormat ini membabitkan soal keselamatan negara. Saya bimbang nanti akhirnya ada daripada mereka ini mohon jadi masuk polis, jadi inspektor, jadi ASP dan sebagainya dan boleh jadi majer, kolonel dan sebagainya.

Kalau dia boleh buat sampai duit KWSP pun dia boleh keluar sampai dia meninggal pun baru orang tahu. Sampai bapa dia sendiri peruntukan tidak tahu bahawa anak dia ini kahwin dengan orang tempatan dan boleh memalsukan identiti. Mencuri identiti ini saya rasa satu isu yang harus diberikan perhatian. Cuma saya hendak tanya Yang Berhormat apakah ini berpunca bahawa kita ini masih lemah dari segi memperkenalkan sistem yang berkualiti tinggi sebenarnya dalam mengeluarkan MyKad ataupun ada pegawai-pegawai kita sendiri yang terlibat dalam sindiket ini.

Datuk Hajjah Dayang Mahani binti Tun Pg. Haji Ahmad Raffae: Terima kasih Yang Berhormat. Saya amat setuju dengan pandangan Yang Berhormat dan kerisauan Yang Berhormat terhadap perkara ini. Itu sebabnya kadang-kadang saya rasa bukan saya sahajalah di Dewan Rakyat pun apatah lagi barangkali di antara rakan-rakan sebelum saya pun yang telah menyuarkan masalah pendatang asing tanpa izin di Sabah ini dan mungkin kadang-kadang sama

ada kementerian ataupun Menteri berasa sensitif seolah-olah kita menuding jari kepada mereka seolah-olah mereka tidak bertanggungjawab.

Tetapi kepada siapa lagi tempat kita merayu. Di mana lagi tempat kita menyuarakan masalah pendatang asing tanpa izin di Sabah. Bukankah rakyat Sabah itu ialah rakyat Malaysia. Masalah yang akan dihadapi oleh rakyat Sabah berhadapan dengan pendatang asing tanpa izin akan akhirnya membawa keruntuhan Malaysia itu sendiri walau pun ia berpunca di Sabah.

Saya memang bersetuju, saya rasa ini ada kaitan dengan pentadbiran, dengan ketegasan dalam menjalankan tugas. Kita juga faham tentang sejarah persekitaran kita, kita berjiran, kita bersaudara sebab susah hendak memisahkan dahulunya Malaysia umpamanya ambil contoh Sabah dengan Sarawak, dahulunya dipunyai *Sultan of Brunei under the domain the Sultan of Brunei*, dengan izin selepas itu pemisahan antara Raja Brook dengan North Borneo, semasa British.

Maknanya tidak boleh juga kita nafikan persaudaraan di antara orang-orang Brunei dengan orang-orang di Sabah dan begitu juga di antara Sulu dengan Sabah begitu juga Kalimantan. Apatah lagi Kalimantan yang boleh kita berjalan kaki sahaja, memang tidak ada garis yang jelas yang menunjukkan sempadan tetapi apabila kita sudah menjadi satu negara yang berdaulat dan kita telah mewujudkan sempadan maka penjagaan sempadan itu amatlah penting dan tidak boleh kita nafikan masalah yang kita hadapi ialah rasuah di peringkat sempadan ini.

Kalaulah kita tidak mengambil tindakan keras kepada petugas-petugas dan petugas tidak boleh diletakkan begitu lama sehingga dia merasakan *this is my passport. To be rich*, dengan izin, RM50, RM50 setiap kali orang masuk, darab berapa ratus ribu orang yang masuk, ini adalah *jackpot* untuk saya. Begitu juga di peringkat *check-point*. Begitu juga kelemahan-kelemahan ketua-ketua kampung, Pengerusi JKKK yang memikirkan dengan mengesahkan mereka sebagai anak angkat dan macam-macam kelemahan yang berlaku di peringkat pentadbiran.

Kita tidak haruslah hendak unguhit di sini tetapi hanya sekadar memberi gambaran. Masalah ini bukan kita hadapi hari ini. Orang kata ini cuma bunga-bunga sahaja tetapi kalau dibiarkan, maka ia akan menjadi satu penyakit kanser yang tidak ada cara untuk memusnahkannya. Bukan sahaja ia akan meng *apply* apabila dia membuat MyKad hendak bekerja sebagai polis dan sebagainya. Dia sekarang menjadi ahli dalam parti-parti politik kita. Dia akan duduk sebagai pemerintah. Saya tidak nafikan kalau ini mungkin berlaku dan sudah pun berlaku dan sejauh mana yang seharusnya kita bersedia.

Oleh sebab itu, Tuan Yang di-Pertua, saya rasa terpanggil untuk bangun bertanya soalan tambahan dalam sesi soal jawab berkaitan dengan isu pendatang tanpa izin di Sabah. Saya merasa kesal dengan jawapan Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang mengatakan saya tidak perlu mendengar mana-mana kenyataan walaupun di perakui oleh

Jawatankuasa Keselamatan Negeri yang dipengerusikan Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sabah, yang mana saya yakin....

Tuan Lee Chee Keong: Minta laluan, Yang Berhormat. Di sini, di depan sini... *[Ketawa]* Menyentuh tentang pendatang haram dengan MyKad ini, saya ingin mengambil kesempatan ini berkongsi satu pengalaman. Sebelum saya dilantik menjadi Senator saya didatangi oleh satu kumpulan orang yang kata mereka, "Saya orang politik. Saya mewakili menteri sekian, sekian. Tolong carikan pendatang haram. Saya boleh bagi MyKad dengan dua syarat. Satu bayar RM5,000 dan kedua semasa pilihan raya umum, pergi undi. Saya mahu tengok awak undi dulu baru saya bagi MyKad".

Saya tidak tahu benar atau tidak cerita macam ini. Pernah kah Yang Berhormat dengar cerita semacam ini, ada sindiket yang sanggup mengikut mereka, memberi MyKad kepada pendatang-pendatang haram? Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, selepas Yang Berhormat menjawab soalan Yang Berhormat Tuan Lee Chee Keong tadi, sekejap nanti Yang Berhormat bolehlah membuat kesimpulan.

Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Ahmad Raffae: Ya, insya-Allah. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat yang berkongsi pandangan. Mendengar saya pernah tetapi bukanlah untuk mengundi atau apa, tetapi yang menjanjikan, "Bagi saya seribu atau tiga ribu, tuan akan dapat MyKad". Dulu 'IC bunga raya' dan sebelum itu lebih mudah lagi.

Jadi, masalahnya apabila dia boleh dapat 'IC bunga raya' senanglah untuk dia hendak mempertingkatkan IC itu kepada IC yang baru. Kalau kita lemah daripada peringkat awal, maka dia akan kekal menjadi rakyat Malaysia tanpa kita sendiri. Ini masalahnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya tadi baru membincangkan tentang Jawatankuasa Keselamatan Negeri Sabah yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sabah. Saya merasa kesal sebab apabila kita menyebut tentang Jawatankuasa Keselamatan di peringkat negeri, biasanya ia dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri di negeri-negeri. Saya juga yakin bahawa yang duduk dalam jawatankuasa itu ialah pihak polis yang menjadi ahli jawatankuasanya dan biasanya pihak imigresen juga.

Itulah sebabnya saya bertanya kenapa begitu berbeza jumlahnya kerana Yang Berhormat Menteri pernah menyatakan bahawa ada di antara 100 hingga 150,000 pendatang tanpa izin di Sabah sedangkan Jawatankuasa Keselamatan Negeri Sabah memperakui ada 500,000. Jadi, jika sekiranya data itu didapati daripada sumber yang sama, maknanya dari pihak polis atau imigresen dan mereka ini duduk di dalam jawatankuasa kenapa timbulnya jumlah yang begitu berbeza?

Jadi, saya rasa tidak perlulah kita memperkecilkan kenyataan yang diperakui oleh Jawatankuasa Keselamatan Negeri Sabah. Tidak payahlah kata, "Ah, tak payah dengar", yang

penting ialah perkara ini yang tidak boleh kita nafikan ialah kewujudan warganegara pendatang tanpa izin yang begitu besar dan berdasarkan kepada statistik - kali ini saya minta statistik yang bertulis, maklumat daripada Pasukan Khas Persekutuan Bahagian Keselamatan Negara jumlah PTI yang ditangkap sejak tahun 1990 hingga 2006 ialah sebanyak 330,132 orang dan ini adalah satu jumlah yang begitu menggerunkan. Kita tidak tahu berapa jumlah sebenarnya yang belum dikesan kerana Yang Berhormat Menteri kata 100 hingga 150,000 dan belum lagi hendak cerita mereka sudah kahwin membiak, beranak, bercucu dan bercicit. Itu belum lagi diceritakan. Keselamatan Dalam Negeri mengatakan ada 500,000 yang kita bercanggah sehingga kenyataan yang saya rasa tidak perlu dikeluarkan.

Masalahnya ialah kita seharusnya mengambil perhatian dan perlu ditangani dengan cara sistematik, bersungguh-sungguh, bijaksana, berkesan dan rasuah seperti mana yang saya perkatakan di mana peringkat itulah, terutama di peringkat *check point* dan di perbatasan itu harus ditangani dengan tegas. Kalau tidak usaha-usaha murni kerajaan akan menjadi sia-sia.

Saya tidaklah berhajat untuk hendak provokasi tetapi saya merasa tersinggung seolah-olah kepimpinan di negeri Sabah itu tidak perlu diambil perhatian sedangkan itu pun pemimpin Barisan Nasional. Mereka juga mendapat maklumat daripada sumber yang sama.

Oleh yang demikian, dengan rendah hati saya mohon agar Kerajaan Persekutuan mencari jalan yang lebih berkesan untuk menangani dan menghalang kemasukan pendatang tanpa izin dengan seberapa segera yang boleh.

Dengan kata-kata yang sedemikian, sebelum saya menyokong, sekali lagi saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan selamat menyambut Hari Natal - *Merry Christmas* kepada rakan-rakan yang beragama Kristian dan juga rakyat yang beragama Kristian di negara kita dan selamat tahun baru iaitu tahun 2007. Insya-Allah kita akan berjumpa lagi dan banyak lagi akta-akta yang akan dibentangkan tetapi saya takut nanti saya terlupa hendak mengucapkan *Merry Christmas* dan *happy new year*, dengan izin, dan dengan kata-kata yang sedemikian saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat. Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani.

3.23 ptg.

Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani: *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim.* Terima kasih diucapkan kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang untuk saya bercakap. Percakapan ini mungkin yang terakhir saya sebagai Senator. Di masa akan datang mudah-mudahan kita berjumpa lagi di lain tempat.

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana menyusun satu pakej yang meliputi beberapa strategi penting dalam Bajet 2007 dan membuktikan bahawa kerajaan amat komited sebenarnya

untuk mengimbangi pertumbuhan ekonomi menerusi pengurusan perbelanjaan negara yang mesra rakyat.

Saya berharap Bajet 2007 selaku Misi Nasional yang awal di dalam perancangan Rancangan Malaysia Kesembilan dapat berjalan seperti mana yang dirancang terutama dalam keadaan ekonomi yang baik, politik yang stabil pemerintah yang cukup cemerlang di negara ini. Saya juga menjunjung kasih kepada Yang di-Pertuan Agong yang ke-12 Penaung Persatuan Bekas Tentera Malaysia, Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Fauziah Tengku Abdul Rashid yang mengakhiri pemerintahannya hari ini. Sesungguhnya Malaysia telah menikmati keamanan, kemakmuran dan kemajuan di sepanjang tempoh pemerintahan lima tahun Tuanku Syed Sirajuddin.

Seri Paduka Baginda akan diingati oleh rakyat sebagai Yang di-Pertuan Agong yang mesra dan disegani rakyat. Kita percaya rakyat menyayangi Seri Paduka yang ternyata berjaya menyempurnakan tempoh pemerintahan sebagai Yang di-Pertuan Agong yang ke-12 dengan tersusun dan serentak itu mengukuhkan lagi sistem Raja Berperlembagaan yang unik di Malaysia.

Penyempurnaan pemerintahan Seri Paduka selama lima tahun diliputi segala upacara yang terjadi tradisi turun temurun pastinya menjadi tunggak kepada kestabilan sistem pemerintahan negara. Penerusan sistem ini adalah penting bagi mewujudkan kesinambungan jati diri negara Malaysia yang mempunyai asal usul dan berwaris daripada pemerintahan Kesultanan Melayu pada zaman silam.

Kita bersama-sama rakyat Malaysia lain amat menghargai sistem pemerintahan Raja Berperlembagaan yang unik kerana bukan sahaja ia menyumbang kepada kestabilan dan kemakmuran negara tetapi juga memantapkan jati diri negara....

[Pembesar suara tidak berfungsi dengan baik]

[Y.B Senator Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani beralih tempat]

Tuan Yang di-Pertua, keamanan, kemakmuran dan kesejahteraan hari ini adalah lingkaran sejarah semalam yang penuh dengan ancaman dan dugaan yang mana sebahagiannya terpaksa dilalui oleh warga bekas tentera yang berjuang untuk mempertahankan kedaulatan negara.

Saya ini kena bercakap hal tentera - orang yang tidak dapat bercakap. Percayalah kejayaan ini tidak mudah dicapai. Ia memerlukan pengorbanan yang besar semua peringkat daripada pucuk pimpinan negara sehinggalah kepada barisan perajurit-perajurit yang telah mempertahankan nyawa dan darah dalam menuntut dan mengisi kemerdekaan. Termasuklah tokoh-tokoh pahlawan terbilang seperti Mat Kilau, Datuk Bahaman dan Tok Janggut adalah penentang pemerintahan penjajah.

Begitu juga keberanian pahlawan-pahlawan tanah air yang sentiasa berjuang semasa peperangan dunia kedua, zaman darurat, era konfrontasi, peperangan melawan penganas komunis yang banyak mengorbankan jiwa demi mempertahankan agama, bangsa dan negara.

Walaupun kita merdeka tanpa pertumpahan darah tetapi sebelum dan selepas kemerdekaan ramai tentera kita cacat dan terkorban. Banyak darah mengalir di bumi yang bertuah ini dan ada juga yang cacat sehingga ke hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, setiap tahun dianggarkan seramai 2,500 hingga ke 3,000 anggota tentera meninggalkan perkhidmatan sama ada bersara selepas 22 tahun berkhidmat ataupun berhenti apabila perkhidmatan mencapai 13, 15 atau 18 tahun. Angka-angka yang menamatkan perkhidmatan itu cukup besar meskipun jumlah anggota baru diserapkan masuk kini semakin meningkat iaitu antara 2,000 hingga 4,000 setahun berdasarkan pengambilan dua kali setahun. Bagi anggota tentera yang akan menamatkan perkhidmatan, mereka diwajibkan mengikuti kursus latihan peralihan sebagai persediaan untuk mereka menempuh hidup baru sebagai orang awam setelah sekian lama hidup penuh dengan peraturan di dalam kem, anggota tentera diberi pilihan untuk menjalani latihan peralihan itu sama ada institusi latihan yang disediakan oleh Perbadanan Hal Ehwal Bekas Tentera atau PERHEBAT, di Sungai Buluh Selangor atau agensi kerajaan dan syarikat swasta pilihan anggota itu sendiri.

Di PERHEBAT pelbagai kursus kemahiran disediakan. Antaranya mekanik, kenderaan motor, pengurusan sajian dan catering, fotografi serta juruelektik. Manakala kursus di agensi kerajaan atau swasta pula bergantung pada bidang serta tanggungjawab agensi terbabit, latihan kemahiran seperti itu perlu sebagai bekalan kepada anggota itu untuk mendapat pekerjaan atau menjadi usahawan selepas menamatkan perkhidmatan. Ini kerana umum mengetahui jiwa kebanyakan anggota tentera sudah sebatu tugas mereka. Ini kadangkala membuatkan mereka tidak nampak apa yang bakal berlaku di luar bidang tugas ketenteraan selain jadi jaga sahaja.

Namun persoalannya berapa ramai kah yang memanfaatkan kemahiran yang mereka peroleh itu untuk menjamin masa depan lebih selesa selepas mereka bergelar orang awam. Bukan niat untuk memperkecilkan institusi atau agensi yang mengendalikan kursus peralihan untuk bekas tentera itu, tetapi hakikatnya masih ramai bekas tentera yang gagal menempuh hidup selepas meninggalkan perkhidmatan.

Tuan Yang di-Pertua, saya sendiri melihat ada kegagalan segelintir bekas tentera untuk menjalani hidup lebih selesa selepas meninggalkan perkhidmatan. Tidak kecuali mereka yang berpangkat tinggi seperti Kolonel, Mejar General dan lain-lain.

Jadi saya berharap Kementerian Pertahanan hendaklah mengeluarkan arahan khas bagi mewajibkan bakal-bakal bersara menjalani kursus peralihan di institusi yang dikendalikan oleh PERHEBAT, kerana kerajaan menyediakan institusi PERHEBAT ini untuk melatih bekas-bekas angkatan tentera. Saya melihat institusi latihan yang disediakan PERHEBAT di Sungai Buluh, Selangor ketika ini kurang menarik minat bakal bersara. Apabila dianggarkan hanya kira-kira 30% daripada 3000 bakal pesara tentera menjalani latihan di institusi itu setiap tahun, manakala selebihnya memilih menjalani kursus peralihan di agensi lain atau syarikat swasta. Bagaimana kita

hendak jadikan golongan bekas tentera yang memiliki minda kelas pertama, sedangkan kerajaan memperuntukkan lebih daripada RM26 juta setahun untuk mengendalikan institusi ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita mahu bahawa kerajaan menyediakan institusi yang serba lengkap untuk memberi latihan kepada bakal pesara tentera dengan harapan masa depan mereka lebih terjamin selepas meninggalkan perkhidmatan. Tetapi agak menyedihkan apabila jumlah bakal pesara yang memilih untuk menjalani kursus peralihan di PERHEBAT terlalu sedikit berbanding jumlah yang menamatkan perkhidmatan setiap tahun. Sikap mengambil mudah serta menganggap kursus peralihan tidak penting mungkin antara faktor yang mungkin menyebabkan segelintir bakal pesara tentera memilih tempat lain untuk menjalani latihan itu. Di samping itu, saya nak mencadangkan PERHEBAT supaya menyediakan kursus untuk menaikkan taraf kemahiran seseorang bakal pesara tentera.

Misalnya jika dia, bakal pesara itu bertugas sebagai tukang masak, mereka harus diberi kursus mengurus masakan dan sajian begitu juga dengan seorang anggota yang bertugas sebagai mekanik, mereka patut diberi kursus pengurusan bengkel. Jangan pula masa latihan peralihan dia ambil kursus mekanik, tetapi kemudiannya mereka menamatkan perkhidmatan memberi kerja dan mencari pekerjaan dalam bidang lain seperti jaga dan sebagainya.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Yang Berhormat, mohon laluan Yang Berhormat. Yang Berhormat, saya..bagi laluan ke?

Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani: *Okay, okay.... [Ketawa]*

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Yang Berhormat, saya amat menyokong perjuangan Yang Berhormat sebagai Persatuan Bekas Perajurit yang memperjuangkan kebajikan perajurit kita khususnya tentera yang akan bersara atau pun yang sedang bersara dan sudah banyak menyumbang sebenarnya dalam soal mempertahankan keselamatan dan kedaulatan negara. Dan saya sebenarnya juga amat prihatin sebab kebanyakan mereka ini bila berhenti daripada tentera, kerja yang ada pada mereka ialah jadi jaga dan sebagainya. Dan sudah tentulah apa yang disebut oleh Yang Berhormat itu saya amat menyokong. Sebab kadang-kadang, saya sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, saya dah baca buku Chin Peng, saya dah baca buku Abdullah Sidi dan dua, tiga hari yang lepas alhamdulillah saya dapat cari juga buku Rashid Maidin dan saya dah baca buku Rashid Maidin ini.

Dan ketiga-tiga buku ini menyebut bahawa mereka bukan pengganas, mereka adalah pejuang kemerdekaan dan mereka juga menuntut bahawa mereka juga perlu diberi perhatian dan mereka mengucapkan terima kasih kepada kerajaan Thailand yang menyediakan penempatan kepada mereka. Saya tengok gambar itu semua mereka ada. Ada rumah, ada motosikal, ada tanah yang diberi, surau pun ada. Bahkan Rashid Maidin dalam buku tersebut Tuan Yang di-Pertua, dia sebut bahawa dia dapat pergi haji pun kerana ada seorang bekas menteri yang terlibat dalam soal keselamatan yang bagi dia, taja dia untuk pergi haji. *Okay lah, tak apa.* Tapi soalnya

ialah dan sekarang Chin Peng akan lawan di mahkamah untuk balik ke Malaysia. Dalam keadaan dia masih mengatakan bahawa dia tidak memohon maaf di atas kesalahan yang lama yang antaranya terlibat dalam soal menyerang Henry Gurney.

Dia kata itu bukan satu kesalahan termasuklah pembunuhan bekas Ketua Polis Negara dan sebagainya. Jadi, dalam keadaan yang sama, kita lihat bekas-bekas tentera ini macam terpinggir, terbiar. Mereka yang banyak bertahan. Jadi, saya ingin bertanya pada Yang Berhormat, apakah ini dianggap sebagai pilih kasih atau pun tidak prihatin dan Yang Berhormat setuju ke bahawa Chin Peng ini dibenarkan balik ke negara kita?

Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani: Terima kasih. Kita tahu bahawa semasa dahulu memanglah dia seorang pejuang juga. Apabila sampai masa kita nak mencapai kemerdekaan setelah di runding di Baling dengan Tunku Abdul Rahman, mereka tidak bersama-sama kita. Bererti kita anggap dia adalah komunis. Jadi, memang kita dapat tahu banyak komunis atau bekas komunis diberi keistimewaan, bukan banyaklah, ada yang diberi keistimewaan macam Shamsiah Fakhir dan sebagainya. Ini menunjukkan bahawa dan juga ada yang keluar dari komunis, keluar daripada hutan apabila buat perjanjian letak senjata itu walaupun ideologi komunis tidak dihapuskan dengan meletak senjata. Banyak kemudahan-kemudahan yang diberi oleh pihak kerajaan kepada mereka-mereka ini.

Jadi bagi kita, bekas-bekas tentera memang kerajaan tidaklah memberi keistimewaan seperti yang telah diberikan kepada bekas penganas komunis. Kemungkinan sebab dia tak ramai ke, kita pun tak tahu. Tapi walau bagaimanapun, kerajaan telah memperuntukkan, menubuhkan Jabatan Veteran, PERHEBAT, memberi bantuan kepada bekas-bekas tentera akhir-akhir ini dalam masa empat, lima, enam tahun ini memanglah ada memberi. Tetapi kita, bekas-bekas tentera masih lagi memerlukan untuk mempertingkatkan dan memperkukuhkan ekonomi bekas-bekas tentera yang sihat, yang bertenaga, yang muda dan sebagainya. Jadi kebanyakan yang diberi sekarang ini ialah yang sakit, yang putus kaki, yang lumpuh, yang bermasalah.

Balu-balu, anak-anak yatim. Itu sahaja yang diberi. Anak-anak yatim pun sekarang ini pun bukan anak-anak yatim kerana perang lah. Anak-anak yatim kerana meninggal dunia, putus kaki kerana kencing manis dan sebagainya. Jadi, kita haraplah kepada semua pihak mesti ambil berat, ambil perhatian. Kita tak nak hanya mengharapkan kepada kerajaan sahaja. Jadi rakyat sekalian, Yang Berhormat-Yang Berhormat dan menteri-menteri mesti prihatin dan komited kepada perjuangan bekas tentera kerana tanpa perjuangan mereka, tidak mungkin kita berada seperti hari ini. Dan juga kita, bekas tentera memanglah menentang keras atas kembalinya Chin Peng. Itu hari pun kita telah buat demonstrasi di Pulau Pinang kerana menentang kembalinya Chin Peng ke Malaysia.

Kita akan menentang habis-habisan supaya Chin Peng tidak ada tempat di tanah ini kerana dah menjadi komunis, dah menjadi penderhaka kepada kita kerana lebih kurang dalam 10,000

tentera, polis dan orang awam yang mati dan cedera atas pertempuran atas apa yang terjadi semasa konfrontasi dahulu. Jadi sepatutnya, apabila negara kita merdeka, sama-sama kita membangunkan negara ini. Barulah kita dapat keamanan dan negara kita dapat kemajuan lebih daripada yang ada pada hari ini. Jadi, perlulah kita dalam kursus peralihan lagi, kita perlu kursus peralihan yang memberi manfaat, latihan yang disertai kerana seseorang anggota tentera bersara pada usia yang masih muda. Ia nya ketika awal 40an dan ketika masih cukup bertenaga.

Inilah kita perlu merebut peluang-peluang untuk berjaya. Jadi tentera berhenti, biasanya macam saya dahulu berhenti umur yang masih muda lagi. Lebih kurang dalam 30 atau 32 tahun, kira masih mudalah. Saya berhenti pun pada tahun 1977. Masa itu saya pun tentera pensel sahaja, bukan tentera senjata. Jadi, dengan itu pada masa kini memanglah jawapan Timbalan Menteri tadi dia hendak berhenti, dia anggapkan dia berhenti dia boleh hidup lebih baik. Macam saya dahulu pun saya berkhidmat 12 tahun, saya rasa saya boleh hidup baik. Tapi alhamdulillah lah, Tuhan bagi saya hidup baik sebagai contoh kepada semua, untuk memberi semangat kepada tentera-tentera yang sedang berkhidmat supaya mencari jalan bagaimanakah supaya kita hidup baik.

Jadi, saya sebagai Presiden Persatuan sentiasa mencari jalan supaya bakal-bakal bersara apabila dia tamat perkhidmatan, biarlah dia hidup lebih baik daripada masa tentera supaya satu masa nanti, generasi muda akan menjadikan kerjaya tentera sebagai pilihan utama kerana keamanan dan kemakmuran ini adalah sangat berharga dan sangat mahal harganya. Nyawa dan darah telah dipertaruhkan oleh pasukan tentera dan polis dalam era ancaman komunis. Sesiapa pun tidak boleh menafikan memori ini, sesiapa pun tidak boleh menidakkan catatan sejarah ini. Semua pihak tahu hal ini, semua peringkat masyarakat sedar hakikat ini. Ketika inilah sejarah suka duka terimbas kembali.

Jadi apabila kita kenang kembali semasa darurat dahulu, semasa semua pertempuran...

Tuan Ismail Kasim: Minta laluan Yang Berhormat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani atas laluan yang diberikan kepada saya. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat berhubung dengan nasib bekas tentera dan sedikit menyambung tentang pengiktirafan kepada bekas-bekas komunis. Pada saya Yang Berhormat, adakah kerajaan menyedari bahawa sebelum mereka ini tamat daripada perkhidmatan, satu kursus peralihan yang bukan sahaja melibatkan kemahiran yang bakal digunakan ketika mereka tamat perkhidmatan diberi, tetapi harus kepada pendedahan dan peluang-peluang pekerjaan yang dibuat sama ada oleh PBTM atau pun oleh pihak kementerian sendiri.

Dan saya merasakan seperti mana Yang Berhormat bangkitkan, saya juga turut simpati kerana melihat secara langsung apabila bekas tentera ini, mereka tidak mendapat pekerjaan, mereka menjawat jawatan seperti mana yang sahabat saya Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi bangkitkan sebagai *guard* dan yang lebih teruknya menjadi *bodyguard* ataupun pengawal-pengawal di *nightclub*, penarik-penarik teksi sapu, yang sememangnya tidak wajar taraf mereka yang seperti

mana Yang Berhormat katakan tadi, mereka cukup berjasa. Walaupun kita tidak ada persoalan-persoalan yang melibatkan soal menjaga keselamatan daripada ancaman musuh secara langsung, tetapi tanggungjawab mereka juga untuk mengawal pendatang tanpa izin dan sebagainya masih lagi merupakan tanggungjawab yang cukup berat.

Dan yang kedua saya ingin bertanya pendapat Yang Berhormat berhubung dengan pengiktirafan kepada bekas-bekas pemimpin komunis yang disebutkan oleh sahabat saya. Saya kebetulan berpeluang dua kali melawat dan tidur di rumah Rashid Maidin sebelum Allahyarham menghembuskan nafas yang terakhir. Dan memang saya akui seperti mana Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi katakan, mereka ditempatkan di sebuah tempat yang memang kerajaan Thailand menempatkan mereka di satu penempatan yang sememangnya jauh daripada orang ramai dan sentiasa di kawal 24 jam kawalan.

Dan dibenarkan walaupun dibagi kemudahan atas mungkin elemen-elemen persefahaman yang dijalinkan ketika kita mengadakan perjanjian dengan kerajaan Thailand, tetapi kalau kita melihat secara langsung pandangan peribadi seperti mana Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi katakan tadi, mereka sebenarnya mengiktiraf kemerdekaan negara, cuma dari segi beberapa perkara yang mereka tak setuju sekarang ini adalah soal ISA dan sebagainya. Kononnya dituduh pemimpin ini borjuis, ini tak borjuis. Tetapi, masih ada lagi pandangan komunis dalam diri tiap-tiap mereka walaupun anak-anak kecil. Mereka masih menonton CD latihan ketenteraan mereka. Mereka masih menonton. Saya ada satu salinan yang tidak boleh diedarkanlah sebab ini melibatkan soal keselamatan. Masih menonton, semua anak-anak di tiap-tiap rumah ini ada salinan CD yang menonton ketika mereka mengadakan latihan peperangan, perubatan, *help* dan *survivor* di hutan. Di ajar kepada anak-anak sampai sekarang.

Perkara ini sepatutnya tidak wajarlah. Kita boleh bagi balik mungkin keadaan-keadaan tertentu yang melibatkan keluarga sakit dan sebagainya tetapi untuk membenarkan mereka tinggal terus atas beberapa keadaan yang kita semua tahu dari segi faktor sejarah memang benda ini tidak harus dibenarkan. Apa pandangan Yang Berhormat berhubung perkara ini?

Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani: Terima kasih Yang Berhormat. Kita memanglah dari segi pekerjaan, kursus peralihan, jadi kerajaan telah menyediakan PERHEBAT untuk memberi ilmu pengetahuan kepada bekas-bekas tentera. Tubuh pula Jabatan Hal Ehwal Veteran untuk mencari pekerjaan sebagai *one center* untuk menjaga bekas-bekas tentera. Kadang-kadang dasar kerajaan, mana-mana jabatan pun lebih kurang begitu sahaja sudah betul. Kita yang buat Perlembagaan, undang-undang tetapi pelaksanaan oleh pegawai-pegawai yang dipertanggungjawabkan tidak menjalankan tugas dengan sempurna seolah-olah kadang-kadang bekas tentera datang, seolah-olah seperti mereka meminta sedekah untuk mendapat pekerjaan dan sebagainya.

Jadi kalau semua pihak sedar bahawa keamanan dan kemakmuran ini yang ada pada hari ini hasil perjuangan mereka, tentulah mengambil berat dan mengambil perhatian juga kepada bekas-bekas tentera. Terutama mereka yang berhenti tidak berpencen, yang berhenti 10 tahun, berhenti 13 tahun, 15 tahun dan 18 tahun sangat banyak masalah kerana anak sedang membesar dan anak hendak pergi universiti, banyak masalah yang dihadapi. Sehingga pernah saya melawat satu rumah di Tanah Merah, isteri bekas tentera itu ambil susu bubuk gula. Katakan susu untuk anak, bubuk gula dalam santan kelapa menunjukkan susu.

Itu kalau saya tengok TV1 memang ada keluar dan saya pergi melawat. Menunjukkan tidak ada pendapatan. Anak hendak pergi sekolah pun tidak boleh kerana tidak ada pendapatan. Jadi alhamdulillah dengan perjuangan yang ada dan keprihatinan kerajaan, saya sentiasa mengambil berat dan mengambil perhatian untuk menentukan masalah ini diselesaikan dengan sebaik mungkin. Jadi saya haraplah kepada pihak PERHEBAT dan Jabatan Hal Ehwal Veteran, mengambil berat lagi pegawai-pegawai Kementerian Pertahanan yang dipertanggungjawabkan dan diwajibkan hendaklah turun ke padang. Kata orang, 'gajah turun ke bendang, harimau turun ke bandar'. Barulah melihat bagaimana keadaan yang ada di bendang atau di bandar itu. Jadi inilah cara yang kita kehendaki.

Begitu juga dari segi kemudahan di Thailand oleh pengganas komunis, sebenarnya prasarana, tanah dan semua kerajaan sudah bayar. Kerajaan Malaysia yang sediakan, hanya membayar harga ke Thailand kalau tidak silap saya tetapi hanya Kerajaan Thailand menjaga perjanjian dan menjaga mereka-mereka ini. Jadi itulah kita haraplah kepada semua rakyat Malaysia dan juga kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian, saya pun akan tamat pada 12 Januari, tidak lama sudah. Saya haraplah supaya cuba banyak sedikit bangkitkan hal-hal Kementerian Pertahanan. Saya lihat tidak ada Kementerian Pertahanan dan asyik pendidikan, pendidikan. Kalau kita tidak aman damai, macam mana kita hendak duduk seperti hari ini? Kena banyakkkan sedikit Kementerian Pertahanan.

Ini saya bercakap seorang kadang-kadang saya pun terasa juga aku bercakap perkara yang kecil, tidak nasional macam orang lain. Tetapi saya hendak cakap pun, orang lain cakap semua sudah. Jadi ini menunjukkan saya mintalah kepada Yang Berhormat mestilah prihatin lebih kepada Kementerian Pertahanan supaya jangan pula apabila saya tidak ada di sini sunyi hal Kementerian Pertahanan. Tidak menjawab soalan pun. Pasal apa tidak jawab? Pasal tidak ada soalan dikemukakan. Jadi kita hendak tahu, kalau hendak soalan bagi tahu saya. Kalau saya hendak jawab makin hebat, hebat lagi.

Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain: Minta mencelah, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum Yang Berhormat duduk menamatkan perbahasan sebab Yang Berhormat minta soalan, saya hendak tanya soalan ini. Saya hendak kemukakan soalan, Kementerian Pertahanan mempunyai peluang-peluang kontrak yang terlalu banyak Yang Berhormat. Jadi tidakkah boleh

persatuan ataupun dirunding cara antara Persatuan Bekas Perajurit untuk mendapatkan sedikit kepada *portion* begitu besar yang ada di Kementerian Pertahanan itu.

Ataupun masalah yang timbul menyebabkan bekas-bekas perajurit ini tidak dapat peluang, kerana jeneral-jeneral yang ada itu *control* terlalu amat sangat dalam soal *portion-portion* projek di Kementerian Pertahanan itu. Jadi saya hendak tanyalah, sampai ada tentera yang ambil santan buat jadi susu. Jadi sesuatu yang sungguh sedih. Terima kasih.

Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani: Terima kasih Yang Berhormat. Kita persatuan memang berusaha untuk mendapat peluang perniagaan sehinggakan kita tubuh satu Dewan Perniagaan Bekas tentera Malaysia. Sudah empat tahun tetapi tidak mendapat kemudahan yang boleh dibanggakan. Jadi ini kita sedang berusaha lagi kadang-kadang katanya pasal tidak ada pengalaman. Memanglah berhenti tentera mana ada pengalaman, kalau hendak pengalaman mestilah susah, bagi dulu cuba. Jadi walau bagaimanapun memang ada kementerian beri juga projek-projek kepada bekas-bekas tentera yang kecil-kecil tetapi mengikut kemampuan dan kebolehan mereka.

Jadi di sini juga saya mencadangkan atau minta kerajaan memperuntukkan kerja-kerja macam cuci rumput, potong rumput, menternak ikan yang kecil-kecil...

Seorang Ahli: Cuci rumput?... [Ketawa]

Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani: ...Cuci tandas dan cuci kawasan. Cuci kawasan bagilah kepada bekas tentera yang kurang kemampuan, yang kurang kebolehan membekal dan membuat apa-apa sahaja yang boleh ada kemampuan mereka. Jadi kalau kita tidak buat macam itu sampai bila bekas tentera hendak meminta-minta bantuan dan hendak minta Kempen Hari Pahlawan setiap tahun. Jadi ini kita baguslah. Jadi esok selepas pada ini, lawan sedikitlah supaya dapat membantu. Jadi kalau sekiranya saya sedang sudah bercakap beberapa kali supaya sekurang-kurangnya 30% peruntukan Kementerian Pertahanan itu beri kepada keluarga bekas tentera.

Kita cuba membuatkan atau 10% daripada peruntukan. Kalau ada bagi macam itu maka kita berusahalah. Juga hendak kata jeneral-jeneral dapat projek banyak pun tidak banyak juga. Jadi tidak begitu banyak juga mengikut kemampuan masing-masing. Kadang-kadang jeneral ini menjadi *chairman* sana, *chairman* sini untuk meminta projek daripada MINDEF. Kadang-kadang ada jugalah kegunaan pihak tertentu untuk mendapat projek-projek tertentu. Kita tidak nampak jeneral-jeneral yang senang yang dapat projek-projek yang besar di Kementerian Pertahanan.

Walau bagaimanapun saya haraplah dan saya mohon supaya Kementerian Pertahanan prihatin dan komited untuk membantu bekas-bekas tentera kerana wawasan kita satu masa nanti ialah kerjaya tentera adalah pilihan utama untuk menentukan masa depan dan untuk menjadikan negara kita aman dan damai. Jadi itulah antara lain yang saya dapat menyuarakan dan ketika inilah kita memikirkan kadang-kadang sekiranya wajah-wajah perajurit terkorban, cedera dan terbayang

darah mengalir di hutan belantara. Dalam ingatan yang penuh gelora perjuangan, sehingga kita dapat terus hidup menghirup udara keamanan pada hari ini semuanya atas titisan darah perjuangan perajurit kita.

Kalau mereka tidak titiskan dan tidak mengalirkan darah, tidak mungkin kita berada seperti hari ini. Memanglah semua orang berjasa. Cikgu berjasa semua orang berjasa tetapi orang hendak masuk tentera ini, jarang hendak masuk tentera hendak masuk hutan bukan senang. Pengorbanan tinggal isteri selama tujuh, lapan atau enam bulan. Saya dahulu kahwin sahaja pergi Sabah, balik-balik anak sudah besar. Duduk di Bau dan pada masa itu umur bukan tua lagi baru 21 tahun. Jadi balik-balik anak sudah besar. Ertinya pengorbanan itu ada. Itu sebab kadang-kadang bekas tentera merasai tidak hendak sokong kerajaan. Kalau di Kelantan boleh dikatakan 60% tidak sokong kerajaan, yang susah-susah tidak mahu sokong kerajaan.

Sayalah yang pujuk-pujuk, tidak sokong pun datanglah sebab Yang Berhormat Menteri datang. Terpaksalah buat. Ini menunjukkan bahawa mereka merasai seolah-olah dipinggirkan dan seolah-olah mereka tidak dipedulikan. Jadi kalau pemimpin persatuan pula tidak mengambil berat dan tidak mengambil perhatian, maka perkara ini akan lebih mudaratkan lagi. Walau bagaimanapun saya masih lagi Presiden Bekas Tentera. Saya minta maaf.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat boleh habiskan ucapan.

Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani: Justeru itu, saya melihat bahawa Kempen Hari Pahlawan perlu diperluaskan di pelbagai lapisan masyarakat. Kadang-kadang mari sedih, tahun ini saya buat Kempen Hari Pahlawan, saya ingat boleh banyak sebab tidak pernah buat lagi. Jual meja tidak sampai 10 meja. Panggil Agong, panggil Perdana Menteri dan Timbalan Menteri. Buat pula di hotel apa? Saya hendak sebut pun tidak tahu, tempat Siti Nurhaliza kahwin hari itu iaitu KLCC, hebatnya. Tapi jual meja tidak laku, jual RM10,000 tidak laku, turun RM5,000. RM5,000 tidak laku, jual RM3,000, *last* sekali bagi percuma. Itu pun ada yang tidak datang. Inilah menunjukkan tidak ada keprihatinan. Sedih sebab Agong datang sebagai penaung.

Bagi percuma sahaja. Minta hantar surat mana-mana tidak dapat, merayu, terpaksalah korek sana, korek sini sehinggalah selesai masalah itu. Jadi, kita perlulah masyarakat kerana amat kurang sekali masyarakat kita didedahkan dengan pengertian Hari Pahlawan itu. Mengapa ia diadakan dan mengapa perlu ada penekanan pada Hari Pahlawan? Jadi apa tujuan Hari Pahlawan? Supaya mengingatkan walaupun kita merdeka tanpa pertumpahan darah tetapi sebelum dan selepas merdeka macam saya cakap tadi banyak darah-darah kita mengalir terutama di Sabah, di Sarawak, di Perak, di Pahang, di Kelantan. Maka dengan itu, saya haraplah kalau Yang Berhormat-Yang Berhormat kalau terima surat Kempen Hari Pahlawan itu..., bukan kita hendak duit sangat, tetapi sebagai ingatan. Janganlah tidak hantar.

Jadi hantarlah RM1 pun tidak apa. Kalau RM1 satu orang bagi, bererti sebanyak RM26 juta kita dapat untuk Kempen Hari Pahlawan. Tetapi tahun ini dapat sebanyak RM750 ribu sahaja.

Itu pun mesti Menteri Pertahanan tolong sedikit 'Lt.-Lt.', bagi RM200 ribu. Tolong sedikit orang ini, bagi RM200 ribu. Jadi dua tiga syarikat yang bagi. Itu pun hendak kerjasama daripada orang yang kuasa, / garu you, you garu /. Kalau sama-sama tidak garu, tidak ada apa-apa. Jadi menunjukkan mesti ada orang besar cakap. Setakat saya Dato' Haji Muhammad cakap, hendak buat apa? Kalau saya minta derma sedikit, you belanja sendirilah you sudah kaya.

Ini pun tuntutan RM60 juta ini. Jadi walau bagaimanapun kita mengetahui kempen Hari Pahlawan itu sebagai merangkumi erti perjuangan anggota-anggota tentera selama ini terutama dalam usaha mengekalkan keamanan dan kestabilan. Namun kalau setakat meletakkan kalungan bunga di Tugu Pahlawan sama sahaja pada saban hari. Setiap tahun letak kalungan bunga, kadang-kadang orang tidak tahu pun, tidak diheboh-hebohkan. Tiba-tiba letak bunga, pakat tengoklah baik saya atau Pak Lah kah. Letak bunga hari-hari, tidak ada apa-apa. Jadi hendaklah media massa memainkan peranan penting.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Yang Berhormat, laluan. Hari ini saya nampak Yang Berhormat lain sedikit. Saya amat terharu sebenarnya. Cuma saya hendak tanya Yang Berhormat semasa dalam tentera dahulu, Yang Berhormat pernah terlibat kah berperang dalam hutan ataupun menembak tempat lainlah, tidak kisah.

Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani: Terima kasih Yang Berhormat. Saya dalam tentera dahulu masuk hutan sahaja tetapi tidak menembak. Hanya di Sarawak, cuba-cuba hendak menembak tetapi *accident* sendiri. Bunyi peluru, ingatkan betul sudah tetapi bukan. Jadi tidak menembak mana-mana. Hanya masa 13 Mei sahaja terlibat di Kuala Lumpur. Itulah sahaja, saya tidak menembak mana-mana.

Timbalan Yang di-Pertua: Boleh gulung Yang Berhormat.

Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani: Bolehkah lebih sedikit untuk perkara terakhir?

Timbalan Yang di-Pertua: Lama lagi kah?

Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani: Setengah jam lagi kah. Akhir sudah ini...

[Ketawa]

Timbalan Yang di-Pertua: Kita ada ramai lagi Ahli-ahli yang hendak berucap.

Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani: Tidak berucap sudah lain kali. Saya mintalah lima minit seorang untuk orang lain ini. Kalau bolehlah sebab ini sudah menghabiskan.

Timbalan Yang di-Pertua: Kalau boleh Yang Berhormat cepatkanlah lagi.

Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani: Kalau hendak mati, hendak mengucap, hendak makan dulu bila tahu hendak mati.

Timbalan Yang di-Pertua: Cuba Yang Berhormat simpulkan.

Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani: Okay. Jadi media massa perlu memainkan peranan penting untuk meluaskan Kempen Hari Pahlawan supaya kewibawaan anggota tentera

juga perlu diheboh-hebohkan oleh Kementerian Pertahanan. Kementerian Pertahanan juga hendaklah menentukan membantu pegawai-pegawai tentera supaya ada yang berminat hendak masuk tentera. Jadi sekarang ini memang sudah ramai orang masuk tentera. Jadi usaha secara holistik ini penting kerana Hari Pahlawan mampu menjadikan saluran yang lebih berkesan bagi memupuk semangat patriotik dan mencintai keamanan kalau diselaraskan programnya untuk Kempen Hari Pahlawan ianya...

Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain: Minta laluan.

Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani: Kena potong lima minit.

Timbalan Yang di-Pertua: Beri laluanlah.

Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain: Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik kepada Hari Pahlawan. Kebelakangan ini, Hari Pahlawan ini nampak begitu sunyi berbanding dengan sambutan Hari Pahlawan waktu dulu. Apa masalahnya berdasarkan pengalaman Yang Berhormat?

Terima kasih.

Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani: Pada masa kini memang kesunyian, kesepian disebabkan pasal...

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua: Sila teruskan Yang Berhormat.

Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani: Sambutannya tidak begitu baik kerana kemungkinan Malaysia merasai dia macam tidak sedar. Generasi yang ada pada hari ini boleh jadi dia merasai bahawa keamanan ini datang dengan sendiri sahaja, tidak ada orang memperjuangkan.

Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain: Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik kepada Hari Pahlawan. Kebelakangan ini, Hari Pahlawan ini nampak macam begitu sunyi berbanding dengan sambutan Hari Pahlawan waktu dahulu. Apa masalahnya, berdasarkan pengalaman Yang Berhormat? Terima kasih.

Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani: Memang pada masa kini memang kesunyian, kesepian ditimpa perasaan.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua: Teruskan Yang Berhormat.

Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani: Sambutannya tidak begitu baik kerana kemungkinan Malaysia merasai dia macam tak sedar. Generasi pada hari ini boleh jadi dia merasai bahawa keamanan ini datang dengan sendiri sahaja. Tidak ada orang memperjuangkan. Sehingga kita minta kadang-kadang 20 sen, 30 sen pun susah. Itulah kita sedang minta kerjasama semua pihak, surat khabar main peranan yang penting. Kadang-kadang kalau hendak minta bantuan daripada luar negara, ada sakit demam luar negara, ada hal luar negara memang banyak

pemimpin-pemimpin sendiri pun berusaha untuk buat kutipan. Sama ada kutipan itu sampai ke tak sampai *wallahu alam wa bissawab*.

Jadi, ini menunjukkan bahawa atas keprihatinan kita sendiri, kesedaran kita. Jadi bertepatan dengan tujuan dan matlamat demi kesejahteraan negara dan membangunkan modal insan di kalangan rakyat seperti mana yang diterapkan di dalam agenda Misi Nasional.

Jadi, kita hendak bekas tentera begitu juga. Kita hendak supaya bekas-bekas tentera pergi ke bina insan. Ada peruntukan dan kursus, latihan supaya bekas-bekas tentera menukarkan minda dia. Kalau dahulu, dia dikurung dalam kem begitu lama, keluar pun dikurung dan di rumah juga. Jadi susah. Dia kena ada peruntukan dan saya harap kepada pihak kerajaan memperuntukkan juga modal insan kepada bekas-bekas tentera perlu diadakan. Saya mengharapkan pemimpin bahagian, Ahli-Ahli Parlimen. Jangan jaga yang biasa sahaja. Yang berhampiran ataupun program yang dibuat sahaja tidak menyeluruh kepada bekas-bekas tentera. Jadi, Tuan Yang di-Pertua saya juga turut mengalu-alukan mengenai kenaikan taraf Akademik Tentera Malaysia atau ATMA, menjadi Universiti Pertahanan Nasional.

Inilah satu cara yang lebih baik supaya dapat mewujudkan kepahlawanan, keperwiraan, patriotik kepada kalangan bekas-bekas tentera itu sendiri dan juga anak-anak mereka diutamakan anak-anak daripada bekas-bekas tentera. Jadi saya pun kena potong-potong sedikitlah. Jadi memandangkan pelajar ATMA sebelum ini pun ada setanding dengan pencapaian akademik pelajar IPT lain. Jadi bererti ATMA adalah satu tempat yang baik dan mudah-mudahan ATMA akan dapat Universiti Pertahanan Malaysia tadi dapat mewujudkan pelajar-pelajar yang terbaik kalau dibandingkan dengan tempat-tempat lain kerana kita tahu bahawa pelajar daripada universiti ini banyak disiplin dan sebagainya. Jadi saya harapkan kepada semua pihak hendaklah menentukan masa hadapan yang lebih cerah.

Di sini juga selain dari bekas tentera, perkara yang ingin saya sentuh ialah soal sektor automotif negara kita yang merupakan industri penting kepada ekonomi Malaysia. Sumbangan sektor ini kepada ekonomi negara adalah besar serta berkait rapat dengan sektor pembuatan dan perkhidmatan. Sektor automobil bermula dengan pengimport kereta yang kemudiannya dikembangkan kepada operasi pemasangan serta pembangunan industri komponen automotif. Macam mana kita telah menubuhkan atau membuat *Proton Saga* pada tahun 1985 dan seterusnya pada tahun 1993, juga dia ada *Perodua*.

Jadi sebagai pemangkin kepada perkembangan sektor automotif. Dari segi pengimportan kenderaan, terdapat banyak pemegang lesen import terbuka. Pemegang lesen import francais di dalam negara ini. Cuma apa yang ingin saya tekankan di sini pengusaha-pengusaha kereta import yang ada AP turut banyak membantu ke arah membangunkan ekonomi negara sekurang-kurangnya memasukkan kereta import yang pelbagai jenis dapat memberi pilihan kepada rakyat.

Saya terpanggil di sini dengan satu isu yang berkaitan dengan klon AP yang membabitkan seorang Senator yang didakwa syarikatnya mengklon 1000 AP permit dan kereta sehingga mengaut keuntungan RM500,000.00 sebulan selama tiga tahun. Malaikat pun tidak tahu hal ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya mohon mengganggu sebentar. Saya mengikuti ucapan dan aliran penghujahan Yang Berhormat dan tiba-tiba saya tergerak untuk betul-betul berhati-hati terhadap apa yang Yang Berhormat cakapkan. Kerana 34(7) menyatakan;

"Seseorang Ahli tidak boleh bercakap berkenaan dengan apa-apa jua perkara yang ada dalamnya faedah kewangan yang tepat bagi dirinya (selain daripada perkara-perkara gaji menurut apa-apa syarat dalam Perlembagaan) jika tidak diterangkannya sebanyak mana faedah bagi dirinya dalam perkara itu".

Saya pun tidak jelas sama ada Yang Berhormat perlu membuat penjelasan tersebut. Tetapi keduanya, yang kedua ini, kerana saya hanya berpandukan kepada apa yang saya baca dalam akhbar. Kalaulah benar Yang Berhormat telah saman pihak-pihak tertentu dalam perkara ini, maka perkara itu sudah jadi *subjudice* dan saya tak boleh benarkan Yang Berhormat terus berucap mengenainya.

Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Beralihlah kepada perkara yang lain. Kalau benarlah Yang Berhormat telah ketengahkan saman, maka Yang Berhormat tidak boleh bercakap.

Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani: *Okay*, terima kasih atas ingatan. Mudah-mudahan jadi peringatan. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Sekarang ini kita tengok akhbar-akhbar melampau. Sama ada mereka membuat apa tujuan, kita tidak tahu? Akhir-akhir ini juga kita tengok bahawa ada penggabungan *Utusan Malaysia* dengan *NSTP*, Jadi setahu saya *Utusan Malaysia* tidak pernah berpaling daripada amanah yang disandarkan kepada bahunya untuk menyuarakan keresahan dan harapan orang Melayu sepanjang zaman. Sejak ia bermula di Singapura pada tahun 1939, sampailah ia berpindah...

Dato' Wan Ahmad Farid bin Wan Salleh:[Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat minta laluan. Jadi, Yang Berhormat sebutkan supaya tarik perhatian saya ya!

Dato' Wan Ahmad Farid bin Wan Salleh: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ayat yang digunakan oleh Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua tadi adalah ada penggabungan. Saya minta penjelasan, ada penggabungan ke cadangan penggabungan?

Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani: Teguran itu, cadangan untuk digabungkan. Jadi semenjak ia bermula dari Singapura pada tahun 1939 sampailah ia berpindah ke Kuala Lumpur pada tahun 1958, kemudiannya dikuasai oleh UMNO. *Utusan Malaysia* tidak hanya menjadi jurucakap tetapi pada masa yang sama membentuk pemikiran orang Melayu supaya bersikap progresif dan positif terhadap setiap perubahan yang dirintis oleh UMNO.

Semangat *Utusan* dan *NSTP* berbeza. Jika digabungkan umpama menitikkan nila di dalam semangkuk susu. Ia sedikit sebanyak akan menghilangkan semangat wartawan *Utusan Malaysia* untuk berjuang bagi menjamin keselamatan dan kesejahteraan orang Melayu. Bagaimana kemungkinan *Utusan Malaysia* boleh duduk sebungung dengan sebuah akhbar yang mengilang arak dan sejak setahun, dua ini secara terang-terang menghina agenda Melayu. Editor dan wartawan *Utusan Malaysia* akan terlarah dalam penggabungan itu. Jadi akan hilang identiti dan mengalami kecelaruan, perjuangan *Utusan Malaysia* akan hilang suara keramatnya.

Jadi kalau kita buat sesuatu, kita gabungkan atau bersetuju untuk digabungkan jadi bererti barang itu sama sahaja - disatukan. Jadi sepatutnya kita mesti ada perlawanan. *Utusan Malaysia, Utusan Malaysia. Berita Harian, Berita Harian.* Jadi dengan ada perlawanan antara satu sama lain, maka ada hasil yang lebih baik dan lebih sempurna. Jadi kita pun ada semangat. Sekarang kalau kita beli *Berita Harian, Metro* kita sudah tidak beli, besok beli *Utusan Malaysia*, sudah *Berita Harian* pun sudah sama sahaja, lebih kurang sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Isu ini sudah pun dikupaskan dan Yang Berhormat kupaskan sekali lagi. Baik. Tetapi Yang Berhormat, masa Yang Berhormat terhad. Jadi kalau habiskan, kalau ada lagi biarlah Yang Berhormat simpulkan sekarang, saya bagi Yang Berhormat 5 minit lagi.

Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani: 5 minit sahaja? jadi, kesimpulannya dengan itu saya dari Persatuan Bekas Tentera Malaysia dan juga sebagai ahli UMNO dan pemimpin UMNO, saya menentang langkah-langkah penggabungan ataupun cadangan untuk menggabungkan *Utusan Malaysia* dengan *NSTP* dengan pelbagai hujah dari sudut politik, *business*, kebebasan media, warisan sejarah, demi keselamatan bangsa Melayu.

Persatuan Bekas Tentera Malaysia menentang cadangan penggabungan tersebut. Sektor sedia ada di *Utusan Malaysia* perlu dikekalkan dan tidak perlu sebarang bentuk penggabungan. Saya merayu kepada kerajaan supaya tidak membenarkan gabungan ini berlaku kerana banyak buruk daripada baiknya kalau kita buat gabungan itu. Jadi kalau kerajaan terima, saya pun buat pantun sikit,

Ikan puyu mati lemas,

Thank you very much.

Wabillahi taufik wal hidayah, wasallamualaikum warrahmatullahi wabarakatuh.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, tamat tempoh perkhidmatan bila? 12 hari bulan Januari? Terima kasih. Penggal kedua ya? Terima kasih. Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad
4.11 ptg.

Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk membahaskan perbelanjaan 2007. Tuan Yang di-Pertua, saya cuba ringkaskan seberapa ringkas yang boleh.

Tuan Yang di-Pertua: Untuk makluman Yang Berhormat-Yang Berhormat, saya akan panggil selepas ini Tuan Munusamy, kemudian Datuk Yaakob bin Haji Mohammad. Kalau tak hadir, selepas itu saya panggil Sharifah Azizah, selepas itu saya panggil Datuk Haji Roslan dan seterusnya. Sila, saya mohon maaf mengganggu.

Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, Dewan ini mempunyai fungsi untuk menentukan keluhuran Perlembagaan Negara kita terus terpelihara. Maka untuk itu kita harus sama-sama bertanggung jawab bagi menentukan bahawa Dewan yang mulia ini memainkan peranannya dengan sempurna.

Tuan Yang di-Pertua, untuk mencapai ini kita harus bertanggung jawab untuk menegur dan mengemukakan pendapat di mana perlu bagi kemakmuran rakyat negara ini keseluruhannya. Ada kalanya sesetengah teguran itu dianggap terlalu kritikal bagi sesetengah pihak. Ada kalanya yang pahit itulah yang akan menjadi ubat. Ada masanya kita harus terbuka untuk menerima kritikan.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menyentuh sedikit dari segi perpaduan kaum. Umpamanya satu ketika dahulu kita dapat melihat semangat setia kawan antara kaum lebih terserlah. Kita ziarah menziarahi antara satu sama lain tidak kira apa kaum. Tetapi cuba kita tanya kepada diri kita sendiri pada hari ini, bilakah *the last time* dengan izin, kita *visit* kawan-kawan kita?

Tuan Yang di-Pertua, saya takut kita sudah 50 tahun dan kita tengah menggalakkan *tourist* supaya datang ramai-ramai ke negara kita. Apa yang kita dengar pada hari ini hanyalah bermula berbunga-bunga berbagai-bagai perbalahan dan perselisihan. Adakah ini *Malaysia Truly Asia* yang ingin kita gambarkan kepada dunia?

Tuan Yang di-Pertua, seperti rakan-rakan yang lain juga, saya juga rasa saya perlu juga sentuh cadangan gabungan NSTP dengan Kumpulan Utusan. Surat khabar ini mempunyai sejarahnya sendiri dan telah memainkan agenda Melayu sejak tahun 1939. Agak lama. Jadi sebelum kita mengambil apa-apa tindakan kita perlulah serius. Selidik buruk baiknya dahulu. Saya difahamkan.

Saya difahamkan bahawa ekor dari edisi *Kosmo* yang hendak dikeluarkan selalunya di sebelah petang hendak dikeluarkan di sebelah pagi. Jadi untuk tujuan dikeluarkan di sebelah petang itu, *printer* yang dipakai untuk *print* surat khabar induk itu tidak boleh digunakan. Jadi *Utusan* terpaksa mendirikan atau mewujudkan satu pelan *printing* baru untuk *print Kosmo*. Itu menambahkan kos sebanyak RM90 juta saya difahamkan.

Jadi saya *suggest* di sini, kalau boleh saya cadangkan kenapa pihak atasan, pihak pemegang saham Utusan berbincanglah dahulu, memberi keterangan kepada kakitangan-kakitangan Utusan supaya tidak keliru dan macam-macam andaiannya. Bolehkah sekiranya saya cadangkan kalau itu masalahnya, jadi bolehkah kita adakan satu syarikat yang dikata SPV – kalau saya *pronounce it right, let me check*. Ya, SPV – *Special Purpose Vehicle* iaitu satu syarikat

mungkin UMNO boleh ambil alih yang menjalankan *printing* ini. Jadi tempat ini boleh dijadikan tempat *printing* yang di mana Utusan itu juga boleh bayar sewa yang berpatutan pada syarikat ini.

Jadi diberi kepada UMNO, syarikat ini untung, tidak payah pun pergabungan itu. Jadi masing-masing ada identiti masing-masing sebab kalau gabung, kita takut yang baca Utusan belum tahu akan terus baca Utusan. Itu Tuan Yang di-Pertua.

Ini masalah sosial – saya hendak sentuh sedikit masalah sosial. Kita pun sudah tahu banyak kalau kita bincang pasal masalah dadah, masalah ponteng sekolah, masalah *accident* 5,000 orang dalam setahun – macam Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua kata tadi bila *on the road* baru kita tahu *the true colors of Malaysian*. *That's what people say*, dengan izin. Tetapi saya juga hendak menyebut tentang HIV/AIDS ini, kita pun sudah bincang panjang-panjangnya.

Saya berkesempatan, Tuan Yang di-Pertua, dengan beberapa kawan telah berjumpa dengan wanita-wanita yang kurang bernasib baik. Bukan kehendak dia hendak menjadi begitu, kerana keadaan kemiskinan terpaksa bekerja di rumah-rumah urut yang bukan sahaja urut wanita. Wanita tidak pernah datang sebenarnya. Itu adalah satu *cover*, di mana saya tahu Yang Berhormat-Yang Berhormat pun tahu. Kita berjumpa dan kita bercakap. So dalam percakapan itu pun mereka mencurahkan perasaan, bukan kehendak mereka tetapi ada yang kata keadaan, sebab diceraikan suami, terpaksa menanggung anak-anak, tidak ada pilihan lain, *education*, pelajaran tidak setinggi mana.

Tuan Yang di-Pertua, ada juga yang mengatakan terpaksa, geram, masa itu muda, perasaan ingin tahu, *inquisitive*, bila emak ayah tegur sedikit, lari. Bila lari, datang sini, kalau jumpa pak imam ke kita kata alhamdulillah *but* ada satu kes wanita kata dia jumpa seorang pakar agama, tetapi akhirnya orang yang dia percaya merogol dia. Jadi malu hendak balik ke kampung, tidak tahu apa hendak buat, ikut cara dan jalan itu.

Ada juga seorang *university student*, lelaki, sudah mengaku terus terang, belajar betul, 2 *pointer* sahaja, PTPTN tarik balik, dia malu, dia tidak ada duit, dia hendak belajar. *He end up becoming a gigolo*. So perkara-perkara ini keadaan, Tuan Yang di-Pertua. So kita kena suka atau tidak suka, kita ambil perhatian. Mereka juga adalah kaum manusia, kaum Adam kita. Walaupun kita tahu lebih ramai anak-anak kita.

Yang saya hendak bercerita ini, saya pernah bersama dengan seorang polis, seorang DBKL, pergi satu karaoke atau pusat hiburan, kita jumpa tiga orang anak muda kita yang bawah umur. Anak muda ini bila kita minta IC, dia kata *management* pegang. Jadi kita bertanya, jadi GRO ini buat macam mana? Dia bercerita tidak ada berselindung. Jadi kita tanya kenapa pilih jalan ini? Mewah! Kita kata kalau kena penyakit macam mana? Ada yang menangis. Jadi Tuan Yang di-Pertua, di merata-rata kita tengok ini mereka tidak tahu di mana. Ada juga yang sudah insaf, hendak balik ke pangkal jalan. Tetapi ia pun macam dadah juga, keluarga tidak terima.

Tuan Yang di-Pertua, yang saya dengar anak-anak yang baru semuanya, kebanyakan datang daripada kampung. So, macam *culture shock* datang sini, salah nasihat. Saya hendak mengesyorkanlah kalau bolehlah mana-mana kementerian kita, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat ke ataupun pihak JAKIM, *whatever it is*, wujudkanlah satu *one stop center* di tempat-tempat kompleks yang ramai anak muda ini berkeliaran di situ.

Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain: Minta laluan.

Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad: Oh, Yang Berhormat, silakan Yang Berhormat.

Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain: Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pada hari ini karaoke, *spa*, *massage* adalah perkara-perkara yang rasa saya kita tidak boleh lagi hendak mematikan, menamatkan dan menutup dan diasingkan daripada masyarakat. So dalam konteks hari ini bagaimana kita hendak mengelokkan perkara-perkara yang tidak boleh kita asingkan daripada masyarakat ini pada pendapat Yang Berhormat? Terima kasih.

Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad: Terima kasih Yang Berhormat. *Target* saya hendak pergi sampai ke situ, saya belum sampai. Inilah yang saya bawa ke Dewan yang mulia ini supaya kita dapat sama-sama. Saya tahu kalau kita tengok keadaan sekarang makin lama makin buruk. Tetapi kalau semua orang memainkan peranan, termasuk pihak-pihak yang berkuasa, saya rasa insya-Allah.

Yang saya hendak beritahu di sini, Tuan Yang di-Pertua, bab yang tiga orang tadi, Yang Berhormat, Dewan Bandaraya telah menghantar *show cause letter* tetapi malangnya hingga ke hari ini tidak ada apa-apa tindakan diambil. Premis itu masih lagi beroperasi. Selepas itu kita pergi lagi kepada satu premis di mana polis telah mengambil *urine test* secara *random* didapati positif dan polis juga telah menghantar *show cause letter* bersama-sama DBKL. Tetapi malangnya tiada tindakan diambil dan polis telah menghantar satu surat hendak *seal* premis itu, tidak ada apa-apa tindakan juga sehinggakan berlaku satu pembunuhan.

Tuan Yang di-Pertua, ini menunjukkan bahawa bukan semua pihak polis ke, DBKL ke, PBT mana yang dipengaruhi oleh rasuah. Ada juga yang betul ikhlas hendak memperjuangkan, hendak mempertahankan, hendak menghapuskan gejala-gejala sosial ini.

Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: Tetapi kesimpulannya, makin lama makin buruk ya.

Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad: Betul.

Tuan Yang di-Pertua: Sila duduk, Yang Berhormat. Saya baru sebentar timbul sedikit kesangsian kerana saya membesar umur belasan tahun dahulu terdapat *striptease* dan Rose Chan dan *topless* di BB Park, di Kuala Lumpur, di Kota Bharu ada apa-apa *park* kah, kemudian di New World, Great World. Jadi bila orang katakan keadaan semakin lama semakin buruk, saya kata, "Eh, sekarang tidak ada *topless* atau *striptease*."

Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad: Boleh saya jawab, Tuan Yang di-Pertua?
[Ketawa]

Tuan Yang di-Pertua: Memang pun kita berkehendakkan jawapan.

Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad: Tuan Yang di-Pertua, dahulu lain, sekarang ini lain. Saya juga dahulu berasa muda juga, masa muda juga kita merasa. Saya ingat dahulu kita pergi parti, kita *open* dalam dewan. Sekarang semua tidak boleh, itu tidak boleh, ini tidak boleh, jadi akibatnya itulah Tuan Yang di-Pertua yang tidak boleh itu orang kata dia hendak tahu. Dahulu *open*. *Open* maksud saya itu bukan *open* macam sekarang. Sekarang ini sudah di*open* yang lain pula sebab sekarang ini agaknya semuanya tidak boleh.

Tuan Yang di-Pertua, sudah hilang sekejap. *Okay*, saya sekarang ini terbaca, Tuan Yang di-Pertua, Akta Undang-undang Kecil 1980 sekiranya hendak wujudkan perniagaan rumah urut, ia ada syarat-syaratnya, Tuan Yang di-Pertua. Satu daripada syaratnya orang Islam tidak boleh mengunjungi rumah ini sekiranya yang tukang urut itu wanita dan keduanya, wanita Islam tidak boleh bekerja sebagai tukang urut sekiranya disuruh urut orang lelaki. Tetapi dalam tahun 2003, Akta Kecantikan 2003 ini, di mana satu daripada bab itu ada mengurus. Yang malangnya, syarat yang tadi saya baca itu *silent*.

So, saya terfikir kalau rokok berbahaya untuk kesihatan, arak haram kepada orang Islam, judi haram kepada orang Islam, kenapa tidak diharamkan pelacuran? Itu yang saya minta, kalau boleh saya cadangkan...

Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Abbas Alhabshee: Minta laluan, Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat. Pada hari semalam ketika saya berucap membahaskan, saya melihat bahawa gejala sosial yang dibangkitkan hari ini oleh Yang Berhormat, kita kena cari puncanya. Kita tidak boleh apa yang terjadi gejala sosial, kita minta kementerian, kita minta jabatan, kita minta segala-gala agensi kerajaan suruh tengok. Puncanya bagi saya ialah ibu bapa, Tuan Yang di-Pertua – didikan yang diberikan kepada anak tersebut.

Tadi Tuan Yang di-Pertua bercakap bahawa masa dahulu, masa Tuan Yang di-Pertua muda-muda dahulu ada Rose Chan, *strip show* dan sebagainya. Kenapa sekarang tidak ada benda-benda ini, sekarang ini lebih teruk? Saya hendak minta pandangan Yang Berhormat. Pada saya...

Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad: [Bangun]

Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Abbas Alhabshee: Saya belum habis lagi. Pada saya, puncanya kerana ramai kaum ibu iaitu wanita berlumba-lumba dengan kaum lelaki, hendak kuota 30%, anak-anak mereka terbiar. Yang jaga anak-anak ini saya minta maaf, Tuan Yang di-Pertua, adalah orang-orang yang diupah daripada Indonesia untuk mendidik anak-anak kita. Sebab itulah masalahnya timbul anak-anak kita yang dididik ini berbahasa Indonesia dan akhirnya apabila pembantu rumah tersebut pulang ke Indonesia, anak kita demam, anak kita sakit kerana kasih

sayang itu datangnya daripada pembantu rumah tersebut. Jadi apa pandangan Yang Berhormat sekiranya kaum-kaum ibu beri masa didikan dan bimbingan kepada anak-anak kita supaya kita sama-sama mengatasi masalah gejala sosial ini. Terima kasih.

Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad: Terima kasih.

Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad: Saya pun hendak mencelah, boleh sekejap?

Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad: Boleh jawab satu-satu dahulu tak?

Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad: Tidak apa.

Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad: Sekali gus.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat beri laluan, ya.

Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad: Saya...

Tuan Yang di-Pertua: Hak Yang Berhormat beri laluan.

Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad: Bagi laluan tak? Boleh?

Tuan Yang di-Pertua: Beri laluan. Bila dia duduk itu, tanda dia beri laluan.

Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad: Ha, *okay*, bila duduk tanda beri laluan. Terima kasih. Saya ingin mencelah kepada Yang Berhormat yang mencelah.

Tuan Yang di-Pertua: Itu tidak dibenarkan.

Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad: Oh, *okay*.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat boleh memohon penjelasan daripada Yang Berhormat sambil sindir-sindir ke sini bolehlah. Kena pandai-pandailah.

Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad: *Okay, clue* itu saya gunakan dengan baik, terima kasih selagi lagi. Memanglah kita bercakap tentang masalah sosial yang begitu meningkat dan saya rasakan perbezaan di antara era Tuan Yang di-Pertua dengan era sekarang berbeza oleh kerana dahulunya ada orang yang *perform*. Sekarang ini orang awam yang menjadi *performers* nya. Jadi berleluaslah mereka yang memainkan peranan sebagai Rose Chan di dalam keadaan yang berlainan daripada dahulu. Memang soal keibubapaan itu adalah sesuatu yang amat penting yang saya amat bersetuju dengan Datuk Wira Syed Ali.

Tetapi, yang salah yang tergelencong dan tergelincir daripada landasan ialah keibubapaan itu bererti ibu dan bapa. *Parenting* bukan maksud ibu sahaja, adakah ini bermakna kalau kita menggunakan falsafah yang digunakan tadi tumpuan, tanggungjawab yang amat berat ditumpukan kepada wanita, bayangkan jumlah ibu tunggal yang hendak memelihara anak mereka itu adakah, mereka tidak dapat bekerja? Ini masalahnya ialah nilai yang kita pupuk di dalam anak-anak kita. Saya merupakan seorang ibu yang bekerja dan mencari pekerjaan dan juga meningkatkan rezeki sebaik mungkin untuk ditinggalkan kepada anak-anak saya. Alhamdulillahlah keempat-empat anak saya berjaya dan menjadi lebih daripada manusia... [*Tepuk*]

Ini jelas menunjukkan bahawa tanggungjawab....

Tuan Yang di-Pertua: Jangan lupa, Yang Berhormat hanya mencelah.

Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad: *[Ketawa]*Adakah bersetuju pandangan saya dan kenyataan yang begitu nyata dan ketara sekali.

Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani: Boleh saya celah sedikit Tuan Yang di-Pertua? Tidak boleh? Baik.

Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad: Terima kasih kedua-duanya. Yang Berhormat Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad, wanita ini cerdik. Apa yang dia cakap itu betul. Yang Berhormat Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee dia *jump the gun*. Saya cakap tadi bab undang-undang, mana ibu bapa boleh wujudkan undang-undang. Kalau saya tidak minta Dewan kerajaan tempatan ataupun....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, salah di sisi peraturan serang seorang ahli yang lain... *[Ketawa]* Halakan ucapan kepada saya...

Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad: Jadi, Yang Berhormat saya kata tadi undang-undang. Saya mohonkan undang-undang syarat yang baik yang mula-mula 1980 itu dibawa balik kepada undang-undang yang wujud pada 2003 yang ada sekarang. Yang Berhormat, Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya balik tadi itulah saya kata....

Tuan Yang di-Pertua: Tadi Yang Berhormat Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani bangun hendak minta penjelasan.

Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad: Ada lagi? Hendak minta lagi?

Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani: Lebih pada manusia yang dinyatakan, lebih manusia itu jadi apa pula? ...*[Ketawa]* Yang Berhormat cakap tadi Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Yang di-Pertua: Itu tidak boleh minta penjelasan, sebab yang berucap itu sana.

Tuan Ismail Kassim: Minta laluan Tuan Yang di-Pertua. Boleh?

Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad: Sila-sila.

Tuan Ismail Kassim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad. Saya sebenarnya masih berpegang apa yang dibawa oleh sahabat saya Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee kerana saya ingin penjelasan Yang Berhormat Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad, kerana kejayaan yang dicapai oleh segelintir sahaja bukan mencerminkan pencapaian keseluruhannya. Mungkin Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad berjaya, tetapi ada kala kita lihat secara keseluruhannya pada masa dahulu, apabila ibu-ibu tidak bekerja, ternyata masalah ini tidak berlaku. Kerana tanggungjawab mencari nafkah ini terpikul di bahu bapa sepenuhnya. Jadi, saya masih berpegang apa yang Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee katakan, apa pandangan Yang Berhormat?

Tuan Yang di-Pertua: Ini ialah saya beri sumbangan, sub isu, isu kecil di sini

Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad: Yang Berhormat....

Tuan Yang di-Pertua: Biar pun satu daripada faktor-faktornya ialah *parenting*....

Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad: Yes, saya setuju.

Tuan Yang di-Pertua:.... Tetapi kaum lelaki jangan lupa, *parenting* jangan dibebankan semata-mata kepada *mothering*.

Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad: Betul Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya baru hendak sebut tadi Tuan Yang di-Pertua, sebab saya pernah bercakap pada Yang Berhormat Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi, dia berkata kalau isteri bekerja, inilah puncanya masalah sosial. Dia lupa wanita ini pandai, pandai mengatur masa. Kami tahu tanggungjawab kami. Cuma hendak bantu si suami ini tidak membantu. Lepas itu tinggalkan pula bergantung tanpa bertali, tinggalkan pula.....

Tuan Yang di-Pertua: Okey, cukuplah.

Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad:tidak ada nafkah.

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah Yang Berhormat, maka soalnya apa yang kita boleh peruntukan dalam bajet ini yang boleh memperbaiki keadaan.

Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad: Okay Tuan Yang di-Pertua. Yang sebab itu, saya minta cadangan saya itu dan saya setuju memang *parenting* itu memang daripada dahulu. Kita kata memang ibu bapa, bermula daripada kecil, dilahirkan ibu bapalah yang bertanggungjawab untuk menjaga anak-anak itu. Tetapi, kadang-kadang-kita sebagai pemimpin masyarakat kita jangan lupa, kita pun sama kena tolong. Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya hendak pergi sini sedikit, bab *Ah Long*. Kalau kita dengarkan macam-macam cerita. Tetapi, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada IGP yang baru yang saya ingat begitu cepat telah menubuhkan satu jawatankuasa khas yang menangani kemelut pemberi hutang ini.

Saya tidak tahu Tuan Yang di-Pertua, rupanya kerajaan tempatan ini ada mengeluarkan lesen-lesen *money lender*. Bermakna *money lender* pun ada, ceti pun ada dan juga *Ah Long* pun ada dan bank pun ada. Boleh tidak sekiranya saya minta statistik berapa orang yang dapat lesen *money lender* ini, berapa orang. Lepas itu yang keduanya *Ah Long* kita haramkan, tetapi kalau tengok di mana-mana tiang lampu, tiang kita punya pagar-pagar semua ditampal sehingga hantar di rumah pun Koperasi, sila telefon orang ini. Tetapi, saya pun faham, saya pernah bertanya dengan seseorang yang memegang kuasa di DBKL, saya kata kenapa *you all* tidak *trace* ada nombor, dia kata susah. Sebab sekarang belum didaftarkan.

Pra bayar belum didaftarkan. Kita doalah insya-Allah *target* kita berapa, 5hb ini, semua pra bayar kena *register*, kita doakan cuma kita minta kementerian ambil tindakan, apa tindakan yang akan diambil sekiranya pra bayar yang pakai telefon ini dia orang masih lagi tidak *register*. Sebab Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sebut tentang *register* ini, SMS ini terjadi kepada kawan saya, tetapi biarlah contoh senang. Kalau saya kata kawan saya, kawan saya, susah. Contohnya katalah saya. Dua hari lagi hendak Hari Raya, kawan saya ini terima SMS.

Seronok dapat orang ucap Selamat Hari raya, seronok. Tiba-tiba satu SMS mengatakan satu perkataan yang tidak elok, *I don't need your advice*. Dia agak terkejut, dia tidak *advice* sesiapa.

Jadi, dia telefon balik nombor itu. Jawablah hamba Allah di situ seorang Micheal Lee dia pun terkejut, dua-dua orang terkejut, dia tidak tahu, dia tidak pernah kenal antara satu sama lain. Jadi, apabila SMS itu dia kata mengganggu dia, sebab itu dia kata, *I don't need your advice*. Jadi, kawan saya kata *why don't both of us pergi report I have the police report*. So, pergi *report* dua-dua pergi *report*.

Selepas Hari Raya kawan saya pergi bercuti dengan kawan-kawan dia, katalah macam saya pergi bercuti dengan kawan-kawan, tiba-tiba dapat lagi satu SMS yang agak kurang senang yang mengatakan *free sex*. Sebab SMS itu berbunyi, ' *aunty, what's the meaning of free sex?*'. So apabila dia telefon balik, rupanya nombor telefon itu *belongs to one of his son*, dengan izin kawan kepada anak dia, yang sudah bekerja yang sudah dewasa. Jadi, dia syak ada kena mengena dengan SMS yang pertama, jadi dia memberitahu kawan itu anak itu, jangan *delete*, tolong pergi *report* polis, *aunty boleh explain to you later*. So, apabila dia balik dari *overseas*, dia *explain* ke anak itu, dia tanya kepada anak itu, bila dapat SMS ini?

Agak-agak *the same time*, dengan izin, masa yang sama masa dia terima SMS yang pertama. Jadi, apabila itu berlaku, dia kata boleh tidak bagi tahu, itukah SMS yang pertama yang anak itu terima? Dia kata tidak, itu SMS yang kedua. Apa rupanya SMS yang pertama? So, anak itu berkata SMS yang pertama itu adalah gambar-gambar lucah dan di *delete*, dia ingat dia kata *aunty* tertekan, dia *delete*. So, apabila dia terima SMS yang kedua mengatakan *free sex*, dia kata *no, something wrong somewhere*. So, itu dia telefon kawan saya itu sendiri. Jadi, kawan saya itu rupanya banyak SMS lain yang dapat dari kawan, ada terima *email* sedangkan dia sendiri tidak tahu macam mana hendak guna *email*.

Selepas itu dia telefon *Celcom*, dia tanya dia kata apa sudah berlaku? Jadi *Celcom* kata virus. Pergi ke kedai, bayar RM10 atau RM20, taruk *anti-virus* dan kawan saya ini suruh anak dia pergi, RM40 *anti-virus*. Tetapi, sekarang yang menjadi dalam pemikiran saya apa akan jadi jika SMS itu berunsur hasutan? Seperti Datuk Azahar Mansor, nyalah itu. Polis akan *remand* sahaja, sedangkan SMS itu tidak pernah digunakan. Itu yang sebenar maksud saya tanya soalan itu, mungkin Yang Berhormat Dato' Shaziman bin Abu Mansor tidak..., tetapi saya sudah *explain* kat dia. So, dia minta saya bawa *police report* insya-Allah dia kata dia akan cuba. Tetapi, pada saya kita sudah terlalu canggih, *surely they must do some R&D* untuk ini. Saya pun tidak faham, ini boleh jadi satu cerita yang boleh menganiaya orang. Tidak pasal-pasal orang yang tidak berdosa akan teraniaya.

Lepas itu, saya difahamkan Datuk Armani binti Haji Mahiruddin dapat SMS yang serupa. Orang lain gunakan *number* dia SMS kononnya dia SMS pada orang lain. Tetapi, dia tidak pernah buat begitu. Jadi, itu Tuan Yang di-Pertua saya mintalah pihak yang bertanggungjawab untuk memberi penjelasan apakah kalau perlu kata kita semua kena taruk *anti-device* dalam telefon kita,

please make announcement supaya jangan ada benda-benda yang kurang baik berlaku. Tuan Yang di-Pertua.....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat boleh simpulkan.

Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad: *Okay*, Tuan Yang di-Pertua, yang ini juga saya ada bukti-buktinya di mana seorang kawan minta saya sampaikan di Dewan yang mulia ini. Sekarang kalau kita tengok di mana-mana kita dapat *abandon project* dan kerajaan terpaksa masuk campur menolong demi rakyat. Kerajaan kita senantiasa prihatin sebab rakyat ini. Jadi, rakyat ini Tuan Yang di-Pertua, kawan saya beli rumah di Puchong sudah duduk selama tiga tahun. Tetapi, dia terfikir kenapa *assessment* dia masih lagi dibayar kepada pemaju? Apabila dia *check* dengan PTG, patut dia bayar kepada PTG. Rupanya blok *title* itu belum dipecahkan sebagai individual *tittle*. Untuk *developer* untuk hantar ke PTG hendak pecahkan *individual tittle* itu kena bayar duit. Jadi, ini kita takut di mana PTG kata sekiranya kawan saya tidak pasti sama ada empat tahun lima tahun, tetapi dia duduk tiga tahun.

PTG ada hak sekiranya *developer* ini tidak bayar, tidak pecah *title*, boleh *seal* rumah itu. Sebelum sesuatu perkara, saya mintalah kerajaan tempatan untuk menjawab ini. Tuan Yang di-Pertua, *last* sekali saya janji Tuan Yang di-Pertua ini sebab wanita yang Yang Berhormat Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee kata tadi. Suruh wanita jaga rumah, jaga *baby support* lah cuti bersalin itu. Bangunlah kita minta daripada 60 hari kepada 84 hari. Sedang negara-negara lain sudah bagi sampai 90 hari. Itulah masa kecil kita boleh biarlah sampai 90 hari supaya anak itu dipeluk dengan kasih sayang menyusukan susu badan. Jadi, apabila dia balik bermakna tidaklah dalam umur semuda kita sudah serahkan kepada bibi. Itu yang kalau kita tanya, "Ibu ada?" "Ngak!" Dia kata. So, kita tidak bolehlah salahkan sesiapa.

Oleh itu, saya mintalah kaum bapa di sini sokonglah cuti bersalin itu. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dengan ini saya ingin menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Saya dapat perhatikan Yang Berhormat guna pendekatan teknik atau strategi untuk bentang anekdot atau cerita sebagai cara ketengahan isu. Cara ini cukup berkesan dan cukup menarik, cuma kadang-kadang terlalu banyak anekdot sehingga isu pun tenggelam.

Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya akan cuba memperbetulkan.

Tuan Yang di-Pertua: Tuan M. Munusamy.

4.43 ptg.

Tuan M. Munusamy: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian bersama dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2007.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang membentangkan satu bajet yang telah mengambil kira banyak aspek. Boleh dikatakan *people's budget* atau bajet rakyat dengan lima teras dengan objektif untuk memastikan misi nasional diterjemahkan kepada program dan projek yang dapat dilaksanakan segera dan dengan lebih berkesan. Saya ingin mengutarakan beberapa perkara Tuan Yang di-Pertua.

Saya minta pihak kerajaan untuk mengkaji semula pencen kakitangan perkhidmatan awam supaya tidak di bawah paras kemiskinan. Jumlah pencen yang akan diperoleh oleh seorang pegawai dan kakitangan awam itu tidak di bawah paras kemiskinan. Contohnya seorang pekerja am rendah gaji terakhir ialah RM752 seseorang itu akan mendapat ganjaran RM16,929 sekiranya dia telah memberikan perkhidmatan selama 25 tahun dan pencen dalam masa 20 tahun sebanyak RM90,288 iaitu kira-kira lebih kurang RM376 sebulan.

Bagi Pembantu Tadbir yang menerima gaji RM1,500 dia mendapat ganjaran RM33,800 dan pencen selama 20 tahun sebanyak RM180,320 iaitu kira-kira RM751 sebulan. Ini bermakna bahawa kalau gaji akhir atau gaji pada umur persaraan ialah lebih kurang RM700 ini bermakna penerimaan pencen adalah di bawah paras kemiskinan dan sudah tentu ini tidak membantu untuk mereka ini membina dan membangunkan kehidupan keluarga yang lebih selesa dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, pada hari ini ada ratusan ribu rakyat Malaysia dari golongan pesara dan warga tua yang mendapat hidup selepas persaraan adalah begitu dibebani oleh pelbagai masalah. Mereka kena berjuang dengan lebih keras untuk terus hidup dengan duit pencen yang tidak dapat menampung taraf hidup yang semakin tinggi. Adakah kerajaan sedar berapa ramai pesara ini menerima pencen yang di bawah paras garis kemiskinan iaitu RM460.

Saya mahu menyeru kerajaan untuk ulang kaji sistem pembayaran pencen kepada para pesara dan tanggungan mereka. Bagi saya skim gaji dan skim pencen ini harus diselaraskan dan dikaji semula supaya memastikan pencen yang akan diterima oleh pegawai dan kakitangan perkhidmatan awam termasuk juga mereka yang duduk dalam pasukan keselamatan angkatan tentera dan juga polis. Kita tidak lupa angkatan tentera.

Tadi Yang Berhormat Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani pula berkata ahli-ahli Dewan haruslah menyuarakan perkara-perkara yang berkaitan dengan angkatan tentera. Memang kita akan terus menyuarakan. Janganlah bimbang. Apa yang kita harapkan ialah mereka menerima imbuhan pencen itu ataupun pendapatan bulanan mereka itu melebihi daripada paras kemiskinan. Umpamanya kalau kita boleh berikan sekurang-kurangnya RM600 ataupun mana yang lebih tinggi kepada pegawai dan kakitangan kerajaan perkhidmatan awam.

Tuan Yang di-Pertua, Akta Pencen yang diluluskan pada tahun 2001 telah melanjutkan umur persaraan wajib daripada umur 55 tahun kepada umur 56 tahun. Asas-asas lanjutan umur persaraan ini antara lain ialah disebut kerana meningkatkan taraf kesihatan dan kenaikan jangka

hayat penduduk Malaysia. Asas-asas yang lain juga ialah kerana untuk mengekalkan kepakaran dan juga kemahiran pegawai-pegawai yang terlatih serta untuk menjimatkan kos latihan yang dibuat ke atas pegawai-pegawai baru yang akan diambil. Kemudian juga ialah penjimatan pembayaran pencen dan penangguhan pembayaran ganjaran.

Ini merupakan asas-asas untuk kerajaan mengambil tindakan-tindakan untuk memastikan supaya lanjutan umur persaraan ini dibuat. Bagi saya bahawa asas ini saya kira cukup kuat untuk kerajaan bukan sahaja untuk melanjutkan umur persaraan daripada 55 hingga 56 tapi lebih daripada itu mungkin sampai 60 atau 65 tahun. Kita masih ketinggalan berbanding dengan negara-negara lain. Contohnya negara-negara ASEAN umpamanya seperti Singapura umur persaraan 60 tahun, Filipina 60 tahun, Thailand 60, Vietnam 60 tahun bagi lelaki dan 55 tahun bagi wanita. Ini bermakna kita masih lagi ketinggalan dan maka sudah tiba masa dengan jangka hayat kita telah mula meningkat maka kita perlu meningkatkan umur persaraan.

Tuan Yang di-Pertua, jikalau kita ambil kira semua faktor yang dikatakan tadi, pelanjutan umur bersara untuk satu tahun sahaja adalah tidak munasabah. Jikalau kita hendak mencapai matlamat pengekalan kepakaran pegawai terlatih dan berpengalaman seperti yang dikatakan. Umur persaraan bagi perkhidmatan awam yang ditetapkan pada 55 tahun di Malaysia adalah diperkenalkan oleh penjajah British pada tahun 50-an dan sistem ini adalah ketinggalan zaman pada alaf baru ini dan perlanjutan umur persaraan adalah satu isu yang sering diketengahkan kerana di Malaysia umur persaraan adalah jauh lebih muda berbanding dengan amalan lazim di seluruh dunia.

Umur bersara wajib rata-rata melebihi 65 tahun. Maka mereka tidak perlu lagi mencari kerja tetap selepas bersara. Wang pencen sudah mencukupi untuk menyara hari tua. Tambahan pula mereka menerima gratuity dan pelbagai sumber kewangan lain. Ketika umur seumpama itu anak-anak semuanya sudah bekerja. Mereka tidak perlu lagi memikirkan wang untuk anak-anak belajar di universiti manakala hutang rumah pula telah lama selesai. Kalau sakit pergi ke hospital dan insurans kesihatan menjamin mereka mendapat rawatan perubatan yang baik.

Tuan Yang di-Pertua, Perlembagaan Persekutuan telah menetapkan sejak merdeka bahawa hakim hanya wajib bersara pada umur 65 tahun. Sekiranya hakim boleh bekerja sampai 65 tahun, tidak ada sebab mengapa pegawai-pegawai perkhidmatan awam yang lain tidak boleh berfungsi secara berkesan sampai umur 60 tahun. Walaupun kerajaan telah bersetuju untuk melanjutkan umur persaraan kepada 56 tahun ini masih tidak dapat memenuhi tuntutan kesatuan-kesatuan sekerja seperti CUEPACS yang ingin melihat umur persaraan dinaikkan kepada 56 hingga 60 tahun. Jadi saya menyeru pihak kerajaan terus mengkaji isu perlanjutan umur ini kerana satu isu yang sangat penting dari segi menyumbang kepada pembangunan sumber manusia yang cemerlang dan juga meningkatkan prestasi dan mutu perkhidmatan awam kepada rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah mencadangkan insentif cukai sebanyak 7% diberikan kepada syarikat awam tersenarai iaitu PLC, yang melaksanakan tanggungjawab sosial korporat dengan menyumbang kepada pertubuhan kebajikan serta aktiviti sukan. Ketika Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi membentangkan Bajet 2007, pada masa ini syarikat yang memberi sumbangan dalam bentuk wang bagi tujuan kebajikan sahaja diberi potongan cukai sehingga 5% daripada pendapatan agregat syarikat di bawah seksyen 44(6) Akta Cukai Pendapatan 1967 di Parlimen.

Selain itu, kata beliau PLC juga perlu menzahirkan pencapaian tanggungjawab sosial bagi menarik lebih banyak pelabur terutamanya dari institusi-institusi besar dari dalam dan luar negara. PLC yang mengamalkan CSR sudah tentu menarik lebih banyak pelabur terutama pelabur institusi besar seperti dana pencen dari dalam dan luar negara. Contoh PLC yang harus menjadi teladan ialah Yayasan Al-Bukhari. Yayasan Al-Bukhari akan meneruskan pembangunan fasa kedua Kompleks Al-Bukhari bagi meningkatkan kemudahan pembangunan masyarakat.

Pembinaan pembabitian kos melebihi RM429 juta itu merupakan sebahagian usaha Yayasan itu memberi kemudahan meliputi keagamaan, sosial, pendidikan serta kesihatan kepada masyarakat khususnya yang kurang berkemampuan. Sebelum ini fasa pertama pembinaan Kompleks Al-Bukhari siap pada tahun 2002, meliputi kawasan seluas 11 hektar dengan kos melebihi RM103 juta. Kompleks yang merupakan hasil cetusan pengasas Yayasan Al-Bukhari Tan Sri Syed Mokhtar Al-Bukhari itu, meliputi pembinaan kemudahan masjid, pusat rawatan, kemudahan penginapan asrama anak yatim serta pusat pengajian untuk warga emas. Dalam pada itu kenyataan itu diberitahu pelaksanaan kompleks tersebut bukan hanya dilihat sebagai binaan semata-mata tetapi dijangka akan menjadi salah sebuah pusat kecemerlangan masyarakat pada masa depan.

Tuan Yang di-Pertua, banyak pihak yang merasakan hubungan etnik masih lagi rapuh dalam dimensi tertentu. Oleh itu, usaha mengukuhkan hubungan antara etnik secara holistik adalah amat mencabar. Gagasan.....

Tuan Yang di-Pertua: Cuba ulangi ungkapan itu. Hubungan etnik masih lagi rapuh dalam dimensi.....

Tuan M. Munusamy: Dimensi-dimensi tertentu. Oleh itu, usaha mengukuhkan hubungan antara etnik secara holistik adalah amat mencabar. Gagasan retorik dan simbolik semata-mata hanya akan menghasilkan impak yang superfisial sahaja. Pelan tindakan memupuk dan memperkasa hubungan antara etnik harus bersandarkan teras yang telah dibina oleh arkitek negara yang terdahulu iaitu Rukun Negara dan Perlembagaan Persekutuan. Ini adalah kerana iltizam masyarakat yang berteraskan Rukun Negara dan semangat Perlembagaan mampu membentuk masyarakat yang utuh moralnya, kental kerohaniannya, mantap emosi dan mentalnya dan gagah fizikalnya.

Natijahnya ialah masyarakat yang memiliki sifat-sifat sedemikian akan mampu mewujudkan hubungan harmoni antara satu sama lain dalam ikatan perpaduan. Matlamat ini tidak akan tercapai sekiranya asas-asas fizikalnya tidak dilengkapi terlebih dahulu. Antara aspek-aspek fizikal yang mendasari binaan hubungan antara etnik ialah:-

- i) memperbetulkan kedudukan sosial ekonomi masyarakat agar ia menjadi lebih seimbang. Masyarakat yang seimbang akan mempermudah jalinan kerjasama;
- ii) melalui pendidikan pihak kerajaan perlu menyerapkan pembelajaran kontrak sosial dalam kurikulum di semua peringkat pengajian. Disebabkan kurang penekanan aspek-aspek kontrak sosial dalam kurikulum pembelajaran sekarang, maka kesefahaman yang wujud sekarang adalah tidak mendalam. Aspek kontrak sosial yang perlu ditekan ialah dari segi kesejarahan khususnya persetujuan yang telah dicapai semasa tuntutan kemerdekaan sebagai mana semangat yang termaktub dalam Perlembagaan sekarang; dan
- iii) media perlu bertindak memaparkan program yang dapat memupuk perpaduan etnik. Pihak media perlu mendedahkan kepada semua masyarakat akan kepentingan menjaga sensitiviti setiap etnik supaya keharmonian hubungan etnik dapat dikekalkan secara berterusan. Sehubungan dengan itu, media arus perdana iaitu media elektronik dan media cetak yang menjadi tatapan umum harus memperuntukkan ruang yang strategik bagi mempromosikan agenda perpaduan ini. Tanpa perpaduan yang utuh antara kaum dalam negara kita segala pembentuk perancang pembangunan adalah sia-sia sahaja.

Oleh itu, saya meminta pihak kerajaan dan kementerian berkenaan supaya memantau program-program jangka pendek dan jangka panjang dan memastikan bahawa program-program ini mencapai objektif yang ditetapkan dan aspek perpaduan dan integrasi kaum dapat diwujudkan bukan sahaja secara sikap tetapi juga dari hati manusia.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi adalah perkara berkaitan dengan *Ah Long* yang telah diutarakan oleh Yang Berhormat Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad tadi.

Boleh dikatakan setiap daripada kita ingin mencapai tahap kebebasan kewangan iaitu *financial freedom*, dengan izin. Namun ramai pula sering terperangkap dalam kitar kewangan tanpa kesudahan apabila saban bulan semua duit gaji yang diterima habis digunakan bagi membayar keperluan isi rumah dan menjelaskan hutang tertunggak. Keadaan sedemikian berupa dengan syarat-syarat pinjaman peribadi yang terlalu ketat dikenakan oleh hampir keseluruhan bank-bank tempatan yang ada membolehkan *Ah Long-Ah Long* bermaharajalela. Masyarakat pastinya berasa

tidak selamat dalam keadaan *Ah Long* boleh bertindak di luar undang-undang ke atas bukan sahaja peminjam wang itu tetapi juga ahli-ahli keluarga mereka. Kegiatan *Ah Long* seperti mengugut, mencedera malah sehingga sanggup membunuh terhadap peminjam yang gagal membayar pinjaman haruslah dihentikan sama sekali.

Masalah *Ah Long* itu perlu ditangani dan diperangi sebagaimana ditangani serta diperangi kumpulan-kumpulan penjenayah yang melakukan pelbagai keganasan yang mengganggu ketenteraman awam termasuk pengedar dadah. Inisiatif Polis Diraja Malaysia menubuhkan Jawatankuasa Kecil Pinjaman Wang bagi memantau kegiatan *Ah Long* dan pinjaman wang daripada *Ah Long* oleh orang ramai adalah merupakan satu tindakan yang tepat, wajar dan bijak oleh PDRM. Saya ucap tahniah dan terima kasih.

Saya di sini ingin mencadangkan supaya institusi-institusi kewangan atas arahan pihak Bank Negara dapat memberi sedikit kelonggaran atau memudahkan pemberian pinjaman kepada individu-individu yang telah terlibat dengan *Ah Long* ini agar dapat melunaskan hutang mereka melalui penubuhan satu tabung khusus untuk golongan sedemikian. Kalau kerajaan menggesa syarikat-syarikat swasta untuk menjalankan tanggungjawab sosial korporat mereka, saya rasa pihak bank juga harus digesa untuk menjalankan tanggungjawab mereka.

Tuan Yang di-Pertua, keprihatinan kerajaan dalam usaha meningkatkan kecemerlangan pendidikan dapat dilihat ketika seramai 180 lulusan cemerlang Sijil Pelajaran Malaysia 2004 diraikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita dalam satu majlis jamuan tengah hari yang turut disertai oleh pelajar-pelajar terbaik. Pelajar terbaik Nur Amalina Che Bakri yang memperoleh 17'A1. Penganjuran majlis ini yang dihadiri oleh pemimpin negara membuktikan bahawa iltizam kerajaan terhadap pelajar mencatat kecemerlangan di dalam bidang akademik. Dalam bajet, kerajaan akan memberi biasiswa bagi pelajar-pelajar dari keluarga miskin yang mencapai 10A1 dalam SPM atau setarafnya secara automatik. Ini akan menjadi inisiatif yang sudah pasti akan menjadi rebutan pelajar. Adalah sama sekali tidak adil pelajar cemerlang tidak mendapat sebarang bentuk bantuan daripada kerajaan.

Cuma yang saya harap Tuan Yang di-Pertua, bahawa semua pelajar tidak kira kaum yang mencapai kecemerlangan ini diberi peluang ini. Kadangkala pelajar-pelajar khasnya pelajar-pelajar India telah merayu ataupun telah mengadu kepada kita bahawa mereka yang dapat kecemerlangan ini apabila memohon biasiswa, ditolak dan perlu membuat rayuan. Mereka perlu membuat rayuan untuk melanjutkan kursusnya, kadangkala mereka tidak dapat kursus yang mereka boleh pohon. Mereka dipaksa mengambil kursus-kursus yang ditentukan oleh institusi-institusi tinggi. Oleh itu, saya meminta pihak kerajaan supaya memberi mereka peluang yang sama seperti kaum-kaum yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara sahaja. Selepas mengambil alih pucuk pimpinan negara lebih tiga tahun yang lalu, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita antara lain berjanji

untuk memerangi rasuah dan memperbaiki sistem penyampaian iaitu *delivery system*. Tindakan susulan yang beliau ambil kemudian cukup konsisten dengan janji itu. Ini termasuk pembentukan Suruhanjaya Diraja bagi penambahbaikan perkhidmatan Polis Diraja Malaysia, penubuhan institusi integriti nasional dan pengenalan Pelan Integrasi Nasional. Kerajaan mengambil langkah menambah baik sistem penyampaiannya bagi memastikan perkhidmatan cekap dan berkualiti yang mampu meningkatkan pandangan rakyat ke atas jentera kerajaan. Antara lain, kerajaan mewujudkan Pejabat Perkhidmatan Pelanggan dan Pusat Sehati.

Portal Perkhidmatan Awam menyeluruh dengan penggunaan teknologi komunikasi maklumat ICT bagi memperluaskan pencapaian perkhidmatan untuk orang ramai selain meningkatkan masa bertindak. Satu agensi penting ialah Biro Pengaduan Awam. Fungsi Biro Pengaduan Awam akan ditingkatkan bagi membolehkannya menjadi pelaksana sistem penyampaian perkhidmatan awam yang lebih berkesan terutamanya dalam mengendalikan aduan orang ramai terhadap jabatan kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, peningkatan ini adalah sejajar dengan aspirasi negara ke arah pengurusan perkhidmatan awam yang lebih telus, *accountability*, berintegriti, beretika dan mesra pelanggan. Biro Pengaduan Awam haruslah diperkasakan dalam memastikan keberkesanan sebagai penyelaras serta pemantau berkesan agensi kerajaan dalam memberikan perkhidmatan kepada orang ramai telah banyak menyelesaikan karenah birokrasi di kalangan agensi dan jabatan kerajaan terlibat.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, masih ada lima minit untuk Yang Berhormat simpulkan.

Tuan M. Munusamy: Saya cuma minta tiga minit sahaja lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Tidak perlu minta, lima minit itu hak Yang Berhormat, tidak perlu minta.

Tuan M. Munusamy: Ya, terima kasih. Melalui Pekeliling Kemajuan Perkhidmatan Awam Bil. 4, 1992 menyatakan bahawa setiap agensi dan jabatan kerajaan telah dimestikan menyediakan piagam pelanggan masing-masing mengenai penyelesaian aduan awam meliputi tatacara, tindakan, masa yang diambil, tindakan susulan, penyelesaian aduan serta tindakan pembedahan bagi memastikan aduan yang serupa tidak berulang lagi. Pematuhan kepada PKPK ini oleh setiap agensi dan jabatan kerajaan mesti didedahkan.

Kepincangan dan kekurangan pelaksanaan serta sebab-sebab kegagalan agensi di jabatan kerajaan pelaksanaan ini, itu juga harus dimaklumkan. Sudah tiba masanya semua jentera kerajaan menjalankan peranan mereka sebaik mungkin dan juga harus sedar mereka berkhidmat untuk rakyat. Dengan pelancaran *Public Opinion Poll* di bawah BPA merupakan satu lagi langkah penting yang akan membolehkan rakyat menyuarakan ketidakpuasan mereka mengenai mana-mana

jabatan. Secara langsung kemudahan ini membolehkan biro tersebut setapak lagi ke arah pembaikan sistem penyampaian iaitu *delivery system*.

Terima kasih, dengan ini saya menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, saya berhadapan dengan sesuatu yang mungkin mustahil. Dalam senarai giliran berucap selepas ini ialah Datuk Yaakob bin Haji Mohammad, Puan Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain, Datuk Haji Roslan bin Awang Chik, Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed, Puan Siw Chun a/p Eam, Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad dan Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain. Bermakna seterusnya ialah Datuk Yaakob bin Haji Mohammad yang tidak hadir, maka sah dan saya berhak memanggil Puan Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain, beliau pula beri laluan kepada Datuk Haji Roslan bin Awang Chik. Jadi saya tidak dapat melayan permintaan Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad dan Puan Siw Chun a/p Eam untuk berucap hari ini juga. Jadi saya boleh beri peluang berucap tetapi saya tidak boleh beri peluang berucap pada masa yang ditetapkan oleh Yang Berhormat. Terima kasih. Silakan Datuk Haji Roslan bin Awang Chik. Sebenarnya saya tidak perlu terangkan semua itu, tapi demi memelihara silaturahim, saya terangkan.

5.10 ptg.

Datuk Haji Roslan bin Awang Chik: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahhi Rahmani Rahim*. Saya merakamkan setinggi terima kasih kepada Yang Berhormat Tan Sri kerana mengizinkan saya turut serta di dalam membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan ini untuk diluluskan dalam sesi kali ini.

Saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan I di dalam belanjawan ini yang begitu prihatin, saksama dan wajar. Tahniah juga diberikan kepada Yang Berhormat Tan Sri Nor Mohamed Yakcop, Menteri Kewangan II yang dilantik semula walaupun masih lagi belum habis sebagai senator untuk meneruskan perkukuhkan ekonomi negara kita ini yang telah dipercayai oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Kedua, tahniah juga kepada Yang Berhormat Tan Sri kerana dapat membentangkan rang undang-undang ini pada pagi semalam.

Saya juga turut mendapati bahawa di dalam rang undang-undang ini, pendekatan yang dibawa oleh pihak kerajaan ialah untuk membelanjakan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan yang mana kalau kita lihat pada tahun 2004, defisit negara telah mencapai kepada tahap 5.3%. Dengan cara pentadbiran wang, pihak kerajaan telah pun mengurangkan pada tahun 2005 kepada 4.4%, pada tahun 2006 sehingga 3.5% defisit kita dan insya-Allah pada tahun 2007 dijangkakan kepada 3.3%. Cara seperti ini ataupun pendekatan seperti ini sudah tentu bermaknanya pendekatan yang diambil oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ialah supaya kita dapat membelanjakan duit yang kita ada tanpa berhutang dengan orang-orang yang lain. Saya jangka ini merupakan satu pendekatan yang baru ataupun mengikut cara-cara lunas Islam Hadhari.

Saya tidak mahu pergi jauh kepada satu persatu. Hanya dua, tiga buah ataupun kementerian sahaja yang ingin saya sentuh secara sepintas lalu dan insya-Allah mungkin dapat disiapkan dalam masa petang ini juga.

Yang pertama sekali ialah Kementerian Pelajaran. Di bawah Kementerian Pelajaran sebagaimana yang diumumkan semalam bahawa 198 buah sekolah yang akan ditawarkan pada tahun hadapan merupakan satu pendekatan ataupun satu perbelanjaan yang begitu besar melebihi daripada RM1 bilion. Apa yang diharapkan di sini ialah pengagihan sekolah-sekolah ini supaya ianya dapat digunakan dengan lebih cepat lagi. Apa yang juga kita kehendaki bahawa pengagihan dan perbelanjaan sekolah-sekolah ini biarlah saksama di seluruh negara kita Malaysia ini. Kita juga ingin melihat bahawa Kementerian Pelajaran ini memantau supaya tidak ada ketirisan sebagaimana yang sering dikatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang mana beliau begitu kecewa dan begitu berasa hati apabila tender ataupun kerja-kerja ataupun lesen yang telah diberi itu dengan sewenang-wenangnya diberi kepada orang hanya mengambil komisen sahaja. Kita juga tidak mahu ianya terjadi sebagaimana berlaku dalam sejarah Kementerian Pelajaran ini iaitu semacam *computer lab* yang berlaku pada dua tiga tahun yang lepas.

Kepada Kementerian Kerja Raya yang telah diperuntukkan sejumlah hampir-hampir RM5 bilion perbelanjaan di dalam Belanjawan Pengurusan Pembangunan. Saya yakin dengan pengendalian Jabatan Kerja Raya, di mana tempatnya kontraktor-kontraktor Melayu khususnya kontraktor-kontraktor bumiputera dapat belajar.

Inilah tempat yang dikatakan boleh kita melatih kontraktor-kontraktor ini supaya menjadi lebih pandai pada masa-masa yang akan datang. Oleh kerana JKR ini lebih mesra kepada dan lebih memberikan tunjuk ajar maka saya jangka JKR ini akan memberi masa untuk mereka belajar dengan lebih dekat lagi. Apatah lagi dengan cara yang ada sekarang ini cara-cara mengendalikan kerja-kerja kontrak ini jauh lebih susah daripada 10-15 tahun yang lepas. Dalam erti kata ianya lebih *sophisticated*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua.

Dua perkara yang ingin saya sentuh di dalam kementerian ini ialah yang pertama sekali ialah cara tawaran yang diberi sekarang. Baru-baru ini pihak kementerian telah menawarkan 39 buah projek di mana projek-projek ini lebih daripada 70% adalah *design and build*, dengan izin. Dan pada iklan yang telah diberi dalam *design and build* ini terdapat jumlah kontrak-kontrak yang begitu besar. Apa yang saya melihat di sini ialah kehendak kerajaan untuk menggunakan kerja-kerja ini ialah pada bulan Mac tahun 2007. Di dalam menawarkan kerja-kerja ini, kita nampak bahawa pihak kerajaan akan membelanjakan duit ini tetapi perbelanjaan ini akan hanya di belanja selepas daripada bulan Mac iaitu selepas tawaran telah diberi.

Yang menjadi masalah di sini ialah tiap-tiap satu tender untuk memasuki satu tender kepada kontraktor kelas A tidak kurang daripada RM100,000 untuk menyertai *design and build*. Satu-satu projek katakan 70 kontraktor yang masuk dalam erti kata RM7 *million* satu projek itu akan

dibelanjakan oleh pihak kontraktor termasuk konsultan yang terpaksa dilantik oleh 70 buah orang kontraktor. Apalah salahnya kalau kerajaan sendiri mengambil oleh kerana daripada satu buah projek ini 70 yang menyertai hanya satu sahaja yang berjaya. Ambillah peluang ini pihak kerajaan untuk mengambil tanggungjawab ini kerana akan digunakan pada bulan Mac tahun depan. Gunalah satu *consultant* sahaja bayarlah kepada *consultant* ini dan kontraktor bolehlah memasuki tender ini 70 orang tanpa bayaran RM100,000 kepada tiap-tiap kontraktor. Ini juga boleh menjimatkan juga *consultant-consultant* khususnya tidak perlu pergi membelanjakan duit-duit yang tidak akan mendatangkan hasil apabila ianya tidak mendapat kerja-kerja ini.

Kedua ialah dari segi tenaga kerja mahir. Dengan tidak ada minatnya tenaga belia-belia ini untuk menyertai dalam industri pembinaan ini. Mengikut kajian yang telah dibuat oleh CIDB kita melihat bahawa penghijrahan pekerja-pekerja mahir ini ke luar negara begitu ramai dan juga kurang datang balik. Apa yang lebih menakutkan dari segi *age group* dengan izin, iaitu orang-orang yang bekerja dalam industri pembinaan ini tidak ada dalam *age group* 30 ke 40 umurnya. Apabila ini berlaku bermaknanya dalam masa yang 10, 15 tahun yang akan datang kita akan ada satu *vacuum*, dengan izin, iaitu *vacuum* tenaga kerja yang langsung tidak ada dalam negara kita. Dalam erti kata matlamat kerajaan untuk menghapuskan ataupun mengurangkan pekerja-pekerja asing sudah tentu tidak akan tercapai.

Oleh yang demikian apakah yang perlu kita cari jalan untuk menyelesaikan masalah ini saya percaya pihak JKR akan lebih memahami untuk mengatasi masalah *age group* yang sekarang ini akan pupus di dalam industri.

Seterusnya kementerian yang ingin saya lanjutkan ialah kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna. Cara pihak kerajaan untuk menggalakkan bumiputera berkecimpung di dalam industri ataupun berkecimpung di dalam perusahaan-perusahaan seperti petrol *kiosk* amatlah baik. Kita melihat di seluruh sepanjang perjalanan *highway* dan sebagainya lebuhraya banyak petrol *kiosk*, pam-pam stesen ini dipunyai oleh *Petronas*, *Shell* dan sebagainya memberi satu khidmat yang begitu baik. Ada surau, ada tempat untuk berehat dan sebagainya untuk menghilangkan haus dan juga tidak kurang juga membuka kedai-kedai. Contoh sekarang ini dari segi trend yang dibawa oleh peniaga-peniaga ini ialah jualan barang-barang tempatan yang telah dihasilkan oleh industri-industri kampung.

Saya melihat banyak barang-barang yang telah dijual di situ dan kini telah meningkat pengeluaran daripada pihak di peringkat kampung barang-barang tempatan seperti barang-barang *crackers* ataupun *tit-bits*, dengan izin. Apa yang lebih menakutkan saya ialah harga di situ langsung tidak ada kawalan. Harga di sini jauh 30% ke 40% tingginya daripada harga di tempat-tempat biasa. Dan biasa inilah berlakunya begitu banyak orang yang membeli khusus tatkala bulan Ramadhan apabila orang berhenti sekejap untuk sembahyang, untuk berehat dan sebagainya sudah tentu anak-anak dan saudara mara untuk membeli barang-barang ini tanpa harga yang boleh ditawarkan.

Saya memohon daripada kementerian ini untuk membuat satu pemantauan pendekatan yang lebih teliti oleh kerana harganya terlalu mahal dan nampaknya daripada RM2.00 naik ke RM2.60 nampaknya sedikit. Tetapi jumlah 60 sen daripada RM2.00 harga biasa atau RM1.80, RM1.80 harga biasa adalah satu angka yang peratusan yang begitu tinggi.

Seterusnya saya ingin pergi kepada Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi yang telah diperuntukkan di bawah perbelanjaan pembangunan sejumlah RM3.05 bilion. Dan daripada ini saya difahamkan bahawa RM2.07 bilion akan dibuat pinjaman. Khusus kepada air isu pemindahan air daripada Pahang ke Selangor akan bermula pada tahun 2008 hingga pada tahun 2013 yang akan menelan belanja di antara RM3 bilion kepada RM3.8 bilion. Sebab-sebabnya ialah kerana kurang sumber bekalan air mentah, kawasan tadahan air kurang ataupun tercemar di Lembah Klang ini. Dan penduduk-penduduk di dalam kawasan ini telah bertambah sehingga di dalam Lembah Klang ini bertambah sehingga 7 *million* orang dalam erti kata hampir-hampir 30% penduduk Malaysia duduk di dalam Lembah Klang ini. Sebab-sebab lain lagi ialah aktiviti ekonomi yang begitu pantas dan rancak yang perlu kepada keperluan air ini. Kerajaan di dalam mendekati perkara ini sudah tentu akan memerlukan pinjaman.

Apa yang saya fahamkan pinjaman ini akan dipinjam daripada Japan Bank of International Corporation ataupun dengan lebih ringkas *is JBIC*. Secara ringkasnya ialah 82 bilion *Yen* akan dipinjam oleh kerajaan dalam lingkungan RM2.7 bilion kita untuk membuat kerja-kerja ini. Dan ini tidak termasuk daripada RM2 bilion yang akan dibelanjakan oleh pihak kerajaan untuk membuat kerja-kerja tanah dan pembayaran pampasan-pampasan dan lain-lain lagi. JBIC ini tidaklah mesra kepada kontraktor tempatan, mesti ialah apabila beri kepada JBIC ini ataupun *Japan Bank* ini ia sudah tentu akan menggunakan kepakaran-kepakaran daripada Jepun. Ia akan diguna *consultant-consultant* daripada Jepun, dia akan menggunakan spesifikasi-spesifikasi yang barangnya tidak ada langsung di dalam Malaysia. Dan ini sudah tentu akan memberi satu pendekatan kepada negara kita ini yang akan merugikan begitu banyak. Itu hanya satu projek sahaja yang saya beri contoh.

Saya ingin membawa contoh yang telah diberi satu kepada *Japan Bank of International Corporate* ini iaitu program menaikkan taraf sistem kumbahan Lembah Klang ini yang menelan belanja RM1 bilion. Daripada jumlah RM1 bilion ini tidak sampai pun 10% kerja-kerja yang telah ditawarkan kepada kontraktor tempatan. Bukan kerja kontraktor tempatan ini bukanlah erti kata orang-orang bumiputera termasuk seluruh kontraktor Malaysia. Dan barang-barang yang telah digunakan itu semuanya spesifikasi yang mesti diimport daripada Japan. Contoh yang kedua yang berlaku di negeri saya sendiri ialah di Terengganu, Kenyir *damp* yang begitu kita bangga-banggakan. Hanya diberi kerja-kerja menyambung tanah, membekal batu-batu yang besar dan itu sahaja kerja-kerja yang diberi yang telah begitu banyak dan pesat. Kita tidak lihat lagi daripada kesan-kesan kerosakan alam sekitar. *Consultant* semuanya daripada luar hanya diberi kepada

kerja-kerja yang begitu senang yang langsung tidak memberi satu pendekatan penambahan ilmu dari segi *contracture* dengan izin ataupun dari segi ilmu-ilmu yang boleh memberi kita jadi lebih mahir untuk masa-masa yang akan datang.

Oleh yang demikian saya menyeru, menyarankan ataupun memohon daripada kerajaan supaya khususnya di bawah kementerian ini mengkaji balik gunakanlah institusi-institusi tempatan kewangan yang masih mampu. Mungkin KLK, KWSP ataupun mana-mana institusi-institusi kewangan yang mampu untuk membiayai wang ini untuk menjalankan kerja-kerja pemindahan air daripada Pahang ke Lembah Klang ini. Dan ianya akan juga membuka peluang kepada konsultan tempatan, ianya akan juga memberi peluang kepada kontraktor tempatan terutama kontraktor bumiputera, ianya akan juga memberi peluang kepada penggunaan barang-barang tempatan. Yang lebih penting lagi ialah ianya memberi peluang kepada mereka yang ada dalam negara kita ini orang-orang kita sendiri untuk menimba ilmu kepakaran ini untuk dieksportkan pada masa-masa yang akan datang di negara-negara yang lain.

Oleh kerana tanpa kita beri pengalaman seperti ini sudah tentu tidak dapat kita menaikkan taraf keilmuan kita pada masa-masa akan datang. Di dalam kita melihat bahawa kerajaan sedang begitu ghairah untuk memperlihatkan kontraktor kita ke luar negara untuk mencari kerja-kerja baru, pasaran-pasaran baru. Tetapi yang menyedihkan kerja-kerja di Malaysia ini pula akan diberi kepada kontraktor-kontraktor asing. Dasar kerajaan ini perlulah kita dekatkan supaya ianya lebih mesra kepada keadaan sekeliling ini.

Seterusnya ialah Kementerian Kewangan. Kementerian Kewangan ini hanya sedikit sahaja khusus kepada ASB dan MAS iaitu pada 1 Disember baru-baru ini. Saya terbaca dalam Utusan Malaysia yang memperkatakan bahawa dividen ASB ini tidak diwajibkan mengeluarkan zakat. Jadi ini setelah dijawab di dalam soalan itu ialah negeri Selangor telah bermesyuarat dengan lebar panjang supaya zakat ini tidak perlu dikeluarkan oleh kerana tidak menepati hukum-hukum syarak.

Ini sudah tentu akan mengelirukan orang ramai. Oleh kerana terutama sekali orang-orang Islam perlulah dia ada satu penjelasan daripada Jabatan Perdana Menteri ataupun mana-mana yang bertanggungjawab untuk memberi satu gambaran bahawa ini adalah boleh digunakan orang-orang Islam boleh melabur ke tidak di dalam ASB ini. Oleh kerana ini satu merupakan satu perkara asas untuk kita melabur khususnya orang-orang Islam.

Di dalam hal MAS pula saya melihat saya memberi satu ucapan tahniah ataupun katanya angkat tangan tabik di atas keuntungan yang telah ditunjukkan oleh MAS. Di mana kita lihat bahawa jumlah RM300 juta lebih telah pun meningkat. Tetapi di dalam kita memperlihatkan keuntungan ini saya rasa supaya kita tidak dikelabukan mata, pandangan kita, tumpuan kita dengan lebih jelas lagi. Ini keuntungan semasa perlu juga diambil bahawa *accumulated* dengan izin, *losses* kena diambil kira. Ini keuntungan semasa tetapi kerugian yang sebelum ini tahun-tahun tidak diambil kira akhirnya ianya memberi satu gambaran kepada rakyat yang tidak sebenarnya

accounting itu tidak lah menghasilkan satu *accounting* yang baik dan dari segi pelabur-pelabur untuk membeli saham-saham MAS ini.

Yang seterusnya ialah berkaitan dengan berkait sama dengan cuti.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat masa cukup. Yang Berhormat boleh menyambung ucapan bila Dewan bersidang semula esok. Yang Berhormat masih boleh berucap selama 11 minit. Terima kasih. Ahli-Ahli Yang Berhormat mesyuarat ditangguhkan sekarang. Dewan bersidang semula pada pukul 10.00 pagi esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.30 petang.